

Jilid III  
Bil. 11



Hari Selasa  
9hb April, 1985

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 1605]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perikanan [Ruangan 1676]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., (Kubang Pasu).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., (Kepala Batas).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**
- „ Menteri Buruh, **DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).**

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P. D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N., (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.N. (Betuai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).

- Yang Berhormat DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

Yang Berhormat WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

.. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

.. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

.. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

.. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb April, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

D O A

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

BAYARAN RAWATAN DI  
HOSPITAL SARAWAK/SABAH

1. Tuan Andrew Janggi Muyang  
minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kadar bayaran rawatan yang dikenakan untuk pesakit-pesakit termasuk perempuan bersalin, pembedahan dan berbagai-bagai rawatan mengikut kelas di hospital-hospital di Sarawak dan Sabah; dan
- (b) mengapakah undang-undang yang mengenakan bayaran rawatan yang dikeluarkan baru-baru ini ditarik balik. Berapa jumlah wang yang telah dikutip dan dibayar balik kepada pesakit-pesakit.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bayaran rawatan yang dikenakan untuk pesakit-pesakit termasuk perempuan bersalin, pembedahan dan berbagai-bagai rawatan mengikut kelas di hospital-hospital di Sarawak dan Sabah adalah berdasarkan Perintah Fee

(Perubatan), 1982. Kadar ini adalah juga sama dengan hospital-hospital lain di Semenanjung Malaysia.

Undang-undang baru berhubung dengan bayaran rawatan yang telah dilaksanakan pada 1-12-1984 telah ditarik balik di Sabah dan Sarawak pada 10-12-1984 di atas sebab-sebab teknikal. Walau bagaimanapun, undang-undang bayaran tersebut diperkenalkan semula pada 1-2-1985. Jumlah wang yang dikutip dalam tempoh 1-12-1984 hingga 10-12-1984 iaitu setelah ditolak wang yang diterima mengikut kadar lama ialah \$5,000. Setakat ini sebanyak \$1,200 telah pun dibayar balik kepada pesakit, sementara bakinya sedang diproses untuk pembayaran balik.

**Datuk Edwin Anak Tangkun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sekiranya seseorang pesakit itu meninggal dunia selepas rawatan, siapakah yang bertanggungjawab untuk mengambil balik wang tersebut?

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya rasa warisnya boleh menuntut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir)*

PENUNTUT MALAYSIA DI  
UNIVERSITI AMERIKA

3. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pclajaran menyatakan sama ada benar, mengikut panduan yang diberi di

dalam Peterson's Guide, The Competitive Colleges, ramai penuntut Malaysia yang di hantar ke Amerika Syarikat dengan biasiswa Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dimasukkan ke Universiti-universiti jenis yang "Competitive" dan "Non-Competitive"; jika benar, nyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk memasukkan penuntut-penuntut kita ke Universiti-universiti yang "Very Competitive" dan "Highly Competitive" pada masa akan datang untuk memastikan penuntut-penuntut kita diberi peluang pelajaran yang optima.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kalau dikatakan ramai pelajar-pelajar di bawah tajaan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dimasukkan ke Universiti-universiti jenis yang "Non-Competitive". Kebanyakan pelajar-pelajar kita di Amerika Syarikat adalah belajar di Universiti-universiti yang dikategorikan sebagai "Competitive" dan "Very Competitive". Kemasukan pelajar-pelajar ke Universiti-universiti yang "Highly Competitive" itu bukan sahaja berdasarkan kepada prestasi akademik yang tinggi tetapi juga berdasarkan kepada kegiatan luar bilik darjah. Pelajar-pelajar kita juga terpaksa menghadapi persaingan daripada pelajar-pelajar di Amerika Syarikat dan daripada negara-negara lain yang juga ingin untuk memasuki Universiti-universiti sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berusaha untuk menempatkan pelajar-pelajar kita di Universiti-universiti yang "Highly Competitive" seperti Harvard University, Cornell University dan lain-lain lagi tanpa mengira pelajar-pelajar itu di bawah tajaan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun di mana umpamanya pada tahun 1984 Kerajaan telah memilih pelajar-pelajar yang bukan sahaja mempunyai prestasi akademik yang

terbaik tetapi juga mempunyai kegiatan ko-kurikulum yang cemerlang untuk ditempatkan di Universiti tersebut. Usaha ini akan dipergiatkan lagi di masa akan datang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat sudah menjadi kumpulan-kumpulan yang terbesar sekali apabila berbanding dengan lain-lain negara yang ada pelajar-pelajar di Amerika Syarikat, dan kalau begitu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka-angka jumlah pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat dan berapa peratus yang dihantar oleh Kerajaan atau Badan-badan Berkanun?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada angka daripada agensi Kerajaan tetapi termasuk yang bukan Kerajaan itu tidak ada dan perbandingan itu saya pun tidak pasti tetapi jumlah pelajar-pelajar Malaysia ialah di antara yang terbesar tetapi angka spesifik saya tidak ada, saya mohon notis.

**Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa pada tahun 1984 tidak kurang daripada 22,000 penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di Amerika Syarikat di bandar-bandar yang tertentu tetapi apa yang saya difahamkan bahawa terdapat ramainya penuntut-penuntut ini ditempatkan di sebuah bandar bernama Carbondale, menjadikan tempat ini sebuah perkampungan Malaysia dan terdapat pelajar-pelajar kita tidak begitu exposed, dengan izin, kepada warganegara dan cara-cara hidup masyarakat Amerika Syarikat. Adakah perkara ini disadari oleh Kementerian dan kita harap boleh atau tidak Kementerian menempatkan pelajar kita ini di merata-rata bandar di Amerika Syarikat supaya mereka ini dapat mengetahui selok-belok dan

mendalami pengetahuan mereka terhadap orang-orang di sana?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu soalan Yang Berhormat dari Melaka yang lupa saya jawab tadi iaitu 4,373 orang bilangan yang dihantar oleh pihak Kerajaan dan yang lain itu saya mohon notis.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan bahawa memang Kerajaan sedar di masa lepas bahawa kumpulan yang besar pelajar-pelajar kita dihantar ke satu bandar ataupun satu kawasan di mana mereka itu berkumpul dan salah satu daripada akibat yang tidak baik hasil daripada ini ialah mereka itu tidak dapat memperbaiki mungkin perhubungan, percakapan Bahasa Inggeris dan sebagainya. Jadi, sebab itulah apabila mereka balik daripada Amerika Syarikat kembali ke tanahair kita mengharap mereka boleh berbahasa Inggeris dengan baik tetapi oleh kerana keadaan begitu rupa maka mereka tidak dapat mencapai taraf yang diharapkan dalam Bahasa Inggeris.

Jadi, kita sekarang, mengkaji akan kedudukan ini dan pihak Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia (Malaysian Students Department) di luar negeri telah diarah untuk menentukan supaya keadaan ini tidak berlaku dan supaya seluruh yang dihantar itu akan kita sebarkan dan ditentukan supaya mereka mendapat peluang yang baik untuk bergaul, untuk memperbaiki Bahasa Inggeris dan sebagainya.

#### **SISTEM "CENTRAL TENDER"/ "CENTRAL STORE"/ PEMBEKAL TUNGGAL**

**4. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sistem "Central Tender", "Central Store" dan "Pembekal

Tunggal" sangat merumitkan Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian-kementerian tertentu seperti yang dirungutkan oleh mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Central Tender ataupun Tender Pusat adalah bertujuan membeli barang secara bersama di antara Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan. Faedah-faedah ialah untuk mendapatkan harga yang terbaik dari pembelian secara banyak, menyeragamkan penggunaan dan juga menyenangkan penyelenggaraan.

Di bawah sistem Central Tender ini Kementerian-kementerian tidak perlu mengadakan tender masing-masing secara berasingan, segala keperluan hanya dipesan secara terus dari Kontrak Pusat.

Oleh kerana cara ini menjimatkan tenaga dan masa pegawai Kementerian-kementerian, saya tidak faham bagaimana kerumitan yang boleh timbul kepada pegawai-pegawai berkenaan.

Berkenaan dengan Central Store ataupun Setor Pusat, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan menyimpan barang-barang keperluan Kementerian dan membolehkan pengurusan setor dibuat secara teratur dan cekap. Melalui Central Store ini ianya akan mengurangkan pembaziran dari segi simpanan stok dan juga mengelakkan daripada berlakunya gandaan ataupun, dengan izin, duplication dan kalau pun terdapat senang ianya dikesan.

Selain daripada itu juga sistem ini akan dapat menjimatkan tenaga dan ruang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembekal tunggal, ini bukanlah satu sistem perolehan Kerajaan, ianya merupakan sumber perolehan di mana

satu pembekal sahaja yang wujud bagi barang yang dikehendaki. Dalam keadaan tersebut pemilihan yang terbuka ialah sama ada Kerajaan membeli dari pembekal yang berkenaan ataupun tidak memperolehi barang yang dikehendaki. Bagaimana perkara ini boleh merumitkan pegawai-pegawai Kementerian, saya kurang dapat memikirkan bagaimana ianya boleh berlaku seperti yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan adakah benar terdapat setengah-setengah barang yang dibuat dengan cara Central Tender ini lebih mahal daripada yang dibeli dengan secara tunai oleh pejabat-pejabat tertentu sebab tender yang dilakukan itu ialah oleh pihak Kerajaan maka wangnya lambat kepada pembekal-pembekal.

Kedua, ada setengah tender dengan secara banyak begini, dengan secara Central Tender ini terdapat juga barang-barang yang kurang bermutu kerana apabila dibekalkan dengan barang yang banyak maka pihak yang berkenaan tidak lagi dapat menentukan barang itu semuanya jenis kualiti yang baik, ada di antaranya diselitkan dengan barang-barang yang kurang bermutu atau kurang baik. Jadi, bagaimanakah tindakan Kementerian ini ataupun pihak Kerajaan bagi menentukan bahawa semua bekalan yang dibekalkan itu adalah dari jenis yang baik dan bermutu sebagaimana yang dikehendaki.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada waktu-waktu tertentu di mana barang-barang yang dibeli melalui Central Contract mahal sedikit daripada membeli tunai oleh sebab pembelian tunai dari segi pusingan wang kepada yang berniaga itu lekas mendapat duit barangkali dia

sanggup menjual lebih murah sedikit daripada melalui kontrak sebab seperti yang kita ketahui melalui kontrak kadang-kadang memakan masa 1-3 minggu ataupun 1-3 bulan, mengikut keadaan-keadaan tertentu.

Walau bagaimanapun, kita akui kemungkinan lebih murah melalui tunai ini tetapi bagi Kerajaan membeli secara tunai tiap-tiap kali memerlukan barang-barang sudah tentulah sukar dari segi perakaunan dan sebagainya. Maka itu terpaksa juga barang-barang yang diperlukan oleh jabatan-jabatan Kerajaan terutama sekali kalau barang itu banyak yang diperlukan terpaksa dibeli melalui kontrak melalui cara ini barang-barang yang diperlukan akan tetap diperolehi bekalannya walaupun berlaku sekali-sekala kekurangan bekalan. Walaupun demikian perkara seperti ini jarang-jarang berlaku.

Kedua, mengenai dengan mutu barang-barang yang dibekalkan melalui Central Contract ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum seseorang itu diberi tender membekalkan barang-barang secara banyak kepada agensi-agensi ataupun Kementerian-kementerian yang memerlukan barang tersebut yang berkenaan terlebih dahulu diberi syarat-syarat dan juga dinyatakan kualiti ataupun mutu barang ataupun bahan-bahan yang diperlukan itu. Setelah satu-satu tender itu diberikan kepada seseorang pembekal maka pihak yang akan menggunakan ataupun yang akan memerlukan barang ini diberi tahu tentang standard ataupun mutu yang berkaitan dengan barang yang diperlukan itu dan saya ingin memaklumkan bahawa tiap-tiap agensi yang menggunakan bahan-bahan ini melalui tender mempunyai pegawai-pegawai bagi mengawasi serta memerhatikan supaya barang yang dibekalkan itu tidak rendah daripada mutu ataupun standard yang telah ditetapkan. Kalau terjadi sekali sekala, ini adalah sebab kecuaihan jabatan-jabatan berkenaan.

Pegawai-pegawai yang bertanggung-jawab di Kementerian Jabatan berkenaan hendaklah memastikan supaya bahan yang dibekalkan melalui tender tadi tidak dianggap sebagai sub-standard.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa di peringkat bawah yang melaksanakan projek-projek, alasan-alasan yang biasa diberikan ialah apabila tiang elektrik tidak dapat dicacakkan atau sudah cacak lama, wiranya tidak dipasang atau suisnya tidak boleh dipasang, kemudian kabel-kabel tidak dapat juga dipasangkan, alasannya ialah kerana bekalan tidak ada dan kami tidak dapat membeli barang-barang ini sendiri dari jabatan kami kerana ianya di dalam central tender ataupun di central store sudah tidak ada lagi. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini berlaku?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali keadaan ini ada waktu-waktunya benar. Barang-barang yang diperlukan itu tidak ada pada waktu yang diperlukan. Tetapi insiden ini tidak banyak dan juga waktu menunggu pun tidak lama. Tetapi kadang kala kalau Yang Berhormat sendiri misalnya berjumpa pegawai yang berkenaan, dia takut marah Yang Berhormat, maka pegawai berkenaan mulalah menyalahkan orang lain. Saya telah mengalami keadaan ini, saya pernah pergi ke tempat dan bertanya kepada pegawai berkenaan, katalah LLN misalnya, dia kata Kementerian Kewangan tidak memberi barang-barang ini dan sebagainya. Saya katakan saya daripada Kementerian Kewangan, kemudian dia beri pula alasan-alasan lain. Pokoknya dia tidak bersalah, orang lain juga yang salah. Dia takut kena marah, dia menyalahkan orang lain. Itulah yang

mungkin berlaku tetapi saya mengatakan tadi, memang ada, kadang kala bekalan-bekalan ini tidak ada, tetapi tidak ada itu bukannya sebab central contract tetapi barang itu memang tidak ada, tidak dapat hendak buat apa sekalipun, hendak beli cash atau tunai pun tidak dapat juga. Sebab kalau sudah tidak ada, beli macam mana pun tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir)*

#### LEBUHRAYA—PEMBINAAN DI LUAR BANDAR

**6. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak bandar-bandar utama seperti Tanjong Malim dan lain-lain telah "mati" atau tidak membangun kerana pembinaan lebuhraya dibuat luar jauh dari bandar-bandar ini walaupun ada jalan-jalan kecil yang menyambungunya dengan lebuhraya tetapi pemandu-pemandu kenderaan tidak berminat hendak singgah di sana, sebaliknya persimpangan jalan yang menuju ke bandar ini pula yang pesat membangun.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya-lebuhraya yang dibina pada masa ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang cepat serta selamat kepada pengguna-pengguna. Oleh itu aliran lebuhraya-lebuhraya ini seberapa boleh mengelakkan bandar-bandar sama ada bandar-bandar utama atau bandar-bandar kecil supaya kesesakan di dalam bandar-bandar tersebut dapat diatasi. Namun begitu, di mana terdapat bandar-bandar yang berhampiran sesuatu lebuhraya itu, jalan-jalan susur yang sesuai adalah

dibina bagi membolehkan pengguna-pengguna lebuh raya itu singgah di bandar-bandar tersebut.

Kerajaan memang telah mengambil kira kemungkinan berlakunya bandar-bandar yang tidak dilalui lebuh raya ini akan mati. Akan tetapi kemajuan bandar-bandar tersebut tidak semestinya bergantung semata-mata kepada lebuh raya yang melalui bandar-bandar tersebut. Malah penduduk-penduduk di bandar-bandar tersebut akan lebih selamat lagi dan kesesakan lalu lintas dapat dielakkan jika lebuh raya tidak melalui bandar-bandar tersebut.

Berhubung dengan pembangunan yang terdapat di persimpangan jalan yang menuju ke bandar pula, sebenarnya Kerajaan tidak menggalakkan pertumbuhan gerai-gerai atau kedai-kedai di persimpangan-persimpangan tersebut. Tetapi kalau pertumbuhan ini dipersetujui oleh Perancang Negeri, kita semua patut memberi sokongan kerana ianya memberi pertolongan kepada rakyat yang ingin berniaga. Tetapi sebaliknya kalau pembangunan ini tidak dapat persetujuan Perancang Bandar, tindakan akan diambil dari masa ke semasa bagi mengelakkan pertumbuhan gerai-gerai dan kedai-kedai tersebut yang tidak sesuai.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya ada menyebut bahawa pembinaan gerai-gerai dan kedai-kedai di tepi jalan lebuh raya boleh dibuat sekiranya diluluskan oleh pihak Perancang Bandar di negeri-negeri yang berkenaan. Soalan saya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mensekukan peraturan mengadakan bangunan-bangunan dan gerai-gerai di tepi lebuh raya supaya diadakan batas-batas di mana misalnya tidak dibenarkan mendirikan bangunan-bangunan kedai dan sebagainya kurang daripada

setengah batu atau satu batu daripada kawasan lebuh raya, oleh kerana inilah amalan yang biasa dilakukan oleh negeri-negeri luar iaitu pembangunan mestilah jauh daripada kawasan lebuh raya untuk mengelakkan kesesakan lebuh raya itu dan juga untuk mengadakan keselamatan terhadap penduduk-penduduk sekitarnya?

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak membetulkan sedikit jawapan saya tadi yang saya katakan di persimpangan lebuh raya yang menuju ke bandar-bandar kecil ataupun bandar-bandar utama ini, bukan di sepanjang lebuh raya. Yang keduanya, saya katakan sekiranya dipersetujui oleh pihak Perancang Kampung dan Bandar maka ianya dibenarkan dan sekiranya tidak dipersetujui, tidak boleh dibenarkan.

Tentang keseragaman perancang yang sepatutnya ada ataupun semestinya dilakukan mengikut apa yang dilakukan di negara-negara luar, di dalam negara kita ini pun memang sudah ada sistem yang begini. Pada jalan-jalan yang biasa, semua pembinaan bangunan hendaklah lebih jauh daripada 100 kaki daripada tengah jalan, tetapi kadang-kadang ada juga daripada rakyat kita yang telah melanggar peraturan ini dan mereka ini kebanyakannya telah didakwa oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Untuk menjawab ataupun untuk menerangkan lebih lanjut mengenai sistem pembinaan di sepanjang lebuh raya Malaysia, pada hari ini memang kita ada satu sistem keseragamannya. Dalam jarak 70 kilometer kita ada satu hentian sebelah di mana hentian sebelah ini akan terdapat kemudahan-kemudahan seperti restoran ataupun gerai jualan buah-buahan, tempat rehat dan juga tempat jualan minyak petrol, diesel dan sebagainya. Sistem ini sedang

dirangka bagi seluruh lebuhraya daripada utara ke selatan.

Satu daripada contohnya dalam bekalan minyak telah dibina di perantaraan Kuala Lumpur dan Seremban yang kebanyakan telah diputus, stesyen atau pusat bekalan minyak ini akan dilakukan atau didirikan oleh PETRONAS iaitu Badan Pengelola Petrol di negeri kita ini.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam jawapan Yang Berhormat sebentar tadi ada menyatakan iaitu pembinaan gerai-gerai di persimpangan lebuhraya-lebuhraya ini tidaklah berapa digalakkan dan saya rasa dengan adanya lebuhraya yang dibina oleh Kerajaan, adalah seolah-olah merupakan satu perbuatan yang boleh kita anggap sebagai satu diskriminasi kepada peniaga-peniaga di bandar-bandar kecil yang tertinggal. Walaupun ini bukan diskriminasi tetapi semacam, kerana apabila lebuhraya ini dibina, peniaga-peniaga di pekan-pekan kecil ini hampir-hampir mati. Apabila pihak Kerajaan menggalakkan ataupun membenarkan pembinaan gerai ataupun restoran dan rumah-rumah rehat di persimpangan lebuhraya ini, adakah pihak Kerajaan menimbangkan supaya peniaga-peniaga yang terlibat itu diberi keutamaan untuk berniaga di tempat tersebut supaya mereka dapat memindahkan perniagaannya ke tepi lebuhraya untuk memulihkan semula keadaan perniagaan mereka yang telah jauh merosot daripada masa yang lepas-lepas?

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya kalau kita adakan tempat-tempat perniagaan begini maka permohonan-permohonan akan dibuka. Satu Jawatankuasa akan mengkaji semua permohonan ini adakah pemohon-

pemohon ini layak atau tidak untuk dapat gerai-gerai bagi tempat-tempat yang berkenaan. Saya yakin sekiranya penerangan di dalam temuduga bagi mendapatkan gerai-gerai untuk perniagaannya dikemukakan oleh pemohon-pemohon dengan lebih terang dan jelas, maka ianya adalah boleh dipertimbangkan. Tetapi kemungkinan juga ada pemohon yang tidak memberi satu keterangan yang lebih jelas, sebaliknya untuk mencari peluang yang lebih baik, maka perkara ini kemungkinan ianya tidak akan dapat dipertimbangkan.

Pemohon-pemohon begini kita nasihatkan supaya ianya mengemukakan terus kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu dan janganlah menunggu pada masa apabila semua permohonan telah masuk ke gerai-gerai yang berkenaan, akan timbul pula masalah tentang tidak puas hati dan sebagainya.

Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia umpamanya akan menyediakan gerai-gerai di tempat-tempat yang berkenaan dan keutamaan akan diberi kepada penduduk-penduduk tempatan dan kita akan memerhatikan hakikat ini akan berjalan dengan sempurna.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa melintas satu lebuhraya ini adalah lebih bahaya daripada kita melintas sebuah sungai yang mempunyai buaya di dalamnya, misalnya. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang apabila satu-satu kampung itu ada sekolah di seberang jalan ini dan di seberang ini pula ada penduduk yang hendak melintasi, misalnya, anak-anak sekolah, untuk pergi ke sekolah, pihak JKR ini membina jambatan melintasi lebuhraya tersebut dan untuk membanyakkan tempat-tempat melintas umpama kata lebuhraya di

tempat-tempat yang sesak di bandar-bandar sebagaimana Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur supaya bahaya melintasi tidak akan menjadi beban kepada orang yang melintas.

**Tuan Zainal Abidin bin Zain:** Tuan Yang di-Pertua, perbandingan bahaya lebuhraya dengan sungai yang ada buaya ini saya tidak setuju, Tuan Yang di-Pertua, sebab hari ini buaya takut kepada manusia. Tetapi lebuhraya berlainan. Orang berani kepada lori dan kepada kenderaan. Jadi, untuk mengelakkan daripada mereka ini terdedah dengan kemalangan, Tuan Yang di-Pertua, pihak perancangan dan pembinaan Lebuhraya Malaysia kita, khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia dalam perancangan dan pengesyorannya menentukan bahawa adanya jalan-jalan susur dan juga terowong-terowong yang boleh dilalui oleh pengguna-pengguna ataupun penduduk-penduduk tempatan bagi menjalankan usaha kerja seharian ataupun berulang alik daripada dusun ke rumah atau dari sekolah ke rumah bagi kanak-kanak. Saya yakin, kalau peraturan-peraturan ini diikuti dan kita berharap bahawa lebuhraya kita ini akan menjadi tempat yang lebih selamat.

Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, kita juga merancang bahawa lebuhraya ini tidak boleh dilintasi orang, kecuali bagi orang-orang yang hendak menggunakan lebuhraya dari Utara/Selatan ataupun dari Selatan/Utara kerana sepanjang lebuhraya ini akan dipagar. Dan ini sudah tentulah menjaga orang-orang yang akan menggunakan jalan pendek melintasi lebuhraya ini. Kita menasihatkan kepada orang-orang ini supaya menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada. Dan sekiranya terdapat kawasan-kawasan yang kemudahan ini masih tidak ada, kita juga tidak boleh buat kemudahan-kemudahan ini umpamanya satu rantai

satu atau setengah batu atau suku batu satu kerana ianya memakan belanja yang begitu banyak.

Saya yakin apa yang kita rancangkan sekarang ini kebanyakannya memuaskan hati penduduk-penduduk tempatan. Dan sekiranya kawasan Ahli Yang Berhormat ada menghadapi masalah ini kita sedia menimbangkannya ataupun memberi perhatian.

### HICOM—JUMLAH PROJEK

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan projek yang dijalankan oleh HICOM pada 28-2-1985 dan berapakah jumlah nilai semua projek ini;
- (b) berapakah jumlah kakitangan yang memperkuatkan HICOM sekarang dan apakah rancangan pengambilan kakitangan berhubung dengan berbagai projek; dan
- (c) adakah terdapat satu dasar yang jelas dan tetap yang memandu penglibatan HICOM dalam kegiatan "down-stream" supaya tidak berlaku pertindihan usaha dengan sektor swasta, jika ada, adakah boleh diterangkan perkara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga tarikh 28hb Februari, 1985, bilangan projek yang dijalankan oleh HICOM melalui anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu adalah 12 kesemuanya.

Anggaran keseluruhan kos projek-projek yang sedang dijalankan setakat akhir bulan Januari 1985, adalah \$2.719 juta. Kos ini adalah termasuk modal pusingan, perbelanjaan pra-operasi dan faedah semasa dalam pembinaan. HICOM sebagai sebuah

syarikat induk hanya mempunyai jumlah kakitangan seramai 129 orang. Walau bagaimanapun jumlah kakitangan di dalam kumpulan HICOM termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat sekutunya adalah 1,896 orang. Dan bilangan ini akan bertambah dengan kemajuan pelaksanaan projek-projek baru.

Rancangan penambahan kakitangan untuk keperluan projek-projek telah dirancang dengan teliti. Rancangan pengambilan kakitangan baru untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kakitangan</i>
1985 .. .. .	4,624
1986 .. .. .	6,315
1987 .. .. .	6,979
1988 .. .. .	7,235
1989 .. .. .	7,666
1990 .. .. .	8,071

HICOM telah ditubuhkan oleh Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri berat di negara ini. Peranan yang dimainkan oleh HICOM ialah untuk mengesan, melaksanakan dan mengurus projek-projek di dalam bidang industri berat. Ciri-ciri utama industri berat adalah projek-projek yang melibatkan modal dan teknologi tinggi serta masa pulangan modal yang agak lama.

Projek-projek industri berat ini juga diharap dapat membuka peluang ke arah perkembangan industri sokongan dan sampingan. Ianya juga akan menimbulkan peluang dari aspek aktiviti dengan izin, "upstream dan downstream". Di dalam hal ini sejajar dengan dasar Kerajaan, HICOM tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bertindih dengan usaha sektor swasta.

HICOM sedang menggalakkan sektor swasta merebut peluang di dalam membangun industri sampingan

ini. Walau bagaimanapun, di mana difikirkan perlu bagi kejayaan sesuatu projek dan pihak swasta tidak menunjukkan minat membangun maka HICOM tidak mempunyai jalan lain melainkan menceburkan diri.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa memandangkan kemelesetan ekonomi yang sedang dialami oleh negara kita dan mungkin akan dialami buat beberapa tahun lagi, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula setengah-setengah daripada projek HICOM ini supaya menanggukkan mereka ini ataupun mengurangkan scale projek-projek yang tertentu.

Soalan yang kedua, apakah rancangan-rancangan latihan yang telah dan sedang dilaksanakan untuk kakitangan projek-projek HICOM memandangkan bahawa projek-projek ini memerlukan kemahiran yang khusus dan berapakah kakitangan yang terlibat dalam rancangan latihan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi projek-projek di bawah HICOM adalah 12. Ini dilaksanakan secara berkongsi dengan pihak-pihak yang berkenaan. Dan sama ada kita menanggung atau tidak tangguh, setakat ini belum timbul oleh kerana projek-projek yang telah dipilih sebagai usaha sama daripada HICOM itu adalah projek-projek yang begitu penting sebagai viable.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat menanyakan dari segi latihan. Sudah tentu dalam rangka syarikat-syarikat bersekutu atau anak-anak syarikat dari HICOM melaksanakan tugas-tugas dari masa ke semasa syarikat ini sendiri menghantar pegawai-pegawai untuk didedahkan. Selain daripada itu juga pegawai-pegawai HICOM sendiri secara langsung bukan sahaja

didedahkan, tetapi juga diberi kemampuan profesionalisma yang lebih untuk mengendalikan usaha-usaha ataupun projek-projek di bawah HICOM.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah benar Kerajaan membelanjakan projek HICOM ini terlalu besar sampai ke \$5 bilion dan tindakan projek ini akan menjejaskan projek-projek yang lain di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan tidak menganggap pelaburan di dalam HICOM ini terlalu besar oleh kerana HICOM mempunyai matlamatnya sendiri untuk membangunkan industri negara kita seperti yang saya telah nyatakan; dan

Yang kedua, kita juga tidak berfikir bahawa ia akan mengakibatkan ataupun menjejaskan projek-projek ataupun usaha-usaha yang lain.

#### PENSWASTAAN PERKHIDMATAN TELEKOM

**8. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan peringkat manakah proses Penswastaan Perkhidmatan Telekom telah dicapai dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dari penswastaan perkhidmatan ini.

10-4-85

**7. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebabnya skim penswastaan perkhidmatan telekom tidak dilaksanakan mengikut jadual.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab

soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon yang dijadualkan pada 10-4-1985 yang kedua-duanya bersabit dengan penswastaan perkhidmatan telekom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya ada beberapa perkhidmatan telekomunikasi di negara ini termasuk penjualan alat-alat yang tertentu memang sudah dijalankan secara langsung oleh pihak swasta. Misalnya pihak swasta memang sudah dibenarkan untuk menjual radas-radas telefon dan PABX yang telah mendapat kelulusan type of approval dari Jabatan Telekom. Selain daripada itu juga telefon awam yang ada di negara ini lebih-lebih lagi di bandar-bandar besar memang sudah diberi kawasan-kawasan untuk menjalankan perniagaan mereka ataupun di Franchise kepada syarikat swasta. Begitu juga dalam pelaksanaan projek memperluaskan rangkaian telefon di negara ini di mana dahulunya dikerjakan oleh Jabatan Telekom sendiri, tetapi sekarang ianya dilaksanakan oleh pihak swasta secara contract turnkey. Walau bagaimanapun pengendalian public telephone network di negara ini masih lagi di bawah tanggungjawab Jabatan Telekom negara.

Kerajaan berpendapat bahawa kedudukan kakitangannya atau birokrasi Kerajaan memang agak besar dari segi peratusnya berbanding dengan hasil pendapatan dan juga jumlah penduduk dalam negara ini. Perkara ini jika dibiarkan berlanjutan sudah tentu Kerajaan akan dibebankan dengan tanggungjawab yang berat dari segi perbelanjaan birokrasi pada masa depan. Oleh itu Kerajaan bertujuan mengurangkan peratus kakitangan dan birokrasi Kerajaan ini sebagai suatu langkah yang perlu diambil

untuk menjaga kepentingan perkembangan ekonomi negara. Justeru itu beberapa perkhidmatan yang biasanya dikendalikan oleh Jabatan Kerajaan boleh dipertimbangkan untuk diserahkan kepada pihak swasta atau kepada organisasi yang berbentuk syarikat, satu daripada perkhidmatan ini ialah perkhidmatan telekom, kita perlu mencari cara untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan di masa hadapan.

Kedua, perkhidmatan telekomunikasi ialah suatu perkhidmatan di mana teknologinya berubah dengan cepat dan oleh itu memerlukan pengendalian yang tidak terlampau birokratik. Soalan yang timbul ialah apakah langkah yang perlu diambil untuk mengubah bentuk organisasi itu dengan hasrat ianya akan menjadi satu organisasi yang bersyarikatan. Setelah diterima dengan mendalam Kerajaan berpendapat kita menimbang kemungkinan untuk mewujudkan satu organisasi yang berbentuk syarikat di bawah Akta Syarikat. Pada permulaannya mungkin modalnya dipunyai oleh Kerajaan dan selepas itu setelah masanya dipastikan sesuai, baru kemungkinan menerima pelaburan luar daripada modal Kerajaan, tetapi kita bertujuan untuk membentuk syarikat ini selepas dipastikan implikasinya termasuk cara untuk memindahkan pegawai-pegawai perkhidmatan Kerajaan kepada sebuah syarikat. Dalam hal ini kita tidak terikat kepada suatu tarikh yang inflexible.

Sebenarnya belum ada keputusan ataupun tarikh yang muktamad ditetapkan bersabit dengan perkara ini dan tidaklah timbul bahawa tindakan untuk menswastakan pengendalian Jabatan Telekom tidak mengikut jadual. Apa yang kita perlu teliti ialah jika peralihan perkhidmatan dari sebuah Jabatan Kerajaan kepada organisasi berbentuk syarikat

dilakukan, ianya akan dialih dengan licin untuk menjamin bahawa perkhidmatan telekomunikasi kepada negara tidak terjejas.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada benar atau tidak Jabatan Telekom ini merupakan salah satu daripada beberapa buah Jabatan Kerajaan sahaja yang menghasilkan keuntungan yang banyak setakat ini, dan adakah penswastakan Jabatan Telekom ini akan mendatangkan kerugian kepada Kerajaan dari segi kewangannya.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, memang adalah benar Jabatan Telekom adalah salah satu Jabatan Kerajaan yang mencapai keuntungan yang boleh dianggap besar. Saya berkeyakinan bahawa sekiranya Jabatan ini diswastakan, kita akan mencapai keputusan yang sama juga.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, apakah dengan penswastakan ini kita akan dapat mengurangkan bilangan senarai menunggu untuk mendapat perkhidmatan telefon.

Kedua, apakah dengan keuntungan yang besar yang dimiliki oleh telekom itu menjadikan tuntutan bil-bil telefon terlampau tinggi yang dijalankan sekarang ini, misalnya sebelum menggunakan komputer dahulu selama 8 tahun bayaran bil telefon habis banyak \$300, tetapi apabila menggunakan komputer, bil telefon sampai \$600-\$800. Jadi apakah ini merupakan pendapatan yang begitu tinggi hasil daripada tuntutan yang berlebihan daripada pihak telekom?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, pihak telekom pun telah merancang supaya menambah

sebanyak 1.2 juta talian telefon pada hujung bulan ini. Ini adalah dijangkakan.

Bagi tahun 1988 pula pihak telekom akan menambah sebanyak 1.7 juta talian dalam masa itu. Ini adalah mencerminkan pihak telekom telah berusaha sejauh mana yang boleh untuk menambahkan perkhidmatan telefon ini untuk memenuhi permintaan orang ramai.

Mengenai bil telefon yang berbeza-beza atau diadukan itu, jawapannya memang orang ramai atau pelanggan itu telah membuat panggilan yang lebih banyak dan ini akan mengakibatkan bilnya yang telah menjadi lebih tinggi, tetapi sekiranya ada aduan-aduan tertentu, ini harus disiasat daripada satu kes ke satu kes untuk menentukan apakah sebab bilnya telah menjadi lebih tinggi.

#### **SYARIKAT PEMBEKAL UBAT— KUATKUASA MENDAFTAR**

**9. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan menjalankan kuatkuasa mendaftar syarikat-syarikat pembekal ubat di Malaysia supaya dapat dikawal kemasukan ubat-ubat generik yang membahayakan kesihatan rakyat.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat dan perniagaan adalah didaftarkan di bawah perundangan berkenaan dengan pendaftaran perniagaan dan syarikat-syarikat di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Syarikat-syarikat yang mengimport dan membekalkan ubat narkotik atau racun perlu memperolehi lesen daripada Kementerian Kesihatan di bawah Akta Dadah Berbahaya serta Ordinan Racun.

Pada masa ini ubat-ubat generik, iaitu ubat-ubat dengan nama yang

bukan cap dagangan, boleh diimport oleh syarikat-syarikat yang bertanggungjawab ke atas mutu dan efikasi ubat-ubat itu. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kedua-dua ubat generik dan ubat dengan nama atau cap dagangan boleh membahayakan kesihatan rakyat jika disalahgunakan atau jika dikeluarkan dengan amalan pengeluaran yang tidak baik.

Di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi, semua syarikat yang mengimport dan syarikat-syarikat yang mengeluarkan ubat-ubatan diperlukan memohon lesen, sama ada mereka mengeluarkan ubat generik ataupun ubat dengan nama perdagangan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Timbalan Menteri berapa banyakkah syarikat-syarikat pembekal ubat yang ada di Malaysia sekarang yang telah didaftarkan dan di antaranya berapa buah syarikat bumiputera.

Yang kedua, apakah pihak Kementerian sedar bahawa lebih daripada 50% pesakit-pesakit yang ada di hospital, terutama sekali di sebelah Pantai Timur adalah akibat daripada memakan ubat-ubat yang dibawa masuk terutama sekali daripada Selatan Thailand.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai angka-angka yang ditanya itu, saya mohon notis kerana angka-angka itu adalah sangat terkeluar daripada soalan asas.

Mengenai ubat-ubat dari Thailand, saya belum pernah dengar bahawa orang Kelantan begitu banyak sakit teruk akibat memakan ubat Thailand (*Ketawa*). Saya dengar ada ubat-ubat lain yang membawa sakit, tetapi ubat-ubatan pharmaceutical dari Thailand belum saya dengar membawa sakit.

Saya akan siasat jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang lebih tepat mengenainya.

### BANK ISLAM—MENAMBAH MODAL

**10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa Kerajaan tidak menambah modal kepada Bank Islam supaya bank tersebut dapat melayani permohonan daripada pelanggan-pelanggannya.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah keperluan modal bagi sesebuah institusi kewangan adalah bergantung kepada keperluan operasi institusi tersebut.

Jumlah modal dibayar bagi Bank Islam Malaysia Berhad pada akhir bulan Februari 1985 ialah sebanyak \$79.9 juta ataupun 32% jika dibandingkan dengan jumlah pinjaman. Jumlah ini adalah mencukupi dari segi kecukupan modal untuk menampung keperluan operasi bank itu pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, modal Bank Islam

	<i>Tahun</i>				
1980	..	..	..	..	..
1981	..	..	..	..	..
1982	..	..	..	..	..
1983	..	..	..	..	..
1984	..	..	..	..	..

Kementerian Kewangan memang bercadang untuk mengeluarkan surat jaminan pada tahun 1985 ini dan sehingga ini pun sebanyak \$292 juta telah dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pengeluaran jaminan ini adalah bergantung kepada keperluan kewangan agensi-agensi Kerajaan bagi

dijangka akan ditambah lagi di masa hadapan selaras dengan perkembangan operasinya.

### SURAT JAMINAN DAN NILAINYA

**11. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) berapa surat jaminan dan nilainya yang dikeluarkan oleh Kerajaan melalui Bank Negara semenjak 1980 sehingga hari ini; dan

(b) apakah Kementerian beliau bercadang mengeluarkan surat jaminan pada 1985; jika ya, sila sebutkan nilainya.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jaminan yang dikeluarkan oleh Kerajaan adalah dibuat melalui Perbendaharaan Malaysia dan tidak melalui Bank Negara. Semenjak tahun 1980 hingga kepada penghujung tahun 1984 sebanyak 109 surat jaminan yang bernilai \$8,524 juta telah dikeluarkan oleh Kerajaan. Kedudukan pinjaman itu adalah seperti berikut:

<i>Pinjaman/Surat Jaminan</i>	<i>Nilai (\$ juta)</i>	
13	914	
17	1,243	
34	2,760	
30	2,404	
15	1,202	

membaiyai projek-projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, adalah dijangka jumlah jaminan yang dikeluarkan pada tahun 1985 ini akan berkurangan berbanding dengan tahun 1984 selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan oleh sebab kedudukan ekonomi negara.

## LPN—KERUGIAN YANG DITANGGUNG

12. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apa punca yang menyebabkan Lembaga Padi Negara (LPN) mengalami kerugian teruk setiap tahun. Dan apa tindakan telah diambil supaya mengelak kerugian di masa depan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, "kerugian" yang ditanggung oleh LPN pada setiap tahun bukanlah merupakan kerugian yang mutlak seperti yang difahami dalam konsep urusan niaga perniagaan. Ianya adalah merupakan pembiayaan yang perlu ditanggung oleh LPN dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai agensi Kerajaan dengan matlamat untuk mewujudkan kestabilan di dalam harga padi dan beras melalui pelaksanaan harga tawaran padi.

Di dalam melaksanakan fungsinya, LPN sering menghadapi keadaan berikut:

- (1) pembeli terakhir sekiranya pengilang-pengilang swasta tidak membeli padi;
- (2) LPN mesti membeli padi yang dibawa kepadanya oleh petani-petani tanpa mengira mutu padi yang dibawa;
- (3) LPN sering membeli padi melebihi jumlah keupayaan memproses yang mengakibatkan padi yang dibeli itu lambat diproses. Ini menjejaskan mutu beras yang akan dihasilkan. Beras ini pula sukar untuk dijual kerana permintaan pengguna tertumpu kepada beras dari gred yang baik;
- (4) jarak musim tuaian menjadi semakin singkat menjadikan aliran masuk padi ke dalam

komplek LPN bertambah cepat berbanding dengan keupayaan pengilangan yang masih kekal pada tahap yang sama;

- (5) pembelian padi musim kedua yang jatuhnya pada musim hujan di mana sebahagian besar padi yang dibeli adalah padi yang mengandungi wap basah yang tinggi yang perlu diproses serta-merta. Apabila pemerosesan serta-merta tidak dapat dilaksanakan, padi tersebut akan mengalami kejatuhan mutu;
- (6) wujud amalan petani yang tidak memberangsangkan seperti menjual padi yang belum dikeringkan atau padi yang mengandungi kotoran-kotoran seperti sampah dan hampa. Padi dari jenis ini lambat dapat diproses kerana ianya perlu dibersihkan dahulu.

Bagi mengatasi masalah ini, LPN telah pun mengambil beberapa tindakan jangka pendek seperti menyediakan kemudahan pengeringan dengan mengadakan unit-unit alat pengeringan "flat bed" dan "moisture extraction" dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan sementara untuk menyimpan padi. Bagi langkah jangka panjang pula, LPN akan menambah kemudahan kompleks mengering dan mengilang padi.

Dalam masa Rancangan Malaysia Keempat ini LPN sedang dalam proses membina 3 buah kompleks tambahan, iaitu di Seberang Perak, Negeri Perak; Bagan Terap, Selangor dan Chekali, Kelantan. Kerja-kerja awal mengenai pembinaan ini sedang dilaksanakan yang meliputi kajian tapak dan perundingan teknik. Kerjasama petani-petani adalah juga penting di dalam usaha mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh LPN ini. Amalan baik pengendalian padi selepas tuaian perlu dilaksanakan seperti menjaga mutu padi yang

hendak dijual, memastikan padi tersebut adalah kering dan kurang mengandungi hampa, padi muda dan lain-lain benda asing.

Jika perkara ini dapat dilakukan secara tidak langsung petani akan dapat membantu LPN melaksanakan fungsinya dengan lebih licin lagi. Akibat dari fakta-fakta yang telah dinyatakan di atas, LPN sememangnya mengalami apa yang dianggapkan kerugian. Walau bagaimanapun, sebarang perangkaan yang membayangkan kerugian ini adalah lebih merupakan kos pembiayaan operasi LPN daripada kerugian yang mutlak. Terima kasih.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada kerugian LPN tiap-tiap tahun ini disebabkan oleh masalah rasuah dan sebab beberapa pegawai-pegawai tinggi LPN bertukar jawatan, adakah berkaitan dengan rasuah juga.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak dan soalan yang kedua tak berbangkit.

#### EXPRESS NASIONAL— PERKHIDMATAN MESRA

**13. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapa "Perkhidmatan Mesra" oleh bas-bas kepunyaan Express Nasional (Mara Express) tidak lagi memuaskan seperti pada mula-mulanya ia diadakan, memandangkan bahawa akhir-akhir ini kain selimut untuk penumpang-penumpang pada waktu malam tidak disediakan, air minum percuma tidak diberikan dan pita video tidak ditayangkan dan pemandu-pemandu tidak bermesra dengan penumpang-penumpang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, setakat mana yang diketahui Perkhidmatan Mesra masih lagi memberikan perkhidmatan yang memuaskan, malah bas-bas Perkhidmatan Mesra merupakan bas-bas yang tinggi muatan penumpang di samping menjadi keutamaan permintaan pelanggan-pelanggan semasa pembelian tiket.

Pada lazimnya sebagai sebuah syarikat yang menjalankan service industry, kadang kala terdapat perkara-perkara yang berlaku seolah-olah memberi gambaran khidmat itu kurang memuaskan. MARA sentiasa menentukan Perkhidmatan Mesra, mesra selalu.

**Tuan Omar bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Omar bin Abdullah:** Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyebut tentang kejayaan Express Nasional dan lain-lain bas di bawah MARA. Memandangkan kejayaan ini, adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan lagi laluan-laluan bas-bas Express Nasional ini dan adakah Express Nasional mempunyai rancangan untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera yang lain memandangkan pengalaman yang telah dilalui oleh Syarikat Express Nasional ini kepada syarikat-syarikat bumiputera yang mengalami kerugian ataupun yang ingin lebih maju lagi mendapat faedah daripada kejayaan Express Nasional tadi. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Haji Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu tidak ada kaitannya. Bagaimanapun pandangan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh MARA.

## PERKHIDMATAN POS

**14. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa perkhidmatan pos di dalam negeri ini sangatlah lambat dan sama sekali tidak memuaskan, lebih-lebih lagi di pendalaman. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan lagi perkhidmatan pos supaya masa tidak akan dibuang begitu sahaja.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos telah dan sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki dan meninggikan mutu dan kecekapan Jabatan Pos. Jabatan Pos sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk menyerahkan semua mel pos biasa dalam bandar-bandar besar dalam tempoh 24 jam.

Bagi tempat-tempat lain dalam negeri, Jabatan Pos berusaha sedaya-upaya menyerahkan mel-mel dalam tempoh 48 jam. Jabatan Pos bergantung kepada pengangkutan awam seperti syarikat-syarikat penerbangan, keretapi, bas dan lain-lain untuk pengangkutan mel. Jika terdapat kegagalan dalam sistem pengangkutan awam, maka ini akan menjejaskan pengangkutan mel kita. Bagaimanapun Jabatan Pos sentiasa berhubung rapat dengan pihak pengangkutan awam untuk menentukan mel-mel tidak mengalami kelewatan semasa dalam perjalanan.

Bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos, Jabatan Pos telah memperkenalkan perkhidmatan ekpress sepanjang jalan di antara bandar-bandar besar termasuk Kuching dan Kota Kinabalu. Perkhidmatan "intel-post" juga telah diperkenalkan bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mempercepatkan lagi pencapaian matlamat yang telah disebutkan tadi, Jabatan Pos sedang membuat persiapan bagi melaksanakan Sistem Poskod Kebangsaan yang akan diikuti dengan pengisian mekanisasi. Sistem ini bertujuan mengatasi masalah-masalah kelewatan pengisian surat dan melalui penggunaan mesin-mesin pengisian dan tugas-tugas memproses mel akan dapat dipercepatkan lagi bagi membolehkan penyerahan surat dibuat dengan seberapa cepat mungkin.

Selain daripada itu, rancangan-rancangan untuk memperluaskan rangkaian Pejabat Pos, Pejabat Pos Bergerak dan Wakil-wakil Pos akan diteruskan di masa hadapan khususnya bagi memenuhi keperluan rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 5 dan 15 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).*

## INSURAN ISLAM—PELAKSANAAN

**2. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha Kerajaan untuk mencapai dalam kejayaan dalam melaksanakan Insurans (Takaful Islam) di Malaysia dan adakah Insurans Islam yang tersebut akan terhad kepada orang-orang Islam sahaja atau ianya boleh diberi dan dibuka peluang kepada orang-orang yang bukan Islam juga;
- (b) adakah Insurans Islam ini akan diberi peluang kepada siapa-siapa yang mampu boleh

menubuhkan syarikat-syarikat Insurans Islam? Ataupun ini ditentukan kepada syarikat-syarikat yang terdiri dari anak-anak syarikat Kerajaan sahaja.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):**

(a) Perniagaan takaful tidak dikendalikan oleh Kerajaan tetapi oleh pihak swasta. Kerajaan hanya mengadakan kemudahan perniagaan takaful bagi tujuan menyerap nilai-nilai Islam dalam negara kita kerana memenuhi kehendak orang ramai. Sehingga ini, Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd telah diperbadankan pada 19hb November, 1984 dengan modal dibayar sebanyak \$10 juta dan usaha-usaha telah dilaksanakan untuk mengambil kakitangan dan setakat ini 30 orang kakitangan telah ditawarkan pekerjaan. Mengenai sama ada insurans Islam akan terhad kepada orang-orang Islam sahaja atau ianya boleh diberi dan dibuka peluang kepada orang-orang yang bukan Islam, sukacita dimaklumkan perlindungan di bawah takaful adalah terbuka kepada semua orang tanpa mengira agama.

(b) Seksyen 4 (1) Akta Takaful 1984 memperuntukkan bahawa perniagaan takaful hanya boleh dikendalikan oleh syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau oleh sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi dan oleh itu ianya adalah tidak terhad kepada syarikat atau anak syarikat Kerajaan. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu permohonan itu dapat dipertimbangkan, modal bagi penubuhan syarikat yang dicadangkan itu hendaklah ditentukan berpunca dari

sumber-sumber yang halal. Buat permulaan ini, hanya sebuah syarikat akan dilesen kerana Kerajaan ingin melihat kejayaan perlaksanaannya.

#### **DASAR LUAR AUSTRALIA— HASIL PERTEMUAN PERDANA MENTERI**

**5. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil pertemuan baru-baru ini antara Perdana Menteri kita dan Menteri Luar Australia, Encik Bill Hayden, mengenai:

- (i) Pengambilan pelajar-pelajar Malaysia ke dalam universiti-universiti Australia;
- (ii) sama ada Kerajaan Australia akan menimbang semula cadangannya untuk menaikkan yuran bagi pelajar-pelajar kita ke Australia; dan
- (iii) kedudukan Australia berhubung dengan pengambilan lebih ramai pelarian-pelarian Vietnam ke Australia.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Untuk makluman Yang Berhormat, isu-isu yang disebutkan di atas itu tiada dibincangkan dalam pertemuan antara Perdana Menteri kita dengan Menteri Luar Australia baru-baru ini.

Walaupun bagaimanapun, semasa lawatan rasminya ke Malaysia pada awal Mac, Encik Bill Hayden telah menyampaikan keputusan Kerajaan Australia yang telah dibuat pada bulan Februari 1985 untuk mengenakan sekatan tahunan had bilangan tertinggi bagi pendaftaran semua pelajar-pelajar asing di institusi-institusi pelajaran tinggi di Australia.

Pengambilan bilangan pelajar-pelajar dari Malaysia, yang mana angkanya belum ditetapkan lagi, akan termasuk di bawah pihak yang terlibat akan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang timbul di antara mereka dengan cara yang baik. Adalah menjadi hasrat kita untuk melihat bahawa suatu persefahaman yang menguntungkan akan dapat dicapai antara kedua buah negara dalam masa yang singkat.

Sungguhpun New Zealand adalah juga negara anggota dalam Rancangan Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang juga melibatkan Malaysia, Singapura, Australia dan Britain, saya yakin bahawa apa-apa perselisihan faham antara New Zealand dengan negara-negara lain tidak akan menjejaskan komitmennya terhadap FPDA. Keanggotaan New Zealand dalam FPDA tidaklah seharusnya dikaitkan sama sekali dengan ANZUS. Di samping itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, baru-baru ini Encik David Lange, Perdana Menteri New Zealand sendiri telah memberi kepastian kepada Y.A.B. Perdana Menteri bahawa negaranya tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai anggota FPDA.

Tahun 1982	.. . . . .	.. . . . .	Pegawai—1 orang Lain-lain Pangkat—586 orang
Tahun 1983	.. . . . .	.. . . . .	Pegawai—21 orang Lain-lain Pangkat—912 orang
Tahun 1984	.. . . . .	.. . . . .	Pegawai—27 orang Lain-lain Pangkat—407 orang

Sebab-sebab yang telah mengakibatkan pembuangan kerja itu adalah atas kesalahan penyalahgunaan dadah dan tatatertib. Keadaan ini memang sentiasa diperkatakan oleh Kementerian saya dan langkah-langkah positif untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan perkhidmatan tentera sentiasa

Ahli-ahli Yang Berhormat juga tentu sedia maklum bahawa pertahanan negara kita adalah tanggungjawab utama kita sendiri. Oleh yang demikian, kita tidak harus bimbang sama ada masalah yang timbul antara kedua buah negara lain akan menjejaskan keupayaan antara satu daripada negara-negara tersebut memberikan bantuan pertahanan kepada kita jika diperlukan.

#### ANGGOTA TENTERA DIBUANG KERJA

15. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramai anggota tentera (Pegawai dan anggota lain-lain pangkat) yang telah dibuang kerja dalam tahun 1982, 1983 dan 1984. Apakah kesalahan yang mengakibatkan pembuangan kerja itu dan apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Jumlah pegawai dan lain-lain pangkat yang telah dibuang kerja bagi tahun 1982, 1983 dan 1984 ialah adalah seperti berikut:

dijalankan. Bagi mengawal masalah penyalahgunaan dadah satu jawatankuasa anti dadah-diperingkat angkatan tentera, Departmen-departmen dan Farmasi-farmasi pemerintahan, untuk mengkaji, merancang serta melaksanakan keperluan-keperluan tindakan semasa dan masa depan telah ditubuhkan.

Begitu juga dengan kesalahan tata tertib di mana keadaan ini dipandang serius dalam perkhidmatan tentera kerana tata tertib adalah tulang belakang angkatan tentera dan satu perkara yang tidak dapat diperingankan. Di segi kesalahan-kesalahan yang memudaratkan nama baik angkatan tentera, hukuman-hukuman yang sewajarnya dikenakan termasuk pemberhentian, berpandukan kepada Akta Angkatan Tentera 1972. Ini adalah langkah untuk memberi pengajaran kepada anggota tentera yang memandang ringan terhadap disiplin angkatan tentera.

### KERETAPI—ANGKA KEMALANGAN

**16. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa angka kemalangan KTM telah berlaku sepanjang tahun 1983/1984 yang menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan; dan
- (b) mengapa kerap kali berlaku lontaran batu terhadap KTM dan apakah usaha untuk mencegah dari berlaku perkara yang tidak diinginkan itu.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):**

- (a) Angka kemalangan keretapi yang telah berlaku sepanjang tahun 1983/1984 yang menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan ialah:
  - (i) dalam tahun 1983, sebanyak 44 kehilangan nyawa (maut) dan 108 kecederaan.
  - (ii) pada tahun 1984, sebanyak 64 kehilangan nyawa dan 86 kecederaan.

- (b) Kejadian melontar batu terhadap keretapi atau tren kebanyakannya dilakukan oleh kanak-kanak atau budak-budak berumur dalam lingkungan 8 hingga 14 tahun yang masih belum sempurna fikiran mereka. Perbuatan itu juga dikatakan telah dilakukan sebagai tindakbalas oleh sebahagian daripada setinggan-setinggan yang menduduki kawasan-kawasan berhampiran landasan keretapi yang marahkan tindakan para keretapi membuang sampah sarap seperti bekas-bekas makanan dan minuman ringan ke perkarangan rumah mereka dan juga oleh kerana kebisingan keretapi yang mengganggu mereka yang sedang nyenyak tidur.

Untuk mencegah perkara yang tidak diinginkan itu, pihak Pentadbiran KTM dari masa ke semasa melancarkan beberapa perjumpaan serta ceramah mengenai bahaya melontar batu dengan masyarakat di beberapa buah perkampungan di kawasan yang diperhatikan kegiatan melontar batu pernah atau kerap berlaku. Ketua-ketua Kampung, Penghulu serta Guru Besar Sekolah telah diminta memberi kerjasama untuk menasihatkan kanak-kanak supaya jangan melakukan kegiatan yang kurang sihat itu. Pihak Polis juga mengadakan rondaan serta serang hendap di beberapa tempat yang tertentu dan ketika ini sedang mengatur satu rancangan untuk mencegah kejadian lontar batu di seluruh rangkaian. Rancangan yang dimaksudkan merupakan kerjasama-kerjasama di antara Polis tempatan, Pentadbiran KTM, penduduk-penduduk kampung di sekitar landasan

keretapi dan pihak sebaran am untuk mengatasi masalah ini pada jangka masa panjang.

### FELDA—GOLONGAN PETANI MODEN

17. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa FELDA telah gagal bagi mewujudkan satu golongan petani-petani moden di kalangan peneroka-peneroka FELDA bagi mengurangkan pergantungan mereka kepada Kerajaan; jika sedar adakah Kerajaan mempunyai dasar-dasar tertentu bagi membentuk petani-petani moden di kalangan peneroka-peneroka FELDA.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Saya ingin menegaskan di sini bahawa FELDA tidak gagal dalam usahanya untuk mewujudkan golongan petani moden di kalangan peneroka-peneroka. FELDA telah berjaya meninggikan taraf hidup rakyat melalui pembangunan tanah dan pembangunan teknologi pertanian dengan cekap dan berkesan, walaupun tidak dinafikan masih ada beberapa perkara yang belum memuaskan. Melihat dari segi pembangunan fizikal masyarakat peneroka FELDA ternyata bahawa pendapatan mereka telah meningkat dan kehidupan mereka juga telah berubah daripada suasana tradisi yang dibelenggu oleh persekitaran yang tidak tersusun dan tidak sempurna di kampung tradisi mereka telah bertukar menjadi suatu masyarakat yang bergerak dan berkerja.

Sistem perladangan secara besar-besaran telah mendedahkan para peneroka kepada ciri-ciri teknologi pertanian moden di samping kaedah-kaedah pengurusan pembangunan

pertanian yang sistematik dan terbaharu. Pendedahan ini telah membolehkan para peneroka menerima dan mengamalkan teknik-teknik moden ini melalui latihan-latihan yang diberikan. Melalui pembaharuan kepada pendedahan pembangunan pertanian secara moden ini, pengeluaran hasil dan kadar pendapatan para peneroka telah dapat ditingkatkan.

Pergantungan kepada Kerajaan tidak dapat dielakkan, tetapi sifat pergantungan ini akan berkurangan setelah rancangan-rancangan mengeluarkan hasil dan kadar pendapatan peneroka mula meningkat. Kerajaan, khasnya FELDA memang menyedari akan hakikat ini dan pada pandangan FELDA masalah pergantungan ini tidak dapat dielakkan sebagai langkah permulaan, terutamanya di rancangan-rancangan yang baru dibuka dan memerlukan kemudahan-kemudahan asas yang tertentu.

Walau bagaimanapun, beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil bagi membentuk golongan petani-petani moden yang berdikari di kalangan para peneroka. Usaha-usaha meningkatkan semangat berdikari digalakkan melalui penyertaan di bidang pembangunan projek-projek sampingan seperti projek pertanian, perniagaan dan pemborongan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Langkah-langkah ini di samping meningkatkan pendapatan sampingan para peneroka, ianya juga dapat mengurangkan sifat-sifat pergantungan kepada hasil perladangan atau bantuan Kerajaan semata-mata.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh pentadbiran FELDA dalam usaha membentuk petani-petani moden yang berdikari meliputi:

- (i) Pemberian kemudahan-kemudahan pinjaman;

- (ii) Pembangunan Generasi Kedua;
- (iii) Latihan Kemahiran kepada para Belia; dan
- (iv) Penglibatan peneroka dalam kegiatan sosial, ekonomi dan kebajikan.

Oleh itu tidaklah dapat dikatakan bahawa FELDA telah gagal untuk mewujudkan satu golongan petani-petani moden di kalangan para peneroka atau mengurangkan sifat pergantungan mereka kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya bersetuju jika dikatakan bahawa usaha-usaha dan langkah bagi membentuk petani moden di kalangan para peneroka FELDA masih belum selesai. Usaha-usaha ke arah ini akan ditingkatkan lagi.

#### **DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL BESAR KOTA BHARU**

**18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor di semua hospital dan pusat kesihatan dalam Negeri Kelantan, iaitu:

- (a) bilangan doktor dan doktor pakar di Hospital Kota Bharu;
- (b) bilangan doktor dan doktor pakar di Hospital Universiti, Universiti Sains Malaysia (Kubang Kerian);
- (c) bilangan doktor di semua Hospital Daerah dan pusat kesihatan di Kelantan; dan
- (d) bilangan doktor gigi di Negeri Kelantan.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):**

- (a) Bilangan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di Hospital Besar Kota Bharu

pada 1-3-85 adalah seperti berikut:

- (i) Bilangan Pegawai Perubatan ialah 49 orang.
  - (ii) Bilangan Pegawai Perubatan Pakar ialah 19 orang.
- (b) Buat masa ini, terdapat 27 orang Pegawai Perubatan dan 30 orang Pegawai Perubatan Pakar di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian.
- (c) (i) Bilangan Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di semua hospital daerah di negeri Kelantan ialah 10 orang dengan 6 kekosongan.
- (ii) Bilangan pengisian Pegawai Perubatan di Pusat Kesihatan seluruh Negeri Kelantan pula ialah 27 orang berbanding dengan 32 jawatan yang ada.
- (d) Di Negeri Kelantan, bilangan Pegawai Pergigian Kerajaan adalah seramai 33 di mana masih terdapat lagi 5 kekosongan jawatan. Di samping itu, terdapat 7 orang Pegawai Pergigian Swasta yang menawarkan perkhidmatannya kepada orang ramai di Kelantan.

#### **UNESCO—PENARIKAN USA**

**19. Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah reaksi negara kita Malaysia terhadap penarikan USA dari UNESCO. Apakah ekoran penarikan dari USA itu akan melemahkan organisasi UNESCO.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan kita telah berusaha memujuk Amerika Syarikat supaya tidak menarik diri dari UNESCO. Kerajaan telah juga menyokong supaya ditubuhkan sebuah badan bebas bagi mengkaji semula struktur UNESCO dan memperakukan satu struktur pentadbiran yang sesuai. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat telah membuat keputusan mukamad untuk menarik diri dari UNESCO.

Dengan pengunduran Amerika Syarikat itu, sudah tentulah akan mengurangkan peruntukan belanjawan UNESCO sebanyak 25%. Bagi tahun 1985, kekurangan kewangan adalah sebanyak US\$43 juta. Pihak UNESCO dengan tidak secara langsung akan mengalami kesukaran untuk melaksanakan program-program yang telah dirancang. Namun begitu, kekurangan ini mungkin akan dapat diatasi dengan kutipan derma dari negara-negara penderma dan lain-lain sumber. Program-program yang dianggap tidak penting bagi faedah negara-negara mundur dan membangun kemungkinan akan ditamatkan sama sekali. Dengan cara ini adalah diramalkan bahawa program-program penting dalam bidang pelajaran, Sains, Kebudayaan dan Komunikasi akan dapat dijalankan.

Satu perkara yang di luar jangkaan dan kemungkinan akan melemahkan organisasi tersebut ialah sekiranya negara-negara "Western Bloc" mengikut jejak Amerika Syarikat untuk menarik diri dari UNESCO seperti yang telah dibuat oleh United Kingdom.

Walaupun bagaimanapun, tindakan-tindakan yang sedang diambil sekarang menunjukkan bahawa pihak UNESCO sedang benar-benar berusaha untuk memperbaiki cara pengurusan dan pentadbiran organisasinya.

## TANGKAPAN IKAN DI LAUT DALAM

**20. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan Kementerianya untuk menggalakkan penangkapan ikan perdagangan di laut dan sama ada pihak Kerajaan ingin menggalakkan perkembangan penangkapan ikan ke laut dalam, iaitu antara 112 dan 320 km, di luar pantai, melalui usahasama yang besar skelnya dengan orang-orang asing dan jika ya, sama ada pihak Kerajaan telah membuat satu kajian atas implikasi dasar sebegini memandangkan sekatan dikenakan oleh Indonesia atas penangkapan ikan orang-orang asing dalam 320 km. Kawasan Zon Ekonomi Eksklusif kerana ketakutan bahawa penangkapan ikan yang berlebihan akan mengakibatkan kekosongan ikan-ikan dengan kaedah-kaedah penangkapan ikan industri asing.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan memang menggalakkan penerokaan sumber laut dalam ke tahap optima seperti yang terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara. Untuk itu Kerajaan akan membenarkan pengusaha asing berusaha dengan pengusaha tempatan. Ini adalah bagi membolehkan pengusaha tempatan mendapat pengetahuan dan kemahiran yang tertentu dalam bidang perusahaan laut dalam dan juga bagi mendapat modal yang sangat-sangat diperlukan memandangkan kos modal perusahaan laut dalam adalah tinggi. Dalam memberi kebenaran usahasama itu Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat tertentu bagi menjaga kepentingan pengusaha tempatan dan juga menjamin sumber tidak dieksploitasikan dengan sewenang-wenangnya.

Menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

mengenai implikasi dasar, adalah dimaklumkan bahawa mengikut Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu (UNCLOS) sekiranya timbul pertikaian di antara negara-negara berkenaan maka ianya akan diatasi dengan mengadakan rundingan dua hala. Negara-negara pantai berkenaan termasuk negara kita juga sama-sama dipertanggungjawabkan untuk mengurus sumber-sumber perikanan di perairan berkenaan dengan wajar dan saintifik serta menerokainya ke tahap optima. Oleh itu, soal implikasi dasar sepertimana yang dibangkit adalah tidak timbul kerana sememangnya telah diberikan perhatian di dalam UNCLOS.

## PELABUR TUBUHKAN INDUSTRI

**21. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang konkrit diambil oleh pelabur asing dan tempatan setakat ini supaya matlamat Kerajaan dalam meneruskan usaha menarik minat pelabur menubuhkan industri yang menggunakan gunatenaga yang banyak bagi memberi peluang pekerjaan kepada pertambahan bilangan anak muda dan pekerja berpendidikan tinggi seperti di bandar negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dapat dicapai menjelang 1990.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Sumbangan sektor perkilangan kepada Keluaran Kasar Dalam Negara, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, telah mencapai 18 peratus pada tahun 1983 dan dijangka meningkat kepada 18.3 peratus menjelang tahun 1985. Dari segi peluang pekerjaan pula berdasarkan kepada kelulusan yang telah diberi sektor ini dijangka dapat mewujudkan lebih daripada 700,000 pekerjaan.

Memandangkan kepada pentingnya sektor ini Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan berbagai jenis galakan bagi meningkatkan pelaburan di sektor perkilangan di kalangan pelabur-pelabur asing dan tempatan. Melalui galakan-galakan tertentu seperti Galakan Tempat Kedudukan pelabur-pelabur juga digalakkan untuk menempatkan projek-projek mereka di kawasan-kawasan kurang maju seperti Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Di mana sesuai industri-industri yang memerlukan gunatenaga yang banyak pada dasarnya akan memilih kawasan kurang maju kerana ternyata bahawa kawasan-kawasan yang maju telah pun menghadapi kekurangan gunatenaga.

Dengan tertubuhnya industri-industri tersebut di negeri-negeri kurang maju, bilangan anak muda serta pekerja berpendidikan tinggi akan diberi latihan. Biasanya latihan-latihan ini merupakan latihan semasa kerja (on-the-job training), tetapi pelabur-pelabur asing juga menghantarkan anak-anak muda keluar negeri untuk mendapat latihan tambahan.

Sebagai makluman tambahan kepada Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada kelulusan projek-projek perindustrian di antara tahun 1971-1984, daripada 702,486 peluang pekerjaan yang dijangka diwujudkan, jumlah pekerjaan yang akan diwujudkan di negeri-negeri kurang maju ialah 173,817. Ini merupakan 24.7% daripada jumlahnya. Bagi negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak jumlah peluang pekerjaan yang akan diwujudkan pula ialah 122,738 di mana ianya mewakili 17.5% daripada jumlah gunatenaga yang dijangka diwujudkan.

### PELABUHAN KUANTAN— PEMBINAAN

**22. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kos yang ditanggung dalam pembinaan Pelabuhan Kuantan sehingga ini, sama ada pelabuhan tersebut telah beroperasi dengan sepenuhnya dan sama ada hasil yang diperolehi adalah cukup untuk memenuhi kos operasi.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Jumlah kos yang ditanggung dalam pembinaan Pelabuhan Kuantan adalah sebanyak \$321.7 juta. Pelabuhan Kuantan telah beroperasi sepenuhnya mulai Januari, 1984. Setakat ini pendapatan operasi adalah mencukupi bagi menampung kos operasi pelabuhan.

### KERETA PROTON SAGA— KAJIAN

**23. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. dapat “break even” dengan pengeluaran kereta Proton Saga; jumlah tahun yang akan diambil untuk menebus balik kos projek tersebut yang menelan belanja kira-kira \$550 juta, dan jumlah tempahan yang diterima dari dalam dan luar negeri untuk kereta tersebut dengan menamakan negara-negara tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob):** Mengikut kajian kemungkinan projek Kereta Nasional, PROTON akan mencapai taraf “break even” apabila jumlah pengeluaran mencapai angka lebih kurang 70,000 unit. Di dalam kajian tersebut juga masa yang akan diambil untuk menebus balik kos projek (payback period) ialah 5 hingga 7 tahun.

Sehingga ini tempahan yang diterima dari dalam negeri ini adalah menggalakkan walaupun harga dan butir-butir lain mengenai kereta tersebut belum diumumkan. Beberapa pertanyaan juga telah diterima dari

negara-negara asing yang menunjukkan minat untuk mengimport kereta-kereta yang akan dikeluarkan oleh PROTON. Anggaran jumlah bilangan pesanan yang diterima dari negara-negara tersebut adalah melebihi 100,000 setahun.

### LAGU NEGARAKU BAGI MURID SEKOLAH

**24. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat suasana di beberapa sekolah di mana guru-guru sedang menghasut murid-murid supaya jangan menyanyi lagu Negaraku dan menanamkan semangat anti pembangunan. Jika sedar berapa buah sekolah dan berapa jumlah guru yang telah dilaporkan terlibat. Apakah tindakan Kerajaan kepada guru-guru yang terlibat; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengadakan “Kursus Pemulihan Semula” kepada guru-guru yang dilaporkan terlibat di dalam perkara ini.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):**

- (a) Buat masa ini, pihak Kementerian tidak ada menerima laporan mengenai adanya guru-guru yang sedang menghasut murid-murid supaya jangan menyanyikan lagu Negaraku dan menanam semangat anti pembangunan. Jika berlaku, Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan segera.
- (b) Mengenai soalan kedua, setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi bercadang untuk mengadakan “Kursus Pemulihan Semula” seperti

yang disarankan oleh Yang Berhormat itu.

**PROTON SAGA—WAKIL  
PENJUAL BUMIPUTERA**

**25. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) bagaimanakah Proton Saga ini nanti boleh menguntungkan peniaga-peniaga Bumiputera dari segi pendedaran; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu lagi perusahaan pembinaan kereta memandangkan bahawa Proton tidak dapat menyambut permintaan-permintaan yang datangnya daripada negeri China, United Kingdom dan sebagainya.

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Peniaga-peniaga Bumiputera terutamanya yang telah menunjukkan rekod yang baik dalam bidang menjual kereta berkemungkinan besar dilantik menjadi wakil penjual PROTON SAGA. Walau bagaimanapun dalam tahun pertama ini oleh kerana bilangan kereta yang akan dikeluarkan oleh PROTON adalah kecil, bilangan wakil penjual yang akan dilantik juga adalah terhad. Apabila pengeluaran bertambah jumlah bilangan wakil penjual EON juga akan bertambah dari masa ke semasa. Perlantikan wakil-wakil penjual akan dibuat mengikut garis panduan yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu lagi syarikat pembinaan kereta sungguhpun tanda-tanda permintaan dari luar negeri adalah menggalakkan.

**PENTADBIR HOSPITAL  
PROFESIONAL—LATIHAN  
PERKHIDMATAN**

**26. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk melatih, pentadbir-pentadbir hospital profesional mengendalikan perancangan, pembangunan dan perkembangan seperti di luar negeri untuk membolehkan doktor-doktor yang menjadi penguasa hospital atau bekerja di Kementerian menjalankan tugas sebenar mereka.

**Dato Chin Hon Ngian:** Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk melatih pentadbir-pentadbir hospital profesional, adalah:

Pada setiap tahun beberapa orang penguasa perubatan dan pegawai perubatan yang menjaga Hospital diberi latihan dalam perkhidmatan untuk tempoh dua atau tiga minggu dalam bidang pentadbiran hospital.

Sebilangan penguasa perubatan dan pegawai perubatan yang menjaga Hospital dipilih untuk mengikuti kursus lebih panjang selama satu tahun dan kursus pendek kurang dari tiga bulan di seberang laut dalam bidang perancangan dan pentadbiran hospital.

Kementerian bercadang untuk melaksanakan program-program latihan pengurusan di sini juga dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, di Institut Kesihatan Umum, Kuala Lumpur.

**PERDAGANGAN MALAYSIA—  
CHINA**

**27. Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau melawat negeri China nanti, apakah tujuan beliau terhadap

pasaran besar China dan apakah rancangan-rancangan beliau untuk meningkatkan perdagangan dengan negeri China memandangkan perhubungan luar negeri kita adalah berasaskan pada faktor ekonomi.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan kepada akhbar tempatan pada bulan Februari 1985, bahawa beliau bercadang untuk melawat negeri China pada penghujung tahun ini di atas jemputan Perdana Menteri China, Zhao Ziyang. Jemputan ini telah pun disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan Perdana Menteri Zhao Ziyang ke Malaysia pada tahun 1981 dan diulangi jemputan tersebut beberapa kali semenjak itu.

Semasa berada di China, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil peluang untuk membincang beberapa isu dua hala, isu serantau dan antarabangsa untuk kepentingan bersama. Salah satu isu dua hala yang akan diutarakan ialah perkara ekonomi dan perdagangan. Hasil dari program modernisasi China, terdapat beberapa potensi di dalam perdagangan dan ekonomi di mana Malaysia mestilah berusaha mengurangkan jurang perbezaan perdagangan yang sekarang ini menguntungkan China. Di samping itu juga China mestilah menyedari yang mereka mesti membeli banyak barangan dari Malaysia. Beberapa orang pemimpin China telah menyatakan kepada kita bahawa mereka mengalu-alukan penyertaan orang-orang Malaysia di dalam projek pembangunan. Maka memang kena pada masanya, Perdana Menteri akan menyoal kepada pemimpin China tentang bagaimana cara yang baik untuk penyertaan orang-orang Malaysia di dalam program

pembangunan dan perdagangan yang akan memberi manfaat bersama. Buat persediaan ini, kita telah pun mengulang kaji hubungan kita dengan China di dalam bidang ekonomi dan perdagangan untuk memberi kedudukan yang baik untuk mencapai potensi dalam perdagangan dan kegiatan ekonomi yang lain dengan China. Atas arahan Jemaah Menteri, Wisma Putra telah menubuhkan satu jawatankuasa khas antara Kementerian/Jabatan untuk mengkaji perkara ini serta membuat beberapa syor untuk Jemaah Menteri.

Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini bahawa kita masih mempunyai beberapa perbezaan politik dengan China di mana perkara ini akan diberi perhatian yang sewajarnya apabila kita menimbangkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan China.

Berlandaskan kepada perkara ini, saya ingin menekankan di sini, di dalam meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan China, kepentingan Malaysia dari semu aspek mestilah diambil kira.

## PASAR DI LUAR PUSAT BANDARAYA

**28. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Wilayah Persekutuan, menyatakan sama ada beliau sedar dengan keputusan pihak Kementerian bagi menempatkan pasar-pasar dari luar pusat Bandaraya Kuala Lumpur, sepertimana di Setapak, Cheras dan sebuah di Rancangan Perumahan Tun Ismail, akan menyusahkan masyarakat berkediaman di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur; bagi mengatasi masalah ini, apakah rancangan-rancangan yang akan diadakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Keputusan menempatkan semula pasar-pasar di luar pusat Bandaraya seperti di Setapak, Cheras dan Taman Dr Ismail telah dikaji dengan mendalam oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Rancangan ini adalah selaras dengan konsep pembangunan semula pusat Bandaraya Kuala Lumpur di mana pasar besar merupakan satu kawasan yang mana pembangunannya perlu dipertingkatkan supaya setaraf dengan pembangunan sekitarnya seperti projek Daya Bumi dan Projek Pengindahan Sungai Kelang.

Dengan berubahnya corak kegiatan perniagaan di luar pusat bandar, kedudukan pasar besar dalam keadaannya sekarang tidak lagi sesuai untuk diteruskan memandangkan masalah kesesakan lalu lintas, kebersihan bandar, pembuangan sampah-sarap dan pengangkutan menjadi semakin serius.

Perancangan yang dilakukan sekarang adalah wajar kerana pasar-pasar moden ini ditempatkan di kawasan-kawasan perumahan di mana terdapat penumpuan penduduk yang ramai. Pasar ini memberi kemudahan yang lebih selesa sambil mengurangkan keperluan pembeli datang ke pusat bandar. Penduduk di pusat bandar masih lagi mempunyai pasar-pasar lain yang terus digunakan di samping kedai-kedai runcit dan kemudahan pasaraya (mini market) yang terdapat di sekitar pusat bandar. Kementerian juga berharap supaya penduduk di pusat bandar dapat bekerjasama untuk menukar sikap dalam cara membeli-belah sejajar dengan perkembangan bandaraya yang kian maju.

#### **ASEAN ZON BEBAS NUKLEAR— DASAR MALAYSIA**

**29. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia, sebagai penganjur

satu zon bebas dari senjata-senjata nuklear bagi ASEAN, terhadap keputusan New Zealand menolak penggunaan kemudahan-kemudahan pelabuhannya oleh kapal-kapal Amerika yang disyaki mempunyai senjata-senjata nuklear. Adakah kita akan mengambil tindakan yang sama terhadap semua kapal nuklear asing.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ialah mengenai masalah pakatan ANZUS. Dalam hal ini, pendirian Malaysia adalah jelas di mana kita tidak akan bercampur tangan di dalam masalah-masalah yang dihadapi di kalangan anggota-anggota ANZUS dan berharap apa-apa masalah yang dihadapi mereka dapat diatasi oleh mereka sendiri.

Bagi Malaysia, setakat ini kita tidak ada menerima apa-apa permohonan dari negara-negara luar untuk menggunakan pelabuhan kita bagi kapal-kapal mereka yang membawa senjata-senjata nuklear. Sekiranya ada permohonan tersebut di masa akan datang, kita akan mengkajinya secara mendalam berdasarkan kepada keadaan-keadaan yang tertentu.

#### **DASAR LUAR AUSTRALIA— HASIL PERTEMUAN PERDANA MENTERI**

**5. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil pertemuan baru-baru ini antara Perdana Menteri kita dan Menteri Luar Australia, Encil Bill Hayden, mengenai:

- (i) pengambilan pelajar-pelajar Malaysia ke dalam universiti-universiti Australia,
- (ii) sama ada Kerajaan Australia akan menimbang semula cadangannya untuk menaikkan yuran bagi pelajar-pelajar kita di Australia,

- (iii) Kedudukan Australia berhubung dengan pengambilan lebih ramai pelarian-pelarian Vietnam ke Australia.

**Tengku Dato' Ahmad Ritahuddeen Al-Haj:**

- (i) Untuk makluman Yang Berhormat, isu-isu yang disebutkan di atas itu tiada dibincangkan dalam pertemuan antara Perdana Menteri kita dengan Menteri Luar Australia baru-baru ini.

Walau bagaimanapun semasa lawatan resminya ke Malaysia pada awal Mac, Encik Bill Hayden telah menyampaikan keputusan Kerajaan Australia yang telah dibuat pada bulan Februari 1985 untuk mengenakan sekatan tahunan had bilangan tertinggi bagi pendaftaran semua pelajar-pelajar asing di institusi-institusi pelajar tinggi di Australia. Pengambilan bilangan pelajar-pelajar dari Malaysia, yang mana angkanya belum ditetapkan lagi, akan termasuk di bawah kuota tahunan untuk semua pelajar-pelajar asing ini, dan juga termasuk di bawah sekatan had tertinggi setakat dua puluh peratus dari jumlah pendaftaran pelajar-pelajar untuk mana-mana kursus di institusi pelajaran di Australia, yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar asing.

- (ii) Encik Bill Hayden juga telah menyampaikan keputusan Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran pembelajaran penuntut luar negeri (overseas student charges) mulai tahun akademik 1985-1986, walaupun butir-butir lanjut mengenai kenaikan yuran itu tidak dinyatakannya.

Soal sama ada Kerajaan Australia akan menimbang semula kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar kita di Australia itu tiadalah timbul oleh sebab keputusan Kerajaan Australia mengenai yuran dan pengambilan pelajar-pelajar asing itu adalah keputusan muktamad Kerajaan itu.

- (iii) Mengenai perkara pelarian-pelarian haram dari Vietnam, Kerajaan Australia telah diminta mengkaji kemungkinan menambah pengambilan khususnya mereka yang sudah berada di Malaysia selama lebih dari tujuh tahun sedangkan negara-negara ketiga masih membiarkan mereka di kemah-kemah pelarian di Malaysia.

Kita telah diberitahu oleh Encik Hayden walaupun Kerajaan Australia memahami masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan merasa simpati terhadap pelarian-pelarian Vietnam ini tetapi Australia sendiri sedang menghadapi masalah sosial yang telah ditimbulkan oleh pelarian-pelarian Vietnam di Australia seperti penubuhan kongsi-kongsi gelap dan kegiatan-kegiatan jenayah. Dari itu Australia tidak dapat mengambil lebih ramai lagi pelarian-pelarian tersebut.

**JAMBATAN KAYU DI PASIR PUTEH**

30. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar bahawa masih terdapat dua buah jambatan kayu yang uzur di jalan Pasir Puteh ke Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. Jika sedar bilakah agaknya jambatan itu akan

diganti. Atau adakah kemelesetan ekonomi negara menjadikan sebab maka jambatan itu tidak diganti atau sengaja hendak ditinggalkan begitu sahaja untuk bahan sejarah. Kerana kedua-dua jambatan ini merbahaya dan tiap-tiap tahun meragut nyawa akibat kemalangan.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu):** Kementerian saya memang sedar tentang keadaan kedua-dua buah jambatan kayu di Jalan Pasir Puteh ke Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, peruntukan bagi menggantikan kedua-dua buah jambatan itu telah pun disertakan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Akan tetapi oleh kerana keadaan kewangan negara, maka pelaksanaan projek tersebut terpaksa ditangguhkan. Walau bagaimanapun, projek ini telah dicadang semula untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sementara itu, pihak JKR Kelantan sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki kedua-dua jambatan tersebut.

#### AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—ORANG YANG DITAHAN

**31. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang ditahan di bawah:

- (i) Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (ii) Perintah Pencegah Jenayah;
- (iii) Ordinan Darurat dan;
- (iv) Undang-undang Imigresen setakat 1hb Mac, 1985.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Jumlah orang-orang yang dikenakan Perintah Tahanan dan Sekatan di bawah undang-undang berikut

setakat 1hb Mac, 1985, ialah seperti berikut:

(i) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	Tahanan 144 Sekatan 215
(ii) Ordinan Mencegah Jenayah 1959	Sekatan 54
(iii) Ordinan Darurat (Keterenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969	Tahanan 1208 Sekatan 912
(iv) Akta Imigresen 59/ 1963	Tahanan 491

#### PELABUR ASING

**32. Tuan Peter Chin Gan Onn** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengenai cadangan menarik balik wang asing dengan membenarkan pelabur-pelabur asing khususnya konsessi yang mereka suka mendapat agar mereka melabur dalam negara ini khususnya mengenai sama ada:

- (a) syarat-syarat begini akan diberi kepada semua pelabur-pelabur asing walau apa pun saiz pelaburan yang terlibat;
- (b) pelabur-pelabur sebegini adalah terhad kepada semua jenis industri atau hanya kepada mereka yang baru atau yang akan ditubuhkan, contohnya dalam bidang teknologi tinggi yang boleh membawa faedah sebagai catalysis bagi usahawan-usahawan Malaysia kita untuk memasuki ke bidang-bidang industri yang baru ini; dan
- (c) barang-barang keluaran daripada usahawan-usahawan asing yang begini adalah dibenarkan untuk dipasarkan di tempat ini sungguhpun mereka bukan barang barangan penggantian import atau adakah mereka dikehendaki mengeksport kesemua barang-barang keluaran mereka; dan
- (d) sebarang pelaburan telah pun diluluskan di bawah intensif

pelaburan istimewa ini dan jika ia, bolehkah beliau memberi butir-butirnya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Dalam usaha menarik pelaburan asing Kerajaan antara lainnya akan terus membenarkan pelabur asing memiliki ekuiti majoriti bagi projek-projek yang mengeksport sebahagian besar pengeluarannya. Dalam kes-kes tertentu milikan ekuiti sehingga 100% pelabur asing boleh juga dipertimbangkan.

- (a) syarat ini adalah terbuka kepada semua pelabur asing tidak mengira saiz modal pelaburannya;
- (b) syarat ini juga tidak terhad kepada sesuatu jenis industri, asalkan projek berkenaan berorientasikan eksport. Hanya projek yang melibatkan pemerosesan sumber-sumber tempatan yang tidak boleh diperbaharui, milikan ekuiti asing hendaklah di paras minoriti;
- (c) syarikat-syarikat yang majoriti ekuitinya dimiliki oleh pelabur asing berasaskan projeknya berorientasikan eksport boleh dibenarkan menjual sesuatu peratus keluarannya di pasaran tempatan. Peratus sebenarnya yang boleh dijual di pasaran tempatan adalah ditentukan mengikut merit sesuatu kes;
- (d) dasar ini bukanlah merupakan satu dasar yang baru. Perbagai jenis projek berorientasikan eksport telah diluluskan di mana ekuitinya dimiliki majoriti oleh pelabur asing seperti dalam bidang letronik, tekstail, keluaran-keluaran siap getah serta pemerosesan minyak sawit.

Sementara itu Kementerian saya telah mengkaji semula dasar ini supaya dapat digariskan dengan lebih terperinci lagi untuk memudahkan para pelabur memahaminya. Ini melibatkan tafsiran yang lebih jelas mengenai apa yang dikatakan sebagai projek berorientasikan eksport serta juga tafsiran mengenai ekuiti majoriti. Adalah dijangkakan garis panduan yang lebih jelas ini akan diumumkan sebaik sahaja dipersetujui oleh Kerajaan.

### INTEREST PAYING CHECKING ACCOUNTS DI BANK-BANK

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan memperkenalkan "Interest paying checking accounts" di bank-bank demi keuntungan orang-orang awam serta juga menggalakkan simpanan dengan mengecualikan bayaran cukai ke atas simpanan-simpanan tetap atau simpanan-simpanan untuk semua masa dan bukan setakat menghadkannya kepada simpanan-simpanan tetap selama dua belas bulan atau lebih sahaja.

**Tuan Daim Zainuddin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Bank Negara Malaysia sedang mengkaji implikasi-implikasi pembayaran faedah ke atas akaun semasa memandangkan perkara ini akan memberi kesan ke atas sistem kewangan negara.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya faedah dari semua simpanan tetap dikecualikan daripada cukai tidak dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan pada masa ini oleh kerana ini akan melibatkan kehilangan hasil dan mengurangkan jumlah wang yang boleh digunakan oleh bank bagi tujuan rancangan jangka panjang kerana kemungkinan terdapat pengaliran simpanan tetap dari tempoh melebihi 12 bulan ke tempoh kurang daripada 12 bulan.

**PENDAPATAN ISIRUMAH  
PENDUDUK MALAYSIA**

**34. Tuan Wan Ibrahim Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) pendapatan purata isirumah penduduk Malaysia—berikan butir-butir mengikut kaum dari kajian yang terakhir;
- (b) jumlah penduduk Malaysia yang berada di bawah paras kemiskinan—berikan butir-butir mengikut kaum.

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Saya ingin menjelaskan di sini bahawa matlamat pembasmian kemiskinan mengikut Dasar Ekonomi Baru adalah tanpa mengira kaum. Namun demikian, kajian-kajian telah pun dijalankan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut dan hasil kajian-kajian ini telah dikeluarkan di dalam dokumen-dokumen Rancangan Pembangunan Lima Tahun.

- (a) Mengikut kajian yang terakhir yang berasaskan data daripada Penyiasatan Isirumah 1980, pendapatan purata isirumah di Semenanjung Malaysia mengikut kaum dalam tahun 1979 adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>Pendapatan Purata (\$ Sebulan Seisirumah)</i>
Melayu .. .. .	492
Cina .. .. .	938
India .. .. .	756
Lain-lain .. .. .	1,904
Semua Kaum .. .. .	693

Maklumat-maklumat ini terkandung di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985.

- (b) Mengikut kajian yang terakhir berasaskan data dari Banci Pertanian 1977, jumlah penduduk Malaysia yang berada di bawah paras

kemiskinan dalam tahun 1976 adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>Jumlah Isirumah Miskin ('000)</i>
<i>Semenanjung Malaysia:</i>	
Melayu .. .. .	519.4
Cina .. .. .	109.4
India .. .. .	53.8
Lain-lain .. .. .	5.7
<b>JUMLAH .. .. .</b>	<b>688.3</b>

<i>Sabah</i>	
Melayu .. .. .	4.2
Kadazan .. .. .	29.5
Bajau .. .. .	12.6
Murut .. .. .	4.8
Kaum Bumiputera Lain ..	15.7
Cina .. .. .	3.5
Lain-lain .. .. .	7.7
<b>JUMLAH .. .. .</b>	<b>78.0</b>

<i>Sarawak</i>	
Melayu .. .. .	18.2
Iban .. .. .	47.6
Dayak .. .. .	12.0
Melanau .. .. .	7.5
Kaum Bumiputera Lain ..	4.1
Cina .. .. .	11.3
<b>JUMLAH .. .. .</b>	<b>100.7</b>

Maklumat-maklumat ini terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985.

**PADI AR. 42—PEMBELIAN**

**35. Dato' Haji Saidin bin Mat Piah** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan benarkah pihak LPN ditaksirkan akan menanggung kerugian sebanyak \$50 juta bagi pembelian padi jenis AR. 42, kerana didapati padi jenis itu hanya dapat menghasilkan beras sebanyak 38% sahaja setelah dimesin, jika benar:

- (a) apakah faktor yang menyebabkan padi jenis AR. 42 itu

hanya dapat menghasilkan beras sebanyak 38% sahaja; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan lagi membina telah, sedang dan akan diambil oleh LPN untuk membendung kerugian yang berterusan.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Adalah tidak tepat seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat itu.

Bagi setiap 100kg. padi IR-42 yang dikisar oleh LPN, Lembaga ini akan mengalami kekurangan pendapatan sebanyak \$6.16 berbanding dengan pendapatan dari hasil kisanan lain-lain jenis padi. Kekurangan pendapatan ini adalah berpunca dari keadaan padi jenis IR-42 ini yang menghasilkan 27% beras hancur berbanding dengan 18% beras hancur yang dihasilkan dari pengisaran padi jenis-jenis lain. Padi jenis IR-42 adalah mudah patah di dalam proses pengilangan.

Bagi musim penuaian yang lepas, berdasarkan jumlah belian LPN sebanyak 85,000 tan metrik padi jenis IR-42 sehingga 15 Mac 1985, jumlah kekurangan pendapatan yang dialami oleh LPN adalah sebanyak \$5.235 juta.

Oleh kerana padi IR-42 ini memberikan hasil kisanan yang lebih rendah, LPN sepatutnya menggunakan "mutu kisanan" sebagai faktor potongan dalam menentukan nilai jualan padi oleh petani. Walau bagaimanapun ini telah tidak dilakukan di dalam musim penuaian yang lepas sebagai usaha untuk mengekalkan tingkat pendapatan petani.

#### BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE—PINJAMAN PEGAWAI

**36. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama

ada kebenaran perlu diperolehi oleh bank-bank dari Bank Negara untuk pinjaman-pinjaman dan overdraf yang bernilai lebih \$2 juta; jika ya, mengapakah Bank Negara tidak sedar akan pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh Bumiputera Malaysia Finance di Hong Kong dan sama ada ini memperlihatkan kecuai Bank Negara; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai Bank Negara yang terlibat, jika tidak mengapa.

**Tuan Daim Zainuddin:** Kebenaran Bank Negara tidak diperlukan apabila sebuah bank perdagangan memberi pinjaman kepada pelanggan-pelanggannya baik di dalam mahupun di luar negeri. Ini adalah keistimewaan yang diberikan kepada pihak pengurusan bank untuk membuat pertimbangan dan keputusan berdasarkan kedudukan daya hidup sesuatu projek, keyakinan tentang kedudukan kewangan peminjam-peminjam serta cagaran yang diberikan.

#### KIMIA/GAS BERBAHAYA DI KILANG

**37. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah undang-undang yang ada untuk mengawal penggunaan kimia dan gas berbahaya di kilang-kilang di negara ini adalah berkesan untuk membendung negara ini daripada malapetaka seperti yang berlaku di India.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Negara ini mempunyai beberapa undang-undang, peraturan dan prosedur untuk mengelakkan berlakunya malapetaka seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam penggunaan kimia dan gas berbahaya di kilang-kilang. Undang-undang tersebut ialah Akta

Kilang dan Jentera 1967, Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan juga Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Adalah hasrat Kerajaan untuk mengawal daripada berlakunya segala malapetaka di kilang-kilang dan alam sekitar dengan adanya undang-undang dan di atas yang dikuatkuasakan oleh Jabatan-jabatan dan badan-badan tertentu.

#### PALESTINE—SIKAP DAN PENDIRIAN BANGSA-BANGSA BERSATU

**38. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauhmanakah reaksi dan penerimaan negara terlibat serta tindakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sekarang ini terhadap keputusan Persidangan Kuala Lumpur berkenaan Palestine yang diadakan beberapa tahun yang lepas. Selanjutnya apakah cadangan-cadangan baru yang dikemukakan oleh negara kita dan negara-negara lain dalam menyelesaikan masalah negara dan rakyat Palestine yang tertindas dan menjadi pelajaran di negara sendiri.

**Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Negara-negara yang terlibat di dalam Persidangan Kuala Lumpur berkenaan Palestine yang diadakan pada bulan Mei 1983 telah menerima dengan positif keputusan persidangan tersebut. Penerimaan dan kepercayaan mereka kepada keputusan Persidangan tersebut merupakan kejayaan besar Persidangan itu.

Persidangan antarabangsa mengenai Palestine di Geneva, yang diadakan pada bulan Ogos 1983 yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu merupakan penerimaan

Bangsa-bangsa Bersatu yang positif, di mana Program Tindakan yang dirumuskan oleh Persidangan Kuala Lumpur telah diterima, dan seterusnya dikemukakan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Malaysia berpendapat bahawa dalam mencari penyelesaian kepada masalah negara dan rakyat Palestine, Persidangan Antarabangsa yang dicadangkan oleh Persidangan Kuala Lumpur adalah yang paling sesuai. Pendapat ini telah diterima oleh hampir kesemua masyarakat antarabangsa termasuk Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO).

Cadangan terbaharu ialah oleh PLO dan Jordan bagi menubuhkan satu delegasi bersama untuk mencari jalan damai melalui persidangan antarabangsa.

Walaupun terdapat cadangan-cadangan lain ianya tidak merupakan cadangan menyeluruh untuk menyelesaikan masalah negara dan rakyat Palestine.

#### OREN MANDARIN—IMPORT

**39. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kejadian mengimport oren-oren mandarin bagi Tahun Baru China telah membawa salah faham; jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa kejadian itu tidak akan berulang lagi.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26-3-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada 27-3-85. Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan

kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri.

### KAWASAN PEMBANGUNAN NELAYAN

**40. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) beberapa Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) akan dilaksanakan dalam tahun 1985 dan 1986; berapa nelayan akan dapat faedah; berapa belanja terlibat dan apakah rancangan-rancangan utama yang akan dilaksanakan;
- (b) berapa banyak rancangan "tukun-tukun tiruan" telah dilaksanakan; berapa lagi akan dilaksanakan dalam tahun 1985 dan 1986 dan
- (c) bagaimanakah prestasi Projek "KUKENAL"; apakah masalah-masalahnya dan benarkah banyak "KUKENAL" yang tidak aktif.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, 5 buah Kawasan Pembangunan Nelayan akan ditubuhkan dalam tahun 1985 dan 1986. Bilangan nelayan yang akan mendapat faedah dari penubuhannya adalah 10,415 orang. Rancangan-rancangan utama yang akan dilaksanakan ialah Program Modenisasi Penangkapan Ikan, Program Ternakan, Program Pembangunan Masyarakat Nelayan, Perusahaan Pemerosesan, Pembangunan Infrastruktur dan Khidmat Sokongan Pemasaran.
- (b) Tukun-tukun tiruan yang telah dibina ialah sebanyak 32 buah yang mana sebanyak 50,000 tayar telah digunakan. Untuk tahun 1985 dan 1986, sebanyak

11 buah tukun tiruan lagi dicadang akan dilaksanakan.

- (c) Dari segi prestasi Kukenal pula saya menyatakan terlebih dahulu bahawa Kukenal atau Kumpulan Kecil Nelayan yang merupakan satu organisasi tidak formal di mana kumpulan 10 hingga 20 orang nelayan menganggotainya bagi maksud melibatkan mereka dalam proses pembangunan.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan KUKENAL adalah aktif di mana mereka telah berfungsi sepertimana yang diharapkan. Kerjasama yang diberi adalah menggalakkan. Sungguhpun demikian langkah-langkah untuk memperkukuhkan Kukenal akan terus dijalankan supaya mereka benar-benar dapat melibatkan diri dengan lebih aktif lagi dalam proses pembangunan.

### PEGAWAI TAULIAH JANGKA PENDEK

**41. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar Peraturan-perturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah lain) 1982—berasaskan laporan Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah yang mengklasifikasikan pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek sebagai pegawai-pegawai kontrek adalah salah tafsiran, perbuatan Jawatankuasa ini serta (Peraturan-peraturan Angkatan Tetap 1982) telah meletakkan segolongan pegawai-pegawai yang bersara secara paksaan, keadaan dilema di mana mereka tidak layak bagi mendapat pencen; oleh yang demikian adakah pihak Kementerian mempunyai apa-apa cadangan yang serta-merta bagi menggubal (Peraturan-peraturan Angkatan Tetap 1982) demi sumbangan pegawai-pegawai ini kepada negara dan nusa

serta demi kepentingan masa depan mereka.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Kenyataan yang mengatakan Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek diklasifikasikan sebagai pegawai-pegawai kontrek adalah tidak benar. Dalam Angkatan Tentera Malaysia terdapat dua jenis perkhidmatan pegawai iaitu:

- (a) Pegawai Tauliah Tetap.
- (b) Pegawai Tauliah Jangka Pendek.

Mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa sehingga kini, perkhidmatan Pegawai-pegawai Jangka Pendek adalah berdasarkan kepada sesuatu tempoh perkhidmatan yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai dalam golongan ini tidaklah dianggap sebagai pegawai-kontrek sepertimana yang terdapat di dalam perkhidmatan awam.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek tidak layak mendapat pencen tidaklah juga benar. Sebenarnya Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 ada peruntukan yang membolehkan pegawai-pegawai ini dikurniakan pencen perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan Tauliah Jangka Pendek, iaitu peraturan 27, Peraturan pencen tersebut.

Untuk pengetahuan lanjut Yang Behormat ada cara-cara yang membolehkan pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek menikmati pencen perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan iaitu:

- (a) Pegawai Tauliah Jangka Pendek yang telah genap tidak kurang daripada 10 tahun

perkhidmatan diakui sebagai pegawai dan telah mencapai umur persaraan wajib (paksa) bagi pangkat yang disandang pada atau selepas 1 Julai, 1980 boleh diberi Pencen Perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan Tauliah Jangka Pendek sebanyak  $\frac{3}{4}$  dari pencen dan ganjaran yang diberikan kepada Pegawai Tauliah Tetap.

- (b) Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek adalah dibenarkan juga memohon untuk ditauliahkan sebagai Pegawai Tauliah Tetap. Setelah diluluskan mereka akan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang dikenakan kepada Pegawai Tauliah Tetap. Bagi faedah persaraan khususnya Pencen Perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan, mereka juga tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 sama seperti pegawai-pegawai Tauliah Tetap.

#### PILIHANRAYA UMUM— PEMANSUHAN RAPAT UMUM

42. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pengharaman ke atas rapat-rapat umum akan dimansuhkan dalam pilihanraya umum akan datang kerana keadaan keselamatan telah bertambah baik di negara kita dan sistem demokrasi kita hendaklah diberi makna yang lebih dengan penyuaran susut-sudut pandangan politik melalui rapat-rapat umum semasa tempoh pilihanraya.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belumlah lagi bercadang untuk memansuhkan

pengharaman ke atas rapat-rapat umum.

### **BUKAN BUMIPUTERA— URUSAN NAIK PANGKAT**

**43. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar yang pegawai-pegawai Kerajaan bukan Bumiputera merasa kecewa dan putus asa kerana sering ditinggalkan dalam sebarang urusan kenaikan pangkat; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengambil sebarang tindakan bagi menghentikan kegiatan diskriminasi ini.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Dakwaan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan bukan Bumiputera sering ditinggalkan dalam urusan kenaikan pangkat adalah tidak benar. Kerajaan tidak mengamalkan dasar diskriminasi terhadap pegawai-pegawai Kerajaan dalam urusan kenaikan pangkat. Sebenarnya kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan adalah berdasarkan kepada kebolehan yang diukur berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Kecekapan yang ditunjukkan dalam masa menjalankan tugas-tugasnya;
- (ii) Sifat-sifat peribadi;
- (iii) Kelulusan; dan
- (iv) Kesesuaian dengan jawatan yang hendak diisi.

Sungguhpun demikian, kekananan di dalam perkhidmatan juga diambilkira jika terdapat dua atau lebih pegawai yang di dapati mempunyai kebolehan yang sama.

Oleh sebab tidak berlaku diskriminasi maka Kerajaan memandang tidak perlu untuk mengambil apa-apa tindakan lanjut.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb April, 1985)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

*3.36 ptg.*

**Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut):** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan semalam, bot-bot pukat jerut yang menangkap ikan dipermukaan air diklasifikasikan untuk bergerak di zon C, iaitu dihadkan menangkap ikan 12 batu dari pantai.

Apa yang terjadi ialah sasaran mereka iaitu ikan kembung dan ikan bilis cepat laju dan kadang-kadang muncul di kawasan 3 atau 5 batu dari pantai. Apabila nelayan-nelayan pukat jerut mengejakkannya, mereka dikenakan denda atau diberikan amaran. Masalah ini berpunca daripada penafsiran peraturan-peraturan sedangkan kegiatan-kegiatan tersebut langsung tidak menjejaskan nelayan pantai.

#### *Menghindarkan Penyalahgunaan Kuasa*

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 55 (1) berbunyi:

"55. (1) Tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pegawai berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati . . . ."

Seksyen ini seolah-olah menafikan seseorang nelayan menuntut keadilan di mahkamah. Jika kita sempat meneliti dan memahami maksud yang seumpamanya untuk menguruskan kes-kes penguatkuasaan yang meliputi ujian-ujian subjektif dan objektif di dalam Police Act 1967 atau Criminal Procedure Code terdapat perkataan-perkataan yang sering muncul iaitu, dengan izin, "reasonable grounds to suspect;" "a reasonable complaint has been received;" or "a credible information has been received;" or "a reasonable suspicion exists."

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang senang hati dengan perkataan-perkataan yang berbunyi dilakukan atau yang ditinggal daripada dilakukan dengan suci hati, dalam bahasa Inggerisnya iaitu "in good faith" kerana ia ada kaitan dengan persepsi atau perasaan seseorang pegawai yang mungkin bertindak mengikut prasangkanya yang amat berbeza dengan pendapat orang awam jikalau tindakannya bersabit dengan ketidakcekapan atau kejahilan beliau yang membatasi atau menyalahi objectivity, dengan izin, maka para nelayan tidak ada sebarang perlindungan. Jadi kita ada dua jalan untuk mengatasi masalah ini. Yang pertama, seksyen ini digugurkan atau yang kedua, diubahsuai.

#### *Terputusnya Hubungan Antara Kerajaan Dengan Pukat-pukat Tunda*

Tuan Yang di-Pertua, sejarah perkembangan industri perikanan kebelakangan ini nampaknya hubungan antara Kerajaan dengan pukat tunda tertumpu kepada peristiwa-peristiwa yang pahit dan merunsingkan iaitu tindakan-tindakan penguatkuasaan.

Adalah amat mendukacitakan para nelayan pukat tunda dan setengah rakyat jelata menaruh prasangka bahawa pegawai-pegawai perikanan dan Polis Laut berniat menindas para

nelayan dari semasa ke semasa. Jikalau masalah mereka diukur dari sudut sosial dan ekonomi, kes-kes penguatkuasaan yang mana para nelayan diberikan layanan seburuk penjenayah tidak akan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, punca-punca perselisihan pendapat antara Kerajaan dan nelayan adalah tertumpu kepada soal persepsi mengenai masa depan sumber laut di perairan kita. Jabatan Perikanan berpegang teguh kepada pendapatnya iaitu sumber laut semakin merosot sedangkan para nelayan pukut tunda mendakwa pendapat itu adalah satu teori yang digemari oleh pegawai-pegawai perikanan.

Satu usaha atau tindakan bersama yang berbentuk rundingan perlu diwujudkan supaya sepakat pendapat boleh dicapai terhadap nasib sumber laut kita. Dengan adanya sepakat pendapat barulah kedua pihak berganding bahu menuju ke arah dan lambaran baru. Kelamahan-kelemahan Akta Perikanan 1984 keana terciirnya perkataan-perkataan pegawai-pegawai perlesenan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dalam Akta baru ini perkataan-perkataan pegawai-pegawai pelesenan atau licensing officer telah digugurkan. Perjawatan ini langsung tidak disentuh dalam Bahagian IV iaitu peruntukan-peruntukan pelesenan am, tidak sedemikian halnya dalam Akta yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta lama pegawai-pegawai pelesenan di wartakan sebagai Timbalan Pegawai Pelabuhan dengan tujuan memberi *locus standi* kepadanya untuk mengeluarkan lesen. Masalahnya ialah terdapat dua bahagian kuasa yang terlibat dalam mengeluarkan lesen menangkap ikan iaitu yang pertama lesen bagi bot dan yang kedua lesen bagi alat-alat penangkapan.

Jika tidak silap saya, dengan adanya lacuna ini pegawai-pegawai pelesenan tidak lagi ditauliahkan kuasa untuk memberi apa-apa lesen yang melibatkan penggunaan bot di bawah Ordinance Perkapalan Dagang 1952. Jadi nampaknya keciciran perkataan pegawai pelesenan merupakan satu kelemahan dalam Akta ini.

Namun perkataan-perkataan itu boleh dicantumkan dalam Bahagian I iaitu permulaan yang mana erti bagi perkataan-perkataan pegawai berkuasa yang tidak merangkumi pegawai pelesenan. Ini adalah perlu kerana pegawai-pegawai pelesenan yang bertaburan di seluruh Malaysia bertanggungjawab mengeluarkan lesen-lesen baru. Alasan kedua ialah mungkin Ketua Pengarah Perikanan atau Timbalannya tidak sesuai diwartakan sebagai Timbalan Pegawai Pelabuhan.

*Penyiaran Hasil Penyelidikan Akua-culture kepada Penternak Ikan.*

Tuan Yang di-Pertua, hasil penyelidikan perikanan atau kejayaan tercapai harus disiarkan kepada para penternak ikan. Di sini saya mengucapkan tahniah kepada pihak MARDI yang telah berbuat demikian dari semasa ke semasa demi faedah petani. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mencatat rekod sebagai negara pertama dalam dunia yang mencapai dengan izin breakthrough dalam penyelidikan pemeliharaan udang galah pada tahun 1961 iaitu 23 tahun dahulu. Kejayaan itu dihasilkan melalui seorang pakar FAO ketika itu di Pulau Pinang tetapi malangnya sehingga hari ini pencapaian itu hampir menjadi hak milik pihak Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Pinang. Sebaliknya Kerajaan Thailand telah berjaya menggalakkan para penternaknya memelihara udang galah di akwasa lapang atau dengan izin backyard mereka dengan jayanya.

Begitu juga halnya di Taiwan, ini adalah satu contoh yang mana saintis, pegawai-pegawai penyelidikan dan para penternak ikan tidak ada hubungan yang rapat bagi memaksimumkan hasil penyelidikan yang tercapai setakat ini.

*Kesimpulan*

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada maklum balas dan masalah praktik yang menimpa perusahaan perikanan pada keseluruhannya, saya ingin mengemukakan syor-syor seperti berikut:

- (1) Ditubuhkan sebuah Majlis Penasihat Perikanan Nasional yang dianggotai oleh wakil-wakil Jabatan Perikanan, pengusaha-pengusaha bot, para penternak ikan dan sebagainya untuk mengadakan tindakan bersama yang berbentuk rundingan dan jika perlu pengurusan dan kawalan terhadap sumber laut dan lain-lain hal mengenai masa depannya.
- (2) Yang Berhormat Menteri mengeluarkan arahan kepada semua pegawai-pegawai penguatkuasaan supaya melayani masalah-masalah nelayan dari sudut sosial dan ekonomik maknanya jangan terlalu ketat dalam menaksirkan sesuatu undang-undang supaya tidak sangat menyusahkan para nelayan khusus mengenai kes-kes borderline, dengan izin.
- (3) Kerajaan bersungguh-sungguh membantu para nelayan meneroka kawasan ZEE dengan memberi pinjaman wang melalui Bank Pertanian dan membenarkan bot-bot 70 tan ke atau berpangkalan di pantai timur di satu kawasan yang tertentu dengan syarat boleh berlabuh di pantai barat musim banjir.

- (4) Diadakan pengawasan terhadap pengimportan ikan dari Thailand dengan tujuan monitor kuantiti dan jenis ikan yang diimport. Ini adalah perlu memandangkan pada musim-musim yang berlebihan pasaran tempatan kita dibanjiri dengan ikan yang murah dari Thailand hingga paras harganya lebih rendah daripada kos tangkapan di Malaysia.
- (5) Denda maksimum sebanyak \$50,000 di Seksyen 25 (1) dikurangkan kepada paras yang lebih munasabah.
- (6) Dipinda perkataan-perkataan Seksyen 55 (1) yang berbunyi:

“Tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pegawai berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang dilakukan atau yang ditinggal daripada dilakukan olehnya dengan suci hati.....”

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu bagi saya menitik beratkan bahawa pandangan-pandangan tersebut di atas adalah merupakan hasrat para nelayan yang terpaksa bergantung kepada laut untuk mencari rezekinya.

Pada akhirnya, saya sangat-sangat berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian berat dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit.

3.53 ptg.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perikanan, 1984 ke Dewan yang mulia ini dan saya ingin

memberikan pandangan-pandangan sebagai tanda menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Dengan membawa Rang Undang-undang ini tenyatah kepada kita betapa jujur dan bersungguh-sungguhnya Kerajaan Barisan Nasional membela nasib nelayan-nelayan yang hidup mempertarungkan nyawa mengharungi lautan untuk menyara hidup keluarga masing-masing seharian iaitu dengan membuat satu undang-undang yang lebih teratur, yang lebih efisien dan yang lebih bertanggungjawab.

Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti sudah tentulah hidup para nelayan dan usaha-usaha mereka akan lebih terjamin. Apabila nelayan-nelayan yang besar iaitu nelayan-nelayan yang telah mempunyai kemampuan yang lebih yang menjalankan penangkapan ikan secara besar-besaran tetapi selalu melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan di perairan negara kita mereka akan menghadapi hukuman-hukuman yang berat. Maka sudah tentulah kegiatan mereka secara haram ataupun melanggar peraturan-peraturan lambat laun akan berkurangan dan mungkin boleh dihapuskan ataupun dihentikan.

Apa yang saya maksudkan ini ternyata di dalam Bahagian VI, Fasal 25 Rang Undang-undang ini iaitu yang menyebutkan:

“25. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan berhubungannya dengannya, orang itu boleh—

- (a) jika vesel yang berkenaan itu ialah vesel penangkapan ikan asing atau orang yang berkenaan situ ialah rakyat negara asing, dikenakan

denda tidak melebihi sejuta ringgit setiap orang dalam hal empunya atau nakhoda, dan seratus ribu ringgit dalam hal tiap-tiap anggota kru;

- (b) dalam segala hal lain, dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya."

Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang berat dan denda yang tinggi yang dikenakan sudah tentulah akan menimbulkan rasa takut kepada nelayan asing yang selalu sahaja mencero bohi perairan negara kita. Dan demikian juga dengan nelayan-nelayan lain yang sudah pun mempunyai kekayaan yang besar hasil dari tangkapan-tangkapan ikan yang dilakukan oleh mereka di luar batasan undang-undang yang selama ini sentiasa mengancam keselamatan nelayan-nelayan kecil. Juga mereka akan menerima hukuman yang berat dan tindakan ini pasti akan mengurangkan dan akhirnya akan memberhentikan kegiatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu. Bukankah ini akan memberi jaminan hidup kepada nelayan-nelayan pantai dan mereka ini akan dapat menjalankan kerja-kerja menangkap ikan dengan lebih sempurna, lebih terjamin dan lebih lumayan untuk masa depan mereka dan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera iaitu Wakil dari DAP, beliau telah membuat tuduhan kepada Kerajaan iaitu Kerajaan dikatakan membuat satu undang-undang yang dikatakan zalim. Suaranya itu benar-benar membuktikan bahawa Ahli Yang Berhormat itu membela golongan yang hidup mewah walaupun mereka melakukan kerja-kerja jenayah yang menghisap darah orang-orang miskin. Tuduhan-tuduhan yang

dibuat itu sama sekali tidak berasas dan semata-mata untuk memutarbelitkan keadaan yang baik yang ingin diwujudkan oleh Kerajaan, yang bertujuan untuk membela nasib nelayan-nelayan kecil tetapi telah dikelirukan oleh wakil tersebut, mengelirukan masyarakat nelayan supaya mereka tidak percaya kepada cadangan-cadangan Kerajaan melalui Rang Undang-undang ini. Maka sudah tentulah harapannya supaya kepercayaan nelayan-nelayan kepada Kerajaan akan berkurangan dan dengan hujah-hujahnya itu maka sudah tentu diharapkan nelayan-nelayan tersebut akan memberi sokongan kepada mereka. Maka di sini saya rasa para nelayan telah memahami akan tujuan yang sebenar mengapa Rang Undang-undang ini dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang mulia ini yang semata-mata bertujuan untuk memperkemas pentadbiran perikanan dan juga untuk menjamin masa depan nelayan-nelayan pantai dan juga nelayan-nelayan kecil yang bergantung hidup kepada kerja-kerja menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh Bahagian VII Fasal 37 iaitu mengenai galakan pemajuan dan pengurusan perikanan darat. Apabila disebut ikan darat bermaknalah ikan air tawar termasuk ikan sungai dan ikan-ikan yang terdapat di kawasan-kawasan sawah padi. Ikan-ikan sungai seperti yang terdapat banyak di sungai-sungai seperti ikan Lawang, ikan Lampam, ikan Temoleh dan terdapat pula ikan-ikan yang berada di kawasan-kawasan persawahan seperti ikan Keli, ikan Sepat, ikan Pepuyu (ini di tempat saya disebut begitu, Tuan Yng di-Pertua), ikan Haruan ataupun di tempat saya disebut ikan Bocat, yang besar itu dipanggil ikan Badar, mungkin di tempat lain dipanggil dengan sebutan yang lain.

Sesungguhnya ikan-ikan tersebut memanglah rasanya pun terlalu enak, lebih-lebih lagi kalau dimasak dengan asam tempoyak tetapi jenis-jenis ikan darat yang saya sebut tadi, ikan sungai dan ikan-ikan sawah tadi, keadaannya pada hari ini telah makin berkurangan. Misalnya ikan sungai di Sungai Perak, kalau satu ketika dahulu terdapat begitu banyak ikan-ikan jenis Lampam, Kaloi, Temoleh dan sebagainya dan penangkap-penangkap ikan boleh menjadikan kerja menangkap ikan tersebut sebagai satu pencarian yang boleh menjamin hidup keluarganya, tetapi keadaan pada hari ini telah amat berkurangan. Mungkin disebabkan oleh kesan-kesan teknologi yang membangun begitu pesat di kawasan-kawasan ataupun di sekitar sungai-sungai tersebut.

Akibat daripada kemajuan tersebut ataupun dengan pembinaan kilang tersebut, misalnya, ada satu kilang MARDEC terdapat di Bota menyebabkan air sungai menjadi kotor, mengandungi racun dan juga mengeluarkan bau yang busuk yang disalurkan daripada kilang tersebut ke sungai.

Kesan daripada pencemaran air sungai ataupun kesan daripada kekotoran air sungai tersebut menyebabkan hasil ikan sungai telah merugikan pendapatan nelayan-nelayan sungai. Maka di sini rasa saya pihak Kementerian perlulah di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini nanti supaya mengambil kira dan memastikan setiap pembinaan kilang-kilang seperti kilang getah dan sebagainya yang airnya akan disalurkan ke sungai ataupun dibuang air-air sisa daripada kilang tersebut ke sungai supaya Kementerian mengambil perhatian ataupun Kementerian Pertanian campur tangan bagi menentukan setiap pembuangan air kotor tidak disalurkan ke sungai yang tersebut kerana sungai tersebut banyak

mengandungi ikan-ikan yang merupakan satu pencarian hidup penduduk-penduduk tempatan. Maka air buangan ini perlulah diproses terlebih dahulu supaya ia menjadi bersih supaya racun yang ada di dalamnya dapat dihilangkan supaya air itu tidak menjadi busuk dan disalurkan ke sungai tersebut kerana daripada racun, bau yang busuk dan juga sisa-sisa air daripada getah ataupun lain kilang yang saya sebutkan tadi boleh menyebabkan ikan menjadi sakit dan akhirnya akan pupus jenis-jenis ikan yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, maka cadangan saya supaya pihak yang membina kilang-kilang tersebut yang boleh menjejaskan air sungai dan membunuh benih-benih ikan ini dapat diambil perhatian bersama dengan Kementerian Pertanian.

Begitu pula dengan ikan darat yang terdapat di kawasan-kawasan persawahan. Pada waktu-waktu akhir ini bilangan ataupun keadaan ikan-ikan darat ini telah juga menjadi amat berkurangan. Ini adalah disebabkan kesan daripada pemodenan kerja-kerja sawah hari ini, terutamanya penggunaan baja dan racun yang telah membunuh ikan-ikan darat. Maka sehubungan dengan ini kalau kita teliti dalam Fasal 38 (1) (a) ada memperuntukkan iaitu:

“untuk memaju dan mengawalselia akuakultur di perairan sungai dan, khususnya, mengadakan peruntukan bagi pemajakan dan pelesenan tasik, paya, kolam lombong dan lain-lain kolam dan tanah dan lain-lain kawasan untuk memelihara ikan, menetapkan piawaian bagi pembinaan dan kendalian establishmen akuakultur (termasuk saiz dan dalamnya kolam itu), langkah-langkah untuk mencegah penyakit ikan dan mengawal spesies ikan yang tertentu yang mungkin dikeluarkan melalui pemeliharaan”.

Dan juga dalam Fasal 37 (b) ada kaitan:

“peruntukan dan senggaraan ke atas stesen akuakultur percubaan dan tunjucara, tempat pembiak-pembiak ikan dan pusat latihan.”

Iaitu Fasal yang ada kaitan dengan perikanan darat.

Maka dengan kedua-dua bahagian yang saya sebutkan tadi, kalau dapat dilaksanakan untuk menentukan supaya keadaan ikan-ikan darat ataupun ikan air tawar terus terpelihara dan mengelakkan daripada pupus terus ikan-ikan darat tersebut, saya mencadangkan supaya usaha-usaha pemeliharaan ikan perlu dilaksanakan segera iaitu dengan menyediakan tempat-tempat pembiakan ikan jenis ikan-ikan air tawar dan juga ikan-ikan darat, ikan sungai dan juga ikan di persawahan.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian ini melalui Jabatan Perikanan daerah di mana-mana juga dalam negara kita, misalnya, di kawasan Parlimen saya di Parit begitu banyak kolam-kolam ikan telah dibina tetapi pembinaan kolam-kolam ini tidak berjalan dengan begitu kemas. Di peringkat awal, apabila pembinaannya dengan melalui subsidi dikeluarkan, segala bantuan disediakan maka kolam tersebut telah pun dapat dijalankan dengan baik di peringkat awal. Tetapi apabila petani atau penternak ini menghadapi masalah pemasaran maka mereka sudah mula tawar hati untuk meneruskan memelihara ikan ini di peringkat yang kedua dan ketiga. Maka akhirnya kolam itu tinggal ditumbuhi oleh rumput-rumpai dan ikan-ikan tidak dapat hidup dengan lebih sempurna. Sedangkan kawasan-kawasan ini begitu luas dan bagitu potensi untuk dijadikan satu kawasan memelihara ikan dengan lebih teratur. Dan dengan adanya rancangan Kerajaan melalui Akta ataupun

melalui Rang Undang-undang ini di dalam galakan pemajuan dan pengurusan perikanan darat maka sepatutnya kawasan-kawasan yang telah diusahakan tetapi telah terbengkalai itu dijadikan tumpuan semula untuk dimajukan sama ada dengan melalui Jabatan Perikanan ataupun diswastakan. Jadi, cadangan saya ialah supaya Kementerian ini berusaha bersungguh-sungguh di samping memajukan semula kolam yang telah mengeluarkan belanja yang begitu banyak dapat pula menjadi satu tempat pencarian kepada petani-petani di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak ada mempunyai pekerjaan tetap ataupun tidak dapat pendapatan yang lumayan yang sepatutnya mereka boleh dapat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja cadangan daripada saya, maka saya dengan sepenuh hati memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari SibU.

4.09 ptg.

**Tuan Lee Sie Ming (Sibu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perikanan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Rang Undang-undang Perikanan 1984 tidak akan memberi faedah kepada kaum nelayan, khususnya peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 46 hingga Seksyen 55, Bahagian X Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemakaian dan penguatkuasaan Akta yang dicadangkan tentu akan menimbulkan penderitaan kepada kaum nelayan di dua segi: yang pertama, peruntukan-peruntukannya tidak bersifat

demokratik; yang kedua, pegawai-pegawai berkuasa mungkin akan menyalahgunakan kuasanya; jika ini berlaku, ia akan membawa kepada perbuatan rasuah.

Seksyen 46 dan Seksyen 47 Bahagian X Rang Undang-undang ini, antara lain, memberi kuasa kepada pegawai-pegawai berkuasa supaya mereka boleh tanpa waran.

- (a) menghentikan, menaiki dan menggeledah mana-mana vesel atau bot-bot dalam perairan perikanan Malaysia;
- (b) menyita vesel itu termasuk alat, perabot, storan, kargo dan peralatan menangkap ikan, yang dipercayai telah digunakan semasa melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan;
- (c) menangkap mana-mana orang yang terbabit dan mengambil sampel mana-mana ikan yang didapati dalam vesel itu.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 48 subseksyen (1) dan (2) memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menjual mana-mana ikan atau lain-lain benda dari jenis yang mudah rosak yang disita. Kerajaan juga tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana orang atas apa-apa kerosotan mutu mana-mana ikan atau lain-lain benda yang ditahan.

Seksyen 55 subseksyen (1) dan (2) menetapkan bahawa tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pegawai berkuasa dalam melaksanakan kuasa-kuasanya. Begitu juga tiada apa-apa tindakan boleh dibuat terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai berkuasa bagi apa-apa kerosakan yang berlaku terhadap vesel yang disita itu melainkan jika terdapat keterangan *prima facie* tentang kecuaiannya melampau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem

demokrasi, peruntukan-peruntukan yang telah saya menyentuh tadi memang bertentangan dengan sistem ini. Apakah sebabnya bagi Kerajaan memberi kuasa yang begitu luas dan menyeluruh kepada pegawai-pegawai berkuasa itu supaya mereka boleh bertindak sesuka hati?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membuat apa sahaja bantahan jika sekiranya Akta yang dicadangkan berkuatkuasa terhadap vesel-vesel asing. Tetapi adalah tidak menasabah jika Akta yang dicadangkan bertujuan melibatkan vesel-vesel atau bot-bot penangkapan ikan tempatan. Ini adalah kerana mata pencarian seorang nelayan terjejas jika veselnya disita. Walaupun veselnya boleh dilepaskan setelah penyiasatan dijalankan, dia dihalang dari menuntut sebarang pampasan dari pihak berkuasa. Lagipun, seorang nelayan yang terkilang tidak dapat merayu kepada sesiapa pun. Keadaan seperti ini memang bercanggah dengan amalan demokrasi. Sebenarnya, Kerajaan hendaklah bertanggungjawab atas sebarang kesusahan dan kerugian yang dihadapi oleh kaum nelayan akibat salahguna kuasa oleh pegawai-pegawai berkuasa dalam melaksanakan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 50 subseksyen (1) dan (2) memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memulangkan buat sementara waktu vesel yang disita kepada empunya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang akan dikenakan dan juga tertakluk kepada jaminan yang secukupnya diberi. Jaminan itu hendaklah tidak kurang daripada nilai agregat vesel termasuk perabot, kargo dan peralatan menangkap ikan, perbelanjaan yang dilakukan untuk menyita vesel itu, dan denda maksimum yang boleh dikenakan kiranya sabit kesalahannya.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan sebagaimana yang akan dikenakan

tentu akan menyulitkan lagi penderitaan kaum nelayan. Jika veselnya disita, apakah seorang nelayan mampu memberi jaminan itu? Jadi, Kerajaan patut mengurangkan nilai jaminan itu, kecuali jika vesel yang disita itu tidak mempunyai lesen atau terlibat dalam kegiatan-kegiatan penyeludupan dan lain-lain kegiatan yang tidak diingini.

Saya juga berharap Kerajaan akan mengurangkan tempoh tahanan dari sebulan kepada 10 hari. Jika veselnya ditahan selama sebulan, bagaimana dapat seorang nelayan mencari nafkah untuk keluarganya? Mengurangkan tempoh tahanan bukan sahaja akan meringankan kerugian kaum nelayan, bahkan akan meninggikan kecekapan pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua memandangkan kemelesetan ekonomi, harga barang-barang melambung naik tetapi sebaliknya harga ikan kurang memuaskan, kehidupan kaum nelayan semakin sempit. Mereka perlulah pertimbangan yang wajar daripada pihak Kerajaan, bukan undang-undang ketat yang menimbulkan lebih banyak lagi kesusahan kepada mereka. Di dalam tangan pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan jujur, Akta yang dicadangkan boleh diperalatkan sehingga kehidupan kaum nelayan bertambah rumit.

Oleh sebab itu, ingin saya mengemukakan lima cadangan untuk perhatian dan pertimbangan Dewan ini.

- (1) Menyediakan satu rancangan memberi pengetahuan kaum nelayan terhadap perusahaan perikanan serta teknik-teknik menangkap ikan. Rancangan ini bertujuan meninggikan mutu pengetahuan serta teknik di kalangan nelayan. Ianya juga melibatkan pemakaian undang-undang yang wujud sekarang supaya kaum nelayan boleh

memahami dasar dan perundangan negra di samping menguasai teknik-teknik baharu.

- (2) Memberi pinjaman dengan faedah yang paling rendah kepada kaum nelayan untuk menolong mereka membeli vesel-vesel penangkapan ikan. Langkah ini pasti akan menolong mereka mengurangkan kos operasinya serta penindasan dari syarikat-syarikat kewangan atau peminjam wang. Ianya juga akan menggalakkan rakyat kita supaya lebih giat lagi menyertai perusahaan perikanan.
- (3) Menubuhkan koperatif nelayan separuh rasmi. Penubuhannya bertujuan memodenkan perusahaan perikanan serta memperkuatkan syarat-syarat dan kedudukan ahli-ahlinya untuk memperolehi keuntungan yang lebih lumayan.
- (4) Menjamin suatu harga yang minima. Langkah ini akan meyakinkan rakyat kita terhadap perusahaan perikanan dan menceburkan diri dalam pengeluaran perikanan kerana keuntungannya terjamin. Jaminan harga ini boleh juga menggantikan sistem subsidi.
- (5) Mendirikan kilang memproses ikan. Ikan yang berlebihan boleh diproses untuk dijual ke pasaran luar. Langkah ini bukan sahaja akan memperseimbangkan permintaan di dalam negeri, malahan akan memperolehi pertukaran asing untuk negeri ini. Yang penting sekali, ianya akan menjamin kestabilan harga ikan di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,  
kesimpulannya memandangkan pelbagai kesukaran, tekanan dan

cabaran yang dihadapi oleh kaum nelayan, saya berharap Kerajaan boleh menunjukkan belas kasihan kepada mereka serta memberikan layanan yang lebih wajar, khususnya terhadap perikanan kecil dan perikanan darat. Mereka sangat-sangat memerlukan bantuan Kerajaan supaya tidak akan menghadapi kerugian yang lebih besar akibat penguatkuasaan Akta yang dicadangkan dan ini memang bukan tujuan pengubah-penggubahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batang Lupar.

4.23 ptg.

**Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubung dengan perikanan, termasuk juga pemeliharaan, pengurusan dan pempajuan penangkapan ikan di lautan dan muara-muara di perairan perikanan Malaysia, termasuk peneluran penyudu dan penangkapan ikan di sungai-sungai dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mencapai kemerdekaan bahawa banyak kaum nelayan-nelayan kita telah ketinggalan di bidang penangkapan ikan di lautan dalam. Juga banyak kaum nelayan-nelayan kita tidak dapat membeli alat-alat yang moden seperti belat, pukau rimau, bot-bot yang dilengkapi dengan enjin kecil ataupun enjin besar kerana masa dahulu orang-orang tengah yang mempunyai alat-alat menangkap ikan yang baik dan kaum nelayan bumiputera tidak ada jaminan dan bank-bank pun belum banyak ditubuhkan. Maka oleh sebab itu berlakulah masalah kaum nelayan kaum bumiputera terhadap kehidupan kaum nelayan khususnya di negeri Sarawak jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan kaum bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Rang Undang-undang Perikanan ini perlu dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan negara kerana negara kita sentiasa meminda Akta. Kalau akta itu dianggapkan perlu dan akan memberi kemudahan-kemudahan yang baik kepada negara dan nelayan amnya, sudah pastilah Kerajaan kita akan ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini perlu dikaji untuk menyelesaikan banyak masalah seperti perikanan asing yang menangkap ikan di perairan lautan Malaysia dan mungkin juga Rang Undang-undang ini akan dapat memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada nelayan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, semalam dan hari ini kita telah mendengar hujah-hujah yang dikeluarkan oleh pihak parti DAP dan mereka telah menentang Rang Undang-undang Perikanan Malaysia, 1984. Memang sudah menjadi kebiasaan bahawa DAP tidak ambil kira undang-undang itu baik ataupun tidak baik. Prinsip parti DAP memang menentang. Bagi kita, Barisan Backbenchers, kita bukan dipaksa menyokong tetapi kita diberi peluang untuk memberi pandangan yang baik untuk membetulkan fasal-fasal di mana fasal-fasal itu yang belum mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, bila negara kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara Malaysia sekarang, banyak bantuan dari Kerajaan untuk menolong kaum nelayan yang berpendapatan rendah dan bagi kaum nelayan yang ingin menangkap ikan di lautan dalam dengan tangkapan secara besar-besaran, Kerajaan kita juga akan membantu mereka dengan alat-alat yang moden atau memberi secara pinjaman melalui bank-bank berkenaan dan rakyat yang sudah mendapat bantuan dari Kerajaan

haruslah mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana sara hidup mereka dari menangkap ikan sekarang telah meningkat. Walaupun demikian, Kerajaan kita khasnya Jabatan Perikanan haruslah meneruskan latihan kepada nelayan yang menangkap ikan di lautan dalam.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 3, Perkara 76 Perlembagaan, Fasal 1 menetapkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan sekarang tidak ada berjalan kuatkuasa dalam mana-mana negeri yang berhubung dengan penyuserta serta menangkap ikan di sungai-sungai sehingga Badan Perundangan Negeri menyiasat dengan lebih teliti dan di bawah Bahagian III Rang Undang-undang ini, Ketua Pengarah adalah dikehendaki mengkaji semula semua rancangan-rancangan perikanan bagi pelaksanaan maksud-maksud Akta yang dicadangkan sekarang dan kemudian hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Menteri-menteri di dalam negeri dan ini sudah pasti bahawa Rang Undang-undang Perikanan Malaysia, tahun 1984 tidak menjejaskan kaum nelayan di seluruh negara, bahkan untuk menyelesaikan masalah negara dan kaum nelayan yang berminat menangkap ikan di lautan dalam.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV dalam Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyelenggarakan dan kuasa-kuasa pelesenan am di bawah Akta ini memberi peruntukan pengurusan kendalian menangkap ikan yang melibatkan vesel penangkapan ikan asing di negara kita ini dan mengikut Ordinan Perkapalan Dagang, 1952 Rang Undang-undang ini juga bertujuan supaya alat-alat pengurusan perikanan untuk memindahkan kuasa pelesenan ini kepada Ketua Pengarah Perikanan. Kuasa-kuasa ini termasuk juga untuk mengawal ke atas pelayaran, untuk

keselamatan vesel dan sebagainya. Rang Undang-undang ini perlu ditumpukan kepada Jabatan yang penuh tanggungjawab mengenai masalah di lautan.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan untuk menangkap ikan asing di lautan Malaysia perlu juga dipertimbangkan oleh Kerajaan walaupun mereka ada mendapat lesen atau permit dari Jabatan berkenaan kerana Kerajaan kita sentiasa berusaha dan memberi bantuan kepada nelayan kita dalam Malaysia. Maka oleh sebab itu kawasan-kawasan di lautan dalam yang dipunyai oleh nelayan-nelayan rakyat Malaysia sendiri tidak boleh dilalui oleh penangkap-penangkap ikan asing supaya keraguan di antara nelayan-nelayan tempatan atau perikanan asing tidak berlaku di masa yang akan datang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di kawasan saya hampir 40% kaum nelayan yang semata-mata kaum nelayan itu bergantung dari penangkapan ikan dan sara hidup mereka sekarang didapati telah memuaskan. Mereka telah mendapat pengalaman yang tinggi cara menangkap ikan. Tetapi apa yang menjadi masalah mereka ialah cara menambahkan pendapatan mereka iaitu memproses ikan mereka supaya mereka mendapat harga yang tinggi. Dalam berpuluh-puluh tahun kebelakangan bahawa ikan-ikan mereka itu telah dijual kepada orang tengah dan orang tengah itulah yang mendapat keuntungan kerana harga ikan dijual kepada orang ramai dengan harga yang tinggi. Kemudian orang tengah itu jadi millionaire.

Kita tidak menyekat sesiapa pun untuk menerima ikan mereka tetapi apa yang penting pada nelayan yang sedia ada sekarang, ialah nelayan kita perlu diberi latihan untuk memproses ikan mereka supaya ikan-ikan itu

dapat dijual dengan harga yang berpatutan. Kalau boleh Kerajaan kita perlu juga menyediakan agensi-agensi Kerajaan supaya ikan-ikan mereka itu akan terus dimasukkan ke dalam cold storage.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berharap bahawa Jabatan Kementerian berkenaan agar dapat memikirkan dengan lebih mendalam supaya ikan-ikan yang terdapat di negara kita ini akan disimpan dengan teratur, simpanan dalam cold storage dan kemudian ianya akan dapat dieksportkan ke luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya menyentuh iaitu Fasal 37, Bahagian VII mengenai penyusutan dan perikanan darat—galakan memaju dan cara pengurusan perikanan darat atau ikan sungai. Ini satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh jabatan berkenaan, iaitu mengenai langkah-langkah untuk mencegah penyakit ikan di sungai-sungai. Ini satu perkara yang jarang sekali berlaku. Walaupun demikian, Jabatan Kementerian ini perlu bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan kerana kadang kala kompeni-kompeni kayu balak yang mendapat lesen di kawasan pedalaman, mereka itu sentiasa menggunakan racun dan racun kayu balak itu akan dapat memusnahkan ikan-ikan sungai.

Sebenarnya kayu-kayu bukit itu tidak memerlukan racun. Racun kayu itu adalah satu racun yang merbahaya kepada ikan-ikan di sungai-sungai. Pada pendapat saya pihak Jabatan Perhutanan perlu memberi arahan kepada kompeni kayu balak yang mendapat lesen di kawasan pedalaman supaya tidak menggunakan racun dan abuk-abuk kayu itu pun tidak boleh dibuang ke dalam sungai. Ini boleh menjejaskan anak-anak ikan di sungai-sungai dan tunjuk cara, tempat membuang sekam kayu itu perlu diingatkan oleh pihak

Jabatan Perhutanan kepada kompeni kayu balak supaya sekam kayu balak itu tidak dibuang di sungai-sungai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan di sungai-sungai khasnya di negeri Sarawak makin setahun telah bertambah kurang ikan dan rakyat di kawasan luar bandar bertambah banyak dari tahun ke setahun. Namun demikian untuk menggalak dan tunjukcara untuk membiak anak-anak ikan dan juga soal latihan perlu diselenggarakan untuk menyelidik dan Rang Undang-undang menangkap ikan di sungai-sungai pun perlu dikaji dari masa ke semasa supaya sekatan peralatan penangkapan ikan diubah suaikan, kerana masa dahulu saya dapati rakyat yang tinggal di kawasan sungai-sungai menggunakan jaring dan jaring itu sekurang-kurangnya 4 inci jarang matanya, tetapi pada masa ini pukut atau jaring yang digunakan untuk menangkap ikan satu inci mata jaringnya. Ini menunjukkan bahawa ikan-ikan di sungai-sungai telah bertambah kurang. Oleh hal yang demikian, saya sekali lagi mencadangkan supaya Jabatan Kementerian berkenaan perlu mengambil perhatian dan menggalakkan membiak anak-anak ikan di sungai-sungai yang difikirkan perlu oleh Kerajaan.

Di dalam hal ini juga, pada pendapat saya jikalau galakan ini diteruskan, satu sekatan yang perlu dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perikanan iaitu sekatan menebang pokok kayu di tepi sungai-sungai kerana saya difahamkan bahawa ikan sungai itu sukar hidup di tempat yang gelap (shadow) tambahan pula ikan sungai itu perlu memakan buah pokok kayu itu, seperti biji getah, buah ramin, buah gemilas dan buah pokok kayu insurai. Ini buah yang sangat baik sekali untuk makanan ikan sungai seperti ikan

tapah, toman, ikan keli, ikan semah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu berhubung dengan cara menggunakan letupan atau racun di sungai-sungai, ingin saya menegaskan di sini kalau hukuman ini yang dijatuhkan kepada pengguna letupan atau racun sangat rendah sekarang. Kerana saya dapati di kawasan saya perkara ini telah berlaku. Mereka telah didakwa kepada Ketua Masyarakat atau Penghulu yang berdekatan dan hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah sangat rendah kerana di dalam adat istiadat negeri Sarawak, hukuman kepada pesalah yang menggunakan racun atau kesalahan "tuba fishing" sangat tidak memuaskan. Pada pendapat saya jika seseorang itu didapati menggunakan letupan, racun atau tuba fishing, dakwaan ini perlu dilaporkan kepada polis supaya polis akan dapat menjalankan siasatan dengan lebih teliti dan hukuman kepada pesalah itu perlu dijalankan dengan lebih berat. Saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri akan dapat bekerjasama untuk mengkaji semula Rang Undang-undang Perikanan dari masa ke semasa di mana Fasal-fasal itu perlu dipinda dan hukuman letupan racun atau tuba fishing perlu dikaji dari masa ke semasa untuk mementingkan kehidupan ikan di sungai-sungai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perikanan, 1984. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Beruas.

4.37 ptg.

**Dato Michael Chen Wing Sum (Beruas)** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa

pandangan tentang Rang Undang-undang Perikanan 1984 di Dewan yang mulia ini.

Industri perikanan di Malaysia masih berada di takok lama dan kurang penting meskipun negara ini dikelilingi laut yang menjadikannya sesuai untuk menangkap ikan dan Kerajaan telah berusaha membantu industri ini. Menurut anggaran, jumlah besar nelayan negara kita tidak melebihi 110,000 orang. Daripada jumlah ini 86,000 nelayan adalah dari Semenanjung dan bakinya berada di Sabah dan Sarawak. Bilangan nelayan ini tidak sampai 2% daripada jumlah tenaga kerja negara.

Pada umumnya nelayan kita secara purata memperoleh \$400—\$500 sebulan. Mereka masih tergolong di dalam kumpulan yang berpendapatan rendah. Taraf hidup mereka jika dibandingkan dengan golongan-golongan lain adalah rendah dan dengan itu perlu diperbaiki. Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam tahun 1971 dengan dua matlamat. Yang pertama, untuk memperbaiki status sosial ekonomi industri perikanan dan keduanya untuk memperkembangkan dan memperbaiki industri itu. Rancangan-rancangan akuakultura telah digubal oleh Lembaga ini manakala perancangan juga telah dibuat bagi aspek-aspek pemasaran dan pengurusan.

Malah dalam tahun 1981, Lembaga itu menyerahkan lebih 123 buah bot kepada nelayan-nelayan kecil secara sewa beli. Akan tetapi kesemua usaha itu tidak mendatangkan hasil seperti yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai golongan yang miskin, nelayan-nelayan tidak mampu membeli dan memiliki bot-bot yang moden dan peralatan yang kemaskini (sophisticated) sekalipun mereka boleh membeli bot-bot yang baik dan

peralatan yang kemaskini dengan pinjaman. Biasanya mereka tidak berjaya memperolehi pendapatan yang secukupnya untuk menampung pelaburan yang menelan modal yang banyak.

Sebahagian daripada nelayan-nelayan itu menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah dibuat. Tidak ramai daripada kalangan rakyat Malaysia yang ingin menjadi nelayan. Hidup sebagai nelayan sangatlah susah dan selalunya merbahaya terutama di pantai barat Semenanjung.

Nelayan-nelayan kita di pantai sebelah sini sering menghadapi ancaman daripada orang-orang Indonesia. Kadangkala bot mereka dirampas dan dibawa ke Indonesia. Untuk mendapatkan balik bot itu mereka terpaksa membayar sejumlah wang.

Kerajaan memang sedar akan kesusahan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan. Kerajaan juga telah merancang untuk memberikan tanah kepada mereka sebagai alternatif untuk menambah pendapatan mereka. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, rancangan itu tidak dilaksanakan dengan berkesan kerana di antara lain tidak ada tanah yang boleh diberikan.

Di samping itu bukanlah semua bot nelayan diberi lesen. Saya difahamkan bahawa kira-kira 40% daripada bot-bot yang digunakan oleh nelayan-nelayan tidak berlesen. Mereka dikenakan denda yang berat apabila ditangkap, kadangkala bot mereka dirampas. Sekiranya ini berlaku mereka memerlukan waktu yang lama untuk mengatasi kerugian yang telah dialami. Memandangkan keadaan demikian dan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan, industri perikanan di Malaysia tidak mungkin dapat berkembang pesat seperti yang kita jangkakan.

Rang Undang-undang Perikanan ini pada sebahagian besarnya bertujuan untuk membuat peruntukan bagi pemeliharaan, pengurusan dan kemajuan penangkapan ikan dan perikanan, ke lautan dan muara dan perairan perikanan Malaysia.

Hasrat Kerajaan dalam hubungan ini adalah baik. Tetapi sama ada praktik atau tidak langkah ini perlulah kita saksikan kemudian.

Mengenai pemeliharaan sahaja, Kerajaan dan nelayan-nelayan nampaknya mempunyai pandangan yang berbeza, terutama daripada segi pendekatan yang digunakan.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai prosedur perlesenan am dan memberi kuasa perlesenan dan pengurusan bagi operasi menangkap ikan akan melibatkan vesel-vesel perikanan tempatan. Saya berharap Ketua Pengarah Perikanan akan bersimpati dengan nelayan-nelayan yang miskin yang mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen.

Bahagian V, Rang Undang-undang ini pula membuat peruntukan untuk mengawal penangkapan ikan oleh vesel-vesel asing di perairan perikanan Malaysia. Peruntukan ini adalah perlu bagi melindungi kepentingan negara kita.

Pada peringkat permulaan, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap penguatkuasaan Akta ini akan dijalankan dengan penuh persefahaman dan simpati. Lesen-lesen hendaklah diberi kepada nelayan sebelum mereka ditangkap kerana menggunakan bot yang tidak berlesen. Pihak berkuasa hendaklah menyedari hakikat bahawa Akta ini bertujuan untuk memajukan perikanan supaya kita semua termasuk nelayan-nelayan akan mendapat faedah. Tentu sekali Rang Undang-undang ini tidak

bermaksud untuk menyusahkan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, pengawasan yang sesuai akan membawa hasil yang positif serta membina. Akan tetapi pengawasan yang melampau, terutamanya salah guna kuasa adalah negatif, menghalang kemajuan dan malah membawa kehancuran.

Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu orang nelayan di Pantai Remis di kawasan Parlimen saya bimbang dengan kelulusan Rang Undang-undang ini. Mereka takut kerana Rang Undang-undang ini akan memaksa sebahagian daripada mereka meninggalkan laut dan mata pencarian mereka akan terjejas.

Saya berharap Kerajaan menerusi Ketua Pengarah Perikanan akan membuktikan bahawa ketakutan nelayan-nelayan itu sebenarnya tidak perlu dan kebimbangan mereka akan lesap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.46 ptg.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta membincangkan Rang Undang-undang Perikanan ini kerana sebahagian besar daripada pengundi-pengundi saya adalah terdiri daripada kaum nelayan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah begitu lama iaitu sejak Rang Undang-undang 1963, pada tahun 1985 ini telah membuat Rang Undang-undang baru mengikut yang kesesuaian keadaan masa dan kemajuan yang tercapai dalam industri perikanan.

Bahagian ke III yang menyatakan bahawa rancangan perikanan, ini adalah sangat sesuai pada masa ini kerana seperti yang dimaklumkan oleh pihak Kementerian sendiri dan

juga Jabatan yang berkenaan dengan industri-industri perikanan bahawa keadaan hasil laut pada masa ini telah semakin lama semakin merosot. Oleh kerana itu maka sesuai sangatlah satu rancangan perikanan diadakan oleh kementerian supaya segala sumber perikanan yang ada dapat digunakan secara optima dan dapat dielakkan penangkapan ikan yang berlebihan dan dapat kita menentukan bahawa setiap usaha yang dijalankan dalam industri perikanan mendatangkan hasil yang baik.

Dalam bahagian ke IV iaitu mengenai perlesenan di mana kuasa diberi kepada Ketua Pengarah; saya merasakan bahawa kuasa itu adalah sesuai diberikan kepada Ketua Pengarah, cuma kita berharap bahawa Ketua Pengarah tidak menyalahgunakan kuasanya sehingga menyusahkan kaum nelayan iaitu orang yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan kadangkala terpaksa bertarung dengan ribut dan taufan.

Mengenai perlesenan, kita difahamkan bahawa lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah ini adalah terhad bilangannya iaitu mengikut keperluan yang difikirkan bilangannya sesuai dan munasabah bagi industri perikanan ini pada satu-satu masa.

Dan kita tahu juga bahawa ada dikhaskan quota-quota iaitu untuk bumiputera dan bukan bumiputera. Dan kita juga tahu bahawa telah bertahun-tahun lamanya sungguhpun ada kuasa-kuasa perlesenan ini, sungguhpun ada quota-quota yang ditentukan tetapi didapati bahawa begitu ramai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Beruas tadi bahawa begitu banyak bot-bot nelayan yang tidak berlesen. Dan dalam negeri Selangor sendiri apa yang dikatakan pukut-pukat tunda haram begitu berleluasa, yang telah menjadikan masalah kepada kami Wakil-wakil

Rakyat dalam negeri Selangor, di Pantai Barat di mana sebahagian besar daripada pengundi-pengundi kami adalah terdiri daripada nelayan.

Pada sidang Parlimen tahun 1983 lagi, kalau tidak silap saya, telah saya bawa sama ada dalam soalan tambahan, semasa soal jawab mulut ataupun dalam perbahasan-perbahasan, telah saya bawa perkara pukut tunda haram ini, tetapi nampaknya sehingga hari ini belum lagi dapat diselesaikan.

Dengan adanya Rang Undang-undang Perikanan yang baru ini, dengan adanya kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah, saya berharap kawalselia dapat dijalankan dan juga penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Dan kita juga tahu bahawa pukut-pukat tunda haram yang tidak berlesen ini ataupun bot-bot nelayan yang lain yang tidak berlesen, apabila mereka berada di laut, kalau mereka hendak selamat mereka terpaksa menyediakan wang untuk membayar kepada pihak-pihak yang akan mengugut mereka ataupun kalau tidak dibayar membawa mereka itu ke mahkamah. Dalam perkara ini telah banyak kali berlaku kerana sebagai Wakil Rakyat kami ini selalu ditemui apabila mereka ini menghadapi masalah-masalah seperti ini.

Berkaitan dengan masalah di laut ini juga iaitu Bahagian V yang menyatakan mengenai vesel penangkapan ikan asing. Ada disebutkan kalau mereka ini lalu ikhlas, kita mana tahu ikhlas tidak ikhlas mereka itu apabila lalu dalam perairan Malaysia, biasanya walau macam mana ikhlas pun kadangkadangkang terasa juga mereka hendak menangkap ikan Malaysia ini, dan ini pun kita memang tahu sering berlaku dan saya sangat-sangat gembiralah adanya bahagian ini yang memberikan peruntukan-peruntukan secara terperinci bagi mengawal vesel

penangkapan ikan asing ini. Selain daripada mereka ini mungkin mengambil ikan daripada perairan Malaysia, mereka juga menjadi ancaman kepada bot-bot nelayan Malaysia, kerana saya telah dapat aduan beberapa kali apabila pelanggaran berlaku antara vesel-vesel asing ini dengan bot-bot nelayan kita, nampaknya yang rugi nelayan kitalah, kerana apabila dibawa ke mahkamah macam-macam perkara yang berlaku, mereka tidak dapat gantirugi dan sebagainya.

Saya berharap dengan adanya peruntukan dalam Bahagian V ini perkara-perkara yang menjadi ancaman kepada bot-bot nelayan Malaysia ini tidak berlaku lagi.

Mengenai perikanan darat, saya berpendapat bahawa perikanan darat ini sangatlah baik digalakkan kerana dengan adanya perikanan darat ini ia dapat mengalihkan kebiasaan atau habit orang-orang Malaysia daripada hanya memakan ikan laut, tetapi memakan juga ikan darat kerana pada masa ini ikan laut lebih popular daripada ikan darat, cuma kalau ikan yang terkenal seperti jelawat, toman dan sebagainya. Itu sahaja nampaknya yang popular walaupun kita membayar \$100 untuk satu piring ikan jelawat pun tidak mengapa kerana ianya ikan yang terkenal, ada brand, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ikan-ikan lain yang juga banyak khasiatnya, ikan-ikan darat yang mempunyai banyak khasiat, banyak protinnya tidak diindahkan dan orang tidak suka. Jadi wajar sangatlah Jabatan Perikanan di setiap negeri menggalakkan perikanan darat ini dan ianya juga dapat mengalih usaha nelayan-nelayan yang hanya menumpukan kepada laut kepada perikanan darat supaya tidaklah mereka itu terhad kepada satu jenis pendapatan sahaja.

Berkaitan dengan perikanan darat ini termasuklah juga sungai-sungai di

mana dalam Rang Undang-undang ini juga ada disebutkan di mana Pihak Berkuasa Negeri boleh berbuat sesuatu untuk sungai-sungai ini dan bagi sungai-sungai memang ianya sejak dahulu lagi menjadi sumber ikan-ikan, udang dan sebagainya. Tetapi pada akhir-akhir ini disebabkan oleh pencemaran air-air sungai ini, yang saya tahu sungai Kuala Selangor sudah begitu cemar, dicemarkan oleh kotoran-kotoran, daripada ladang-ladang, daripada lombong-lombong dan daripada pembalakan yang berlaku, udang sudah tidak ada lagi dalam sungai Selangor iaitu di Kuala Selangor biasanya kalau seorang nelayan itu kalau dia pergi satu petang sahaja dia boleh dapat 5-6 kati udang, tetapi sekarang ini sudah hendak mendapat udang. Jadi Pihak Berkuasa Negeri juga sepatutnya mengawal dari segi perlombongan, pembalakan dan pencemaran air sungai-sungai ini dan ini juga rasa saya menjadi tanggungjawab kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Perkara ini sebenarnya telah biasa kami bawa di peringkat daerah, tetapi walaupun pemeriksaan dilakukan, tetapi nampaknya hasilnya begitu juga tidak ada kebersihan yang didapati selepas diadakan pemeriksaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu bidang yang begitu lumayan dalam hasil laut ini ialah ternakan kerang. Ternakan kerang ini telah menjadi satu isu yang besar di daerah Kuala Selangor. Mula-mula saya sendiri tidak tahu bahawa ternakan kerang ini begitu lumayan sekali, rupa-rupanya anak-anak kerang atau benih-benih kerang yang tumbuh itu boleh mendatangkan keuntungan yang besar kepada mereka yang mengambil benih-benih kerang dan menjualkannya kepada penternak-penternak. Jadi biasa pernah berlaku pertelingkahan dan pergaduhan di laut Kuala Selangor disebabkan pengambilan benih-benih kerang ini, syukur Alhamdulillah, itu tidak berlaku lagi, tetapi dari segi

ternakan kerang ini saya merasakan bahawa satu dasar yang tetap hendaklah dilaksanakan iaitu dari segi tanahnya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri hendak meluluskan tanah ternakan kerang itu kepada sesiapa juga ia suka, ia boleh berbuat demikian. Jadi bagi Persatuan-persatuan Nelayan, Syarikat Kerjasama Nelayan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan sebagainya, mereka ini tidak ada keutamaan, mereka terpaksa bersaing dengan individu-individu, pengusaha-pengusaha swasta. Jadi pada pendapat saya satu dasar yang memberi keutamaan kepada agensi-agensi dan badan-badan yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk membaiki taraf hidup masyarakat nelayan ini mestilah dilaksanakan.

Mengenai pengambilan kerang ini juga memang dari satu masa ke satu masa diadakan dasar oleh Jabatan Perikanan bagi mengawal pengurusan dan pemeliharaan kerang ini dan juga ianya dapat menolong Persatuan Nelayan, tetapi apabila pada satu masa pula dasar itu diubah, maka berlakulah pertelingkahan di antara Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang bertanggungjawab dan berkaitan dengan ternakan kerang ini. Apabila dibukakan penternakan kerang ini atau perusahaan ternakan kerang ini kepada semua orang, maka ianya menjadi satu pertandingan yang tidak sihat kerana berbagai-bagai perkara berlaku, ada berkomplot-komplot, ada yang cuba memberi rasuah dan sebagainya dan kawalan juga susah hendak dilaksanakan. Jadi kalaulah pihak Kerajaan memberikan hak monopoli misalnya kepada Persatuan Nelayan, MAJUIKAN ataupun kepada Syarikat Kerjasama Nelayan, yang ada di satu-satu tempat itu adalah lebih baik dan munasabah keutamaan diberikan kepada setiap Ahli Persatuan Nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan saya dan saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang Perikanan yang baru ini banyak masalah yang dihadapi oleh industri perikanan, terutamanya nelayan-nelayan itu sendiri dapat diselesaikan. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.00 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi menyampaikan pandangan-pandangan serta pendapat di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perikanan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian semalam.

Setelah meneliti Rang Undang-undang ini saya mendapati keadaan diri saya berbelah bagi dengan pandangan-pandangan dan pendapat yang mungkin berbeza di antara satu sama lain. Ini mungkin disebabkan oleh pembentangan Rang Undang-undang ini sendiri yang boleh menimbulkan pandangan-pandangan yang berbeza dan pandangan-pandangan yang tidak serupa ini.

Daripada satu aspek, aspek yang pertama saya beranggapan bahawa sesuatu Rang Undang-undang itu ataupun pindaan kepada Rang Undang-undang perlulah membawa unsur-unsur kebaikan kepada masyarakat yang boleh memberi satu jaminan kesempurnaan kepada ahli-ahli masyarakat, tidak menunjukkan sesuatu bentuk penekanan, tidak menunjukkan satu bentuk halangan dan tidak juga menunjukkan satu bentuk penyekatan yang ketara sekali di dalam sesuatu Rang Undang-undang itu. Saya pernah menyuarakan pendapat saya di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Saya membahagikan pandangan saya di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini kepada dua bahagian. Sudah pastilah saya akan menyokong segala perkara yang membawa kebaikan di dalam Rang Undang-undang yang telah dibentangkan itu. Soal-soal untuk memajukan perusahan perikanan nelayan, soal itu perlu mendapat sokongan daripada semua ahli-ahli masyarakat, semua Wakil-wakil Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai contohnya, untuk perkembangan ikan darat di dalam seksyen 37, pihak Kementerian Pertanian telah pun menjelaskan beberapa perkara demi untuk pembangunan atau mengembangkan perusahan ikan darat. Antara lain ialah:

Pertama, menyebutkan soal pelancaran dan penyelarasan penyelidikan ikan darat.

Kedua, nasihat dan bantuan teknik kepada Pihak-pihak Berkuasa Negeri untuk kepentingan perkembangan ikan darat ini.

Ketiga, kemudahan publisiti dan tunjuk cara.

Keempat, pencegahan penyakit ikan.

Soal ini pada pandangan dan pendapat saya memanglah satu usaha yang baik, satu usaha yang amat berfaedah untuk ahli-ahli masyarakat untuk dipertimbangkan, untuk perbahasan dan untuk dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dengan sempurna. Tetapi pada pengalaman-pengalaman yang lalu saya dapati bahawa Jabatan Perikanan ini tidaklah memainkan peranannya dengan begitu cergas, dengan usaha yang segigih-gigihnya untuk mengembangkan perusahan-perusahaan ikan darat, ikan air tawar ini. Ini saya tidak tahu sebabnya.

Saya sendiri pernah mengemukakan permohonan kepada pihak Jabatan

Perikanan, daya usaha penduduk-penduduk kampung membuat pelan, surat permohonan, sokongan Wakil Rakyat kepada Jabatan Perikanan, satu lawatan pun tidak pernah dibuat, ditolak begitu sahaja. Inilah perkara yang saya telah alami sendiri di kawasan saya walaupun perkaras ini telah lama dibincangkan, perkara ini telah lama dibentuk oleh Kerajaan sebagai satu agensi yang boleh membantu ahli-ahli masyarakat, tetapi telah tidak memainkan peranan dengan sempurna. Maka pihak Kementerian Pertanian, Yang Berhormat Menteri Pertanian haruslah mengambil tindakan-tindakan yang khusus untuk membaiki Jabatan Perikanan ini. Tidak guna Menteri bersedih, tidak guna Menteri berdukacita, tidak guna Menteri memberi suatu alasan ataupun menyatakan kesugulannya jika sekiranya tidak ada sebarang tindakan diambil untuk membaiki pentadbiran seluruh Jabatan itu.

Saya katakan dengan hati yang ikhlas dengan tujuan untuk mengembalikan semangat, perasaan rakyat sayang kepada negara ini. Ini telah beberapa kali kita sebutkan segala tindak-tanduk Jabatan Kerajaan itu mestilah mencerminkan kehendak negara, kehendak masyarakat yang boleh membawa kepada kekukuhan, keyakinan rakyat kepada Kerajaan. Jika sekiranya perkara ini tidak berlaku, maka sudah pastilah kita akan satu masa nanti mendapat pertimbangan yang wajar dari pihak rakyat sendiri yang menentukan kedudukan Kerajaan. Itu soal Jabatan Perikanan yang saya hendak sentuh sedikit.

Yang keduanya, dalam usaha untuk meningkatkan ataupun untuk memperbaiki perusahaan penternakan ikan darat. Saya rasa telah pun ada subsidi-subsidi yang diberikan oleh Kerajaan untuk petani-petani tetapi tidak disebarkan dengan begitu meluas. Kemudahan-kemudahan yang

sedia ada itu perlulah diterangkan kepada rakyat bahawa ini adalah hal rakyat, apa yang boleh dilakukan oleh rakyat, apa yang boleh dipohon oleh rakyat untuk mereka. Tugas bahagian pengembangan mestilah berjalan untuk menyedarkan ataupun menyampaikan maklumat-maklumat yang penting kepada masyarakat, kepada rakyat.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Lumut soal pemeliharaan udang galah yang saya rasa ini satu perusahaan yang akan mendapat keuntungan yang lebih baik. Saya selalu balik ke kawasan, saya tengok di Lahar Yoi ramai orang jual udang galah satu kati \$12. Jika sekiranya satu kati \$12 maka sudah pastilah menunjukkan bahawa perusahaan ini akan mendapat keuntungan yang tinggi. Jadi segala usaha ataupun teknik bagi memelihara udang galah ini perlulah disampaikan kepada masyarakat bagaimanakah cara untuk membiakkan udang galah ini, sama ada di dalam kolam, kolam yang kecil di rumah boleh diusahakan, kerana orang-orang bumiputera ini perlu diasuh dan saya faham bahawa orang-orang bukan bumiputera pernah memelihara udang galah ini di rumah-rumah pangsa dan mendapat keuntungan dan dijual di dalam pasar untuk mendapatkan keuntungan.

Perkara yang kedua, saya menyokong perkara yang kedua ini, iaitu tentang perkembangan ataupun usaha Kerajaan untuk memajukan "aquaculture" ini. Saya tidak mahu sebut "akuakultura", susah hendak sebut; saya sebutkan "aquaculture" dalam seksyen 39. Ini perkara baru, perkara yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau hendak sebut "aquaculture", kena dengan izin.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, minta maaf. Hendak sebut "akuakultura" itu

berasa berat lidah sedikit, "aquaculture", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam seksyen 39 menjelaskan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk mengembangkan, ini tugas yang baik, kerana sekarang ini tidak banyak proses, tidak banyak tugas-tugas yang dijalankan untuk memperkenalkan "aquaculture" ini kepada masyarakat.

Saya juga menyokong tentang pertimbangan Kerajaan untuk mengawal atau mencegah penyakit-penyakit ikan. Dalam seksyen 40 (2) yang boleh menyebabkan merebaknya penyakit ikan. Saya bercakap lagi soal ikan darat, ikan sungai. Saya rasa pandangan saya ini samalah juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa mungkin sukar untuk dikawal, sebabnya alat-alat, bahan-bahan kimia seperti racun rumput-rumpai dan racun-racun serangga yang digunakan, itulah yang menyebabkan ikan-ikan ini mati ataupun dijangkiti penyakit. Bila sudah dijangkiti penyakit, maka orang-orang kampung, para petani ini sudah tidak dapat lagi untuk makan dengan sempurna.

Satu lagi sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Lumut menyebutkan soal kawalan kemasukan ikan-ikan daripada Thailand, yakni kemasukan yang tidak terhad, malah tidak dikawal pun. Dahulu saya pernah membangkitkan soal ini di dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah pun dikawal dengan rapi, diusung keluar daripada lori, dimasukkan dalam lori, dibawa sehingga ke Kuala Lumpur. Isinya kita tidak tahu bentuk apa, kita tidak tahu walaupun kita dapati ramai Pegawai-pegawai Perikanan yang tunggu di situ untuk melihat pemindahan tong-tong ikan daripada satu lori ke satu lori, itu sahaja tugas bagi melihat, tidak memeriksa untuk melihat adakah jenis ikan itu ikan ada penyakitkah, ikan tidak berpenyakit, saya tidak tahu, tetapi tugas ini kalau sekiranya sudah

ada Rang Undang-undang yang membolehkan Kerajaan mengkaji, melihat untuk mengawal penyakit ikan, maka penguatkuasaan itu mesti kuat. Kita kawal ketat-ketat, kita tidak mahu juga ikan kita dijangkiti penyakit. Ini soalnya.

Soal seterusnya, saya bersetuju dengan Rang Undang-undang untuk mengawal orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang menangkap ikan dengan menggunakan alat-alat letupan, dengan arus elektrik, dengan tuba, dengan racun, seperti yang tercatat di dalam seksyen 26 (1).

Ini soal yang baik, tetapi telah lama dahulu peruntukan ini pun telah ada di dalam perundangan tetapi saya tahu kesukaran-kesukaran untuk mengawalnya. Jadi tugas sekarang ini ialah untuk menyedarkan ahli-ahli masyarakat bahawa bahaya, padah yang mungkin akan menimpa mereka jika sekiranya mereka menggunakan bahan-bahan letupan atau arus elektrik ini dan akan menyebabkan penyimpangan yang lebih hebat kalau mereka menggunakan tuba ataupun racun untuk menangkap ikan. Jadi, tugas untuk menyedarkan ahli-ahli masyarakat tentang itu, kerana saya juga faham bahawa undang-undang ini juga adalah sebagai suatu nasihat, untuk tidak menyebabkan rakyat melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk mengadakan Taman Laut dan Reserve Laut demi untuk menjaga supaya tidak rosak fauna, flora tempat pembiakan ikan-ikan di dalam laut itu. Kalau sekiranya perkara ini tidak dikawal maka sudah pastilah ianya akan menyebabkan kekurangan tempat-tempat pembiakan ikan.

Perbahasan yang kedua di dalam Rang Undang-undang yang sama.

Saya di dalam Dewan yang mulia ini memohon kepada Yang Berhormat

Menteri Pertanian, kepada Kerajaan untuk mengkaji semula beberapa seksyen di dalam Rang Undang-undang Perikanan ini sama ada hendak ditangguhkan buat sementara setelah disemak, dikaji dan dibaiki semula beberapa seksyen yang saya pandang dan saya anggap tidak sesuai untuk kita laksanakan buat masa ini.

Pertama sekali adalah mengenai peraturan-peraturan dan kawalan-kawalan ketat ke atas nelayan-nelayan. Ini tajuk yang pertama, iaitu di dalam perkara yang pertama Bahagian IV, kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Perikanan adalah terlalu luas bidangnya. Saya yakin bahawa Ketua Pengarah ini mestilah delegate, dengan izin, kuasa yang ada padanya itu untuk kakitangan, pegawai, pengarah peringkat negeri, pengarah negeri akan delegate kuasa itu untuk lain-lain pegawai, dalam usaha untuk melesenkan, untuk membaharui lesen, untuk memproses lesen vessel. Bukan perkara ini tidak baik, perkara ini baik tetapi mungkin ianya akan menimbulkan perkara-perkara yang lain yang tidak kita sangka akan timbul kemudian kelak. Bahagian IV ini diperketatkan lagi dengan Bahagian X di mana kuasa kuat diberikan di dalam penguatkuasaan seperti yang tercatat di dalam seksyen 46 (a), (b), (c), (d), dan (e). Antara lain, saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, iaitu menaiki, menggelidih mana-mana vessel..... Jadi dalam seksyen ini kita lihat betapa kuatnya, betapa kuatnya bidang kuasa yang diberikan tanpa waran pun boleh gelidih.

Di seksyen 47 (1) pula yang memberi kuasa kepada penguatkuasa ini untuk menaiki, menggelidih mana-mana vessel perikanan ini tanpa waran. Apa yang saya takutkan ialah akan berlaku salahguna kuasa, akan berlaku rasuah kerana di dalam seksyen 25 telah pun disebutkan bahawa denda maksimum ialah

\$50,000 atau 2 tahun penjara. Mana lebih baik, bayar \$5,000 atau \$10,000 daripada menjelaskan hukuman \$50,000. Sudah pastilah orang memilih untuk menjelaskan \$5,000 atau \$10,000 di tengah laut. Maka dengan itu hasil yang kita perbincangkan, Rang Undang-undang yang kita kemukakan, yang telah diluluskan tidak dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya. Ini mungkinlah, perkara ini mungkin, kemungkinan-kemungkinan yang saya fikirkan berlaku, mungkinlah penguatkuasaan itu kita dapati pegawai-pegawai perikanan, penguatkuasa yang jujur, mungkin tidak akan menjalankan usaha ini, kita berdoa kepada Tuhan supaya adanya pegawai-pegawai yang seperti ini, yang jujur kepada Kerajaan ini untuk bertugas dengan baik demi kepentingan bangsa dan negara.

Perkara yang paling menyedihkan saya ialah soal penetapan, penentuan pemberian lesen kepada alat-alat menangkap ikan hatta kepada alat untuk menangkap ikan darat, ikan sungai, di dalam sawah.

Di dalam seksyen 11 (3) disebutkan alat-alat menangkap ikan yang perlu dilesenkan termasuklah disebutkan mempunyai di bawah kawalannya atau dalam miliknya apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa satu lesen. Bila saya rujuk kepada seksyen 2, tafsiran mengenai alat-alat menangkap ikan; dalam Perkara 2, tafsiran—peralatan menangkap ikan termasuklah jaring ikan, perangkap ikan dan apa-apa alat dengan atau tanpa pelampung. Yang kedua, apa-apa alat dari jenis mata kail yang mempunyai tidak lebih dari dua cangkuk. Yang ketiga, gejala yang dikenali sebagai jala, memiliki alat-alat ini adalah salah di bawah seksyen 11 (3). Ini adalah perkara yang merunsingkan saya, yang menyusahkan rakyat. Adakah patut sepucuk jala yang dibuat, yang disimpan oleh seorang petani di kampung saya perlu dilesenkan?

Adalah 10 kaki jaring yang direntang di sungai yang hanya 12 kaki lebar perlu juga dilesenkan, perlu mendapat lesen, sedangkan kita Kerajaan, pemimpin Kerajaan semuanya selalu menyebutkan soal menasihati masyarakat kampung supaya bekerja tambahan untuk mendapat sumber pendapatan tambahan sebagai hasil mereka untuk mengurangkan beban mereka. Jadi, sekarang ini kita telah pun mengadakan suatu peruntukan untuk menyekat, untuk menghalang mereka daripada menangkap ikan yang kecil, sekurang-kurangnya kita boleh katakan, bahawa kalau sekati ikan, dua kati ikan adalah untuk penggunaan satu keluarga, tidak juga disebutkan. Kalau mungkinlah satu pikul ikan, satu lori ikan, itu mungkinlah untuk dijual. Itu perlu disekat, perlu dikawal. Itu perlu. Kalau sekiranya orang ini dengan satu pucuk jala, dengan satu kati ikan yang dibawa balik daripada sawah juga ditafsirkan sebagai satu kesalahan, saya rasa ini sudah satu sekatan yang nyata yang dibuat oleh Kerajaan terhadap petani-petani yang sememangnya lemah, yang memerlukan pembelaan. Saya rasa, bahagian ini, seksyen ini perlulah dikaji semula. Kail yang tidak lebih daripada dua cangkuk, andaikata kalau lebih saya tak tahu bahasa lain; kalau sebelah saya iaitu sebelah Permatang Pauh dipanggil "tahan taut", tahanlah dua, tiga puluh bentuk; ini juga merupakan satu kesalahan, saya tak tahu bahasa di negeri-negeri lain, tetapi saya rasa bahasa Permatang Pauh pun boleh sama dengan sayalah, faham. Ini juga merupakan satu kesalahan. Jadi, kalau beginilah rupa kesalahannya, saya rasa ini terlalu berat bagi masyarakat kampung, masyarakat petani yang masih lemah untuk memikirkan keadaan kehidupan mereka.

Saya sebutkan tadi bahawa kita selalu menyebutkan, selalu memberi semangat kepada ahli-ahli masyarakat

untuk bekerja tambahan, carilah pendapatan tambahan, menangkap ikan sendiri, untuk penggunaan sendiri tetapi dengan sekatan ini sudah pastilah ianya akan menyebabkan timbul kesedihan di kalangan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk di kawasan pantai, misalnya di kawasan sawah yang sememangnya bergantung kepada ikan darat ini untuk dimakan bersama-sama nasi sebagai lauk mereka setiap hari.

Di samping itu di dalam seksyen 38 (1), pihak berkuasa negeri telah juga diberi hak untuk mengawal atau melarang apa-apa cara menangkap ikan di perairan sungai. Ini satu lagi.

Tadi saya sebutkan peralatan menangkap ikan. Sekarang larangan menangkap ikan sungai. Rujuk kepada seksyen 2, Tafsiran. Tafsiran perairan sungai ertinya ialah sungai, tasik, anak sungai, kolam dan mana-mana perairan lain di Malaysia selain daripada laut sama ada semula jadi atau buatan manusia, milik sendiri atau selainnya. Jadi bermakna sebarang pengelompokan air di mana-mana sahaja di atas bumi ini yang terdapat ikan, sesiapa sahaja yang menangkap ikan di situ, salah.

Di kawasan saya kalau orang itu ada dua, tiga ekar sawah, di hujung sawahnya itu adalah satu perigi yang dikorek 4 kaki kali 6 kaki, boleh jadi 10 kaki; tujuannya untuk mengumpul ikan ini. Setelah dituai padi, musim padi dia pun panggil orang kampung, panggil tok imam, buat kenduri, padi baru, hasil ikan daripada perigi yang dia buat tadi. Panggil imam baca doa. Kita pun amin. Jadi, sekarang ini setelah Rang Undang-undang Perikanan ini kita luluskan mungkin pada hari ini, maka semua perigi itu perlu ditimbus, kalau ada, walaupun miliknya sendiri, salah mengikut seksyen 38 (1). Pihak berkuasa negeri boleh menetapkan. Jadi inilah saya pohon kepada Kerajaan, Kementerian Pertanian, Yang

Berhormat Menteri supaya memikinkan, mengkaji perkara ini memikinkan, mengkaji perkara ini baik-baik, supaya mengkaji dalam-dalam, supaya tidak berlaku sebarang kekacauan yang mungkin akan menjejaskan kedudukan kita semua Ahli-ahli Dewan ini, kita bergantung hidup kepada pengundi-pengundi, ahli-ahli masyarakat, orang-orang kampung yang selama ini tidak pandai untuk menyuarakan pendapat mereka tetapi sekarang ini mungkin disebabkan oleh perkembangan pelajaran yang makin bertambah maka mereka juga mungkin akan setanding dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Seksyen 38 (1) (g) pihak berkuasa negeri boleh menetapkan musim tertutup menangkap ikan di mana-mana kawasan yang ditetapkan. Peruntukan yang sama maksudnya pada Seksyen 61 (f) kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bahawa Menteri juga boleh menetapkan musim tertutup kawasan menangkap ikan, ikan sungai daripada satu tarikh tertentu, ini fahaman saya kepada satu bulan yang tertentu dalam satu tahun sungai tidak boleh ditangkap ikan, tempat ini tidak boleh ditangkap ikannya. Mungkin usaha ini baik untuk membenarkan atau membolehkan anak-anak ikan daripada yang telah menetas atau membesar tetapi kita perlu ingat bahawa periuk nasi petani tidak tertutup mengikut musim. Malahan perut perlu diisi sepanjang masa bila lapar.

Inilah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan, perkara yang perlu mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan. Saya merayu sekali lagi mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya menimbangkan perkara ini supaya dapat dikaji semula beberapa peruntukan yang boleh menjejaskan keharmonian, kehidupan masyarakat

desa, masyarakat kampung yang tidak diganggu oleh beberapa peruntukan undang-undang yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini.

Saya tidak dapat lagilah untuk menyatakan hasrat hati saya macam mana perasaan saya, sebab saya hidup sebagai seorang kampung, hidup di dalam kampung yang tiap-tiap hari berkawan dengan orang kampung dan tahu apakah kegiatan masyarakat kampung sebab itulah saya mengemukakan pendapat-pendapat, mengemukakan pandangan saya di dalam Dewan yang mulia ini di dalam soal terutamanya bagi kawasan saya ini perikanan darat dalam kawasan perairan, dalam kawasan sawah yang tiap-tiap hari ahli-ahli masyarakatnya adalah bergantung hidup dengan hasil padi, ikan yang didapati, diperolehi daripada sungai sebagai lauk yang dimakan setiap hari. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.25 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar):** Bismillahirrahmanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincangkan Rang Undang-undang Perikanan 1984 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam dan saya samalah juga seperti kawan-kawan yang lain iaitu akan memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini tetapi ada bahagian-bahagian yang tertentu yang saya rasa, Yang Berhormat Menteri perlulah memberi pertimbangan semula agar dipinda ataupun diperbaiki demi untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan yang bergantung hidup semata-mata kepada sumber-sumber dari laut ataupun daripada air.

Memang tidak dapat dinafikan dalam lebih daripada 20 tahun sudah tentu ada perkara-perkara di dalam undang-undang lama yang perlu dipinda atau diubahsuai dengan

suasana semasa tetapi biarlah perubahan yang hendak dibuat itu lebih banyak akan mendatangkan faedah kepada ahli-ahli di dalam masyarakat kita.

Saya akan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam menggubal undang-undang ini sekiranya Rang Undang-undang ini telah dibuat dengan teliti, dengan memberi perhatian bahawa undang-undang yang sedang dibentangkan ini adalah yidak sama ataupun berbeza sekali dengan undang-undang lain yang dibentangkan ataupun digubal di dalam negara ini kerana undang-undang ini sebenarnya adalah melibatkan soal-soal yang berkenaan dengan laut.

Undang-undang ini digubal adalah berkenaan dengan soal-soal yang melibatkan nelayan yang sentiasa bergantung hidup kepada laut. Maka dengan yang demikian kita tidak boleh menggubal undang-undang ini sama konsepnya dengan menggubal undang-undang darat yang lain seperti undang-undang jalan raya, undang-undang lain yang ada digunakan di atas darat kerana di darat kita nampak, kita tahu secara bentuk fizikalnya, contohnya undang-undang jalan raya kita tahu di mana jalan raya itu berada kita tahu di mana simpang jalan raya itu berada tetapi di laut, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu apa yang terdapat di dasar laut, bagaimana tinggi rendahnya di dasar laut, ke mana arah nelayan itu akan menuju, dan ke mana arah nelayan itu akan balik.

Sasaran undang-undang yang dibuat di darat adalah jelas, kalau jalan raya adalah pemandu-pemandu kenderaan, mereka yang melanggar undang-undang jalan raya. Tetapi sasaran undang-undang di laut ini berbeza sekali kerana kita tidak dapat

mempastikan apakah tujuan bot-bot, apakah tujuan mereka yang menggunakan bot itu pergi ke laut, sama ada mereka ingin pergi untuk menangkap ikan, ataupun mereka ini membawa rahsia Kerajaan ataupun mereka ini berpura-pura menjadi nelayan tetapi sebenarnya adalah pengedar-pengedar dadah atau mereka yang membantu dalam kerja-kerja smuggling, dengan izin.

Maka oleh yang demikian saya sekali lagi menyatakan kalaulah undang-undang telah diberi perhatian kepada perkara-perkara yang dinyatakan tadi, maka saya ucapkan syabas kepada pegawai yang berkenaan.

Daripada kajian, daripada penyelidikan yang telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati, mungkin Yang Berhormat Menteri akan mengatakan saya agak prasangka di dalam hal ini ataupun prejudis tetapi sebenarnya tidak, apa yang saya perhatikan hampir  $\frac{3}{4}$  daripada peruntukan di dalam undang-undang ini adalah berkenaan dengan bagaimana menguatkuasa dan apakah bentuk hukuman yang akan dikenakan kepada nelayan-nelayan, hanyalah  $\frac{1}{4}$  sahaja yang ada diperuntukkan bagi memperbaiki ataupun mempertingkatkan kemajuan ataupun pembangunan nelayan sendiri. Jadi ini saya rasa dalam zaman kita membangun secara positif bukan secara negatif maka amalan seperti ini saya rasa patutlah diperbaiki pada masa yang akan datang.

Saya hanya ingin membangkitkan beberapa kekurangan di dalam Rang Undang-undang ini dan saya harap boleh juga mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana dalam beberapa sidang Dewan yang lepas saya telah membangkitkan masalah-masalah teknikal yang mungkin timbul kepada nelayan-nelayan.

Saya berharap perkara ini boleh diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri iaitu terutamanya kepada nelayan-nelayan seperti di dalam kawasan saya sendiri di mana kesalahan melanggar sempadan memang mudah boleh berlaku kerana sepatutnya undang-undang yang dibuat ini mestilah merangkumi seluruh negara kita, seluruh persisiran pantai di dalam negara kita tetapi ada pula undang-undang lain undang-undang ataupun peruntukan negeri yang memperuntukkan sempadan negeri masing-masing.

Saya setuju dengan peruntukan-peruntukan jika mereka melanggar syarat-syarat alat-alat tangkapan dikuatkuasakan tetapi soal sempadan ini adalah satu perkara yang rumit kerana itulah seperti yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat mula tadi bahawa keadaan fizikal di laut adalah berlainan daripada di darat. Kalau di darat boleh tahu Batu 10, Simpang Empat dan sebagainya, tetapi di dalam laut itu susah, payah sekali kita hendak mengenalpasti yang mana sempadan, kecualilah kalau kita bubuh tembok yang besar.

Jadi nelayan-nelayan itu pun bukanlah banyak sangat dihantar pergi kursus dan sebagainya. Mereka tidak mengetahui bentuk peta di mana mereka berada khususnya di kawasan sempadan. Dan dengan yang demikian, saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh menambah satu peruntukan agar diadakan satu zon bersama bagi mereka yang terlibat di kawasan sempadan. Umpamanya, kalau sempadan daripada kawasan saya ke Pulau Pinang itu boleh pergi tiga batu terlepas sedikit, kemudian orang Pulau Pinang pula boleh datang tiga batu masuk terlepas ke dalam perairan Perak. Itu pun saya rasa satu cadangan yang baik yang patut dipertimbangkan oleh yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah masalah kuasa kepada negeri. Saya kurang faham dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan perkara ini bagaimana pula kalau keadaan sungai yang sekeratnya masuk di dalam sebuah negeri dan sekerat lagi muaranya keluar di dalam negeri yang lain. Bagaimanakah peruntukan ini akan digunakan kepada mereka yang terlibat?

Tuan Yang di-Pertua, syarat kepada alat-alat tangkapan, sesuai dengan penggunaan ataupun menggalakkan penggunaan barang buatan Malaysia, saya rasa pihak Jabatan Perikanan perlulah mengambil perhatian mengenai syarat-syarat jaring yang telah digunakan kepada nelayan-nelayan kerana pada masa sekarang pihak perikanan telah mengenakan syarat iaitu supaya jaring-jaring yang hendak digunakan mestilah terdiri daripada nylon yang mana ia adalah diimport daripada negara Jepun khususnya. Tetapi apa yang kita dapati jaring-jaring jenis ini sangat berkurangan di dalam negara kita. Sebaliknya, jaring polythene begitu banyak kedapatan di dalam negara kita dan lebih murah lagi daripada jaring-jaring yang diimport daripada negara Jepun.

Saya rasa demi untuk menggalakkan penggunaan barang buatan Malaysia, maka perkara ini juga perlu diberi perhatian, diberi pertimbangan kepada penggunaan alat-alat di dalam mereka menggunakan barang-barang untuk tangkapan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di dalam kita hendak melaksanakan undang-undang ini dengan lebih praktikal lagi, maka Yang Berhormat Menteri patutlah membahagikan dari segi penguatkuasaan undang-undang ini kepada tiga kategori nelayan yang terlibat.

Pertamanya, nelayan-nelayan ataupun vesel yang datang daripada luar.

Yang kedua, nelayan-nelayan tempatan mestilah juga dibahagikan dua. Yang pertamanya mesti kita lihat bahawa nelayan-nelayan yang telah maju ataupun nelayan yang lebih besar dan menggunakan bot-bot yang besar. Maka hukumannya mestilah tidak "average" ataupun tidak sama rata, hukumannya mestilah ditentukan, kalau nelayan yang datang daripada luar negeri hukumannya sekian banyak. Nelayan yang menggunakan bot lebih daripada 40 tan ataupun lebih daripada 50 kuasa kuda enjinnya mesti dikenakan hukuman yang berbeza-beza. Apabila hukuman itu telah ditentukan dengan yang demikian, kita pasti pegawai-pegawai penguatkuasa tidak akan menyalahgunakan kuasa kerana dari segi hukuman pun sudah berlainan.

Kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah boleh mengambil satu perkara itu perkara enteng seperti kata Yang Berhormat dari Lumut. Nelayan-nelayan kambing hitam ada, tetapi kita rasa dalam pegawai Kerajaan pun ada juga yang kambing hitam, bukan nelayan sahaja kambing hitam kerana tak semua, kita tak yakin seratus peratus dan kita beri tahniah kepada mereka yang menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab tetapi jikalau Yang Berhormat Menteri boleh memastikan semua pegawai-pegawai penguatkuasa amanah dan bertanggungjawab, saya sokong undang-undang ini seratus peratus tanpa pindaan. Tetapi kita tahulah, kita dalam proses penerapan nilai Islam ini di peringkat kita pun belum sampai ke matlamatnya lagi, sudah tentu akan terdapat kambing-kambing hitam di dalam Jabatan Perikanan sendiri.

Saya katakan ini, Tuan yang di-Pertua, bukanlah tuduhan semata-mata. Dalam kawasan saya ada 8,000 nelayan. Saya hendak ceritakan satu peristiwa, di kawasan saya itu sibuk sangat dengan pukut Apollo, sampai

Yang Berhormat Menteri pun sudah kata saya jagoh pukut Apollo dan sebagainya. Apa yang saya tekankan Tuan Yang di-Pertua, ialah kita mesti menentukan penguatkuasaan itu dapat dilaksanakan. Kalau ada undang-undang tetapi penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan, maka undang-undang itu akan jadi satu perkara tidak bermakna, tidak mendatangkan faedah kepada sesiapa pun juga. Satu malam, pukul 12 malam seorang nelayan telah datang melaporkan kepada saya iaitu ada pukut Apollo yang datang memukat di tepi, perlu ditangkap dan nelayan tersebut telah melaporkan kepada mereka yang berkenaan iaitu Bahagian Penguatkuasaan. Jawapan yang diberikan amatlah menyedihkan. Minyak bot tak ada, tak boleh hendak keluar, minyak tak cukup, peruntukan tak ada. Ini digunakan pula fasal keadaan ekonomi merosot, Jabatan Perikanan nak keluar tangkap pun tak boleh. Tak apalah, sekali bolehlah dimaafkan, lain kali saya akan panggil pegawai berkenaan dan saya akan kata kalau tak cukup minyak saya boleh keluar duit minyak, insya Allah, saya claim baik kepada Yang Berhormat Menteri.

Jadi sikap yang begini, Tuan Yang di-Pertua, sikap pegawai-pegawai yang seperti ini amat menyedihkan, bukan soal rakyat tak mahu ikut, tetapi nelayan pun ada juga kambing hitam, pegawai pun ada kambing hitam. Jadi itulah perkara yang menyebabkan nelayan-nelayan yang tak sepatutnya terlibat akan terlibat di dalam perkara ini. Ini undang-undang sampai kena \$50,000 maksimum, minimum \$500. Jadi samalah seperti kata wakil dari Ulu Muda, kalau dapat selesai di tengah laut itu lebih baik, mana nak bayar \$10,000 atau \$7,000, lebih baik bayar \$700-\$800 di tengah laut, cukup. Boleh terus tangkap dan boleh dapat banyak ikan lagi. Ini yang saya rasa perlu kita menghayati, kita merenung soal ini adalah soal

yang besar, bukan soal kecil, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita berharap supaya Yang Berhormat Menteri memberi penekanan kepada soal penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai yang lebih amanah dan kalau perlu Yang Berhormat Menteri turunkan banyak-banyak kali sedikit, jumpa nelayan-nelayan supaya memberi penerangan, penjelasan kepada mereka untuk mereka mengubah sikap agar tidak melanggar peraturan-peraturan. Kadangkala saya dalam keadaan dilemma. Hendak masuk sebelah nelayan, Menteri kata masuk sebelah nelayan. Tidak masuk sebelah nelayan, macam kita tekan pula pihak nelayan. Nelayan-nelayan di tempat saya adalah nelayan-nelayan yang suka kepada satu pemikiran perubahan teknologi yang berlaku. Tengoklah macam pukut kengka dua bot yang diluluskan oleh Kerajaan, ini Kerajaan juga luluskan. Depa ubah-ubah, Tuan Yang di-Pertua, menjadi seolah-olah macam pukut tunda yang dipanggil pukut apollo lagi teruk daripada pukut tunda. Ini dari segi perubahan teknologi. Dan perkara ini patutlah dibuat penyelidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Depa-depa pun keluar juga.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Sedap sedikit kalau bercakap lagu itu, baru sahaja balik kempen. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, minta maaflah kerana kalau bercakap macam itu, lajak sedikit. Kalau cakap cara buku ini tidak berapa lajak.

Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak berkemungkinan pembatalan ataupun pengantungan permit itu terkadangkadangkang dibuat berdasarkan kepada maklumat-maklumat di peringkat bawah. Kerana di dalam satu seksyen undang-undang baru ini di mana telah diberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan permit dan

lesen kepada mereka yang memohon, tidak mengapalah dan kalau umpamanya tidak diluluskan maka pemohon tersebut bolehlah membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri. Alhamdulillah, ada dua peringkat. Tetapi soal pengantungan lesen ataupun pembatalan lesen hanya tersekat kepada Ketua Pengarah. Kalau Ketua Pengarah kata gantung lesen itu, gantung. Kalau batal, kata Ketua Pengarah maka lesen itu batal, tidak boleh ditimbang semula, tidak boleh dibuat rayuan. Saya berharap perkara ini juga patut dipinda supaya rayuan boleh dibuat kepada Yang Berhormat Menteri, kerana pada masa yang lepas kita ada pengalaman kadangkala sebagai manusia biasa pegawai-pegawai bawahan ini pun mereka geram juga dengan nelayan. Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua fahamkah tidak perkataan geram? (*Ketawa*). Saya hendak beri tahu makna geram. Saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh fahamlah geram itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Geram itu ada dua makna Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tiga, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Tetapi ini geram makna marah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Geram marahlah.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Geram marah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan geram suka?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Ada geram suka, ada geram marah, ada lagi satu geram—tiga, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah hendak terjemahkan perkataan geram ini kepada bahasa Inggeris tidak boleh, kena ikut konteks dia, ada tiga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara geram ini kadang-kadang timbul di peringkat pegawai-pegawai bawahan dengan nelayan, mungkin

laporan ataupun maklumat di-sampaikan kepada Ketua Pengarah kadang-kadang berlainan menyebabkan Ketua Pengarah akan mengambil tindakan untuk membatalkan ataupun menggantung lesen ataupun permit yang berkenaan. Jika keputusan telah dibuat tanpa boleh dirayu atau ditimbang semula oleh Yang Berhormat Menteri maka keputusan itu kadangkala kalaulah tidak begitu tepat akan merugikan nelayan sendiri. Jadi, kalau diberi pula peluang untuk membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri, kadangkala Wakil Rakyat pun boleh tolong siasat dan beri tahu kepada Menteri, mungkin keadilan yang lebih baik akan dapat diberikan kepada nelayan-nelayan yang berkenaan.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk memperkatakan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan semalam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tenggaroh. ○

5.45 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perikanan 1984 yang mana bererti jika sekira Rang Undang-undang ini diluluskan maka Akta Perikanan 1963 termansuh.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, pegawai-pegawai yang terlibat di dalam mereka bentuk, mencipta Rang Undang-undang Perikanan 1984 ini di atas perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan perkara-perkara yang memberikan manfaat kepada masyarakat nelayan

khususnya kepada masyarakat di dalam negara ini secara keseluruhannya dan juga kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun saya juga seperti teman-teman yang lain yang telah melafazkan ucapan masing-masing di dalam Dewan yang mulia pada hari ini di mana peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang Perikanan 1984 yang mendatangkan syak wasangka yang meragukan, yang akan menimbulkan kontraversi, maka saya amat berharap agar Yang Berhormat Menteri Pertanian dapat mempertimbangkan hujah-hujah kami berkaitan dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan agar keraguan-keraguan tersebut akan hilang, agar kontraversi yang mungkin timbul akibat daripada beberapa peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini dapat kita lenyapkan bersama-sama dengan cara baik, dengan cara aman, adil dan saksama.

Saya berkata demikian Tuan, Yang di-Pertua, ialah kerana Kerajaan telah berpuluh-puluh tahun lamanya berusaha besungguh-sungguh untuk membantu kaum nelayan agar penghidupan para nelayan di dalam negara kita ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Usaha Kerajaan yang telah dicurahkan, yang sedang dicurahkan dan yang akan dicurahkan kepada kaum nelayan ini bukannya sedikit, besar dari sejumlah duit yang dibelanjakan dari nasihat yang diberikan kepada nelayan-nelayan, dari segi latihan yang diberikan kepada nelayan-nelayan agar mengubah corak penangkapan ikan daripada tradisi kepada moden dan berbagai-bagai bentuk-bentuk bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada para nelayan dengan hasrat, dengan niat suci, dengan tujuan ikhlas Kerajaan agar para nelayan ini dapat mengecap hidup yang agak selesa, yang agak mewah sedikit. Akibat dari usaha-usaha Kerajaan itu maka pada masa ini

adalah nampak perubahan sosio-ekonomi di kalangan masyarakat nelayan di dalam negara kita ini.

Dan oleh hal yang demikian, maka dengan adanya Rang Undang-undang seperti yang kita bincangkan pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan apabila ianya diluluskan, saya tidak mahu seperti kata pepatah: panas setahun hapus dek hujan sehari. Berpuluh-puluh tahun Kerajaan membantu para nelayan, dek kerana beberapa peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini maka para nelayan akan menganggap Kerajaan sekarang sudah tidak lagi mahu membantu para nelayan tetapi sebaliknya dengan Rang Undang-undang ini Kerajaan akan memeras, menekan, menghimpit para nelayan dengan memberikan kuasa-kuasa yang terlalu besar kepada pegawai-pegawai perikanan. Itu mengikut apa yang yang dicatatkan di dalam Rang Undang-undang seperti yang sedang kita bahaskan pada hari ini.

Saya berkata demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau saya tidak bangun becakap pada petang ini sudah pasti masyarakat nelayan yang beribu-ribu keluarga di kawasan pilihanraya saya akan bukan sahaja memarahi saya, bukan sahaja pada lain kali tidak mahu mengundi saya, bukan sahaja pada lain kali mahu menyokong parti-parti Pembangkang. Tetapi kerana keinsafan saya, kesedaran saya bahawa masyarakat nelayan di dalam negara kita ini masih lagi rata-rata hidup di dalam keadaan yang miskin, masyarakat nelayan di dalam negara kita ini masih lagi memerlukan bantuan dan sokongan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Bahagian III untuk menjimatkan masa, rancangan perikanan bertujuan untuk memastikan penggunaan optimum akan sumber perikanan yang konsisten dengan prinsip-prinsip pemuliharaan

dan pengurusan yang baik iaitu rancangan perikanan seperti yang dicatatkan dan dimaktubkan di dalam Rang Undang-undang ini dan tujuan tersebut memanglah kita memberikan sokongan yang padu, yang jitu, yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan. Nelayan mana yang turun ke laut yang hendak menangkap ikan ala kadar sahaja, semua nelayan yang turun ke laut, baik mereka keluar ke laut waktu subuh, tengah malam, tengah hari, pagi dan sebagainya hasrat mereka ialah untuk menangkap ikan dengan seberapa banyak yang boleh. Sebab mereka ingin menangkap ikan dengan seberapa banyak yang boleh kerana terutamanya nelayan-nelayan tradisi, duit pinjaman Bank Pertanian untuk membayar balik pinjaman Bank Pertanian kerana bot sewa beli subsidi ini terpaksa dibayar balik hutang. Kalau tidak tangkap banyak ikan, hutang Bank Pertanian tidak boleh dibayar, akibatnya beratus-ratus ribu Bank Pertanian Malaysia mesti menanggung tunggakan hutang daripada nelayan-nelayan di Mersing kerana ikan tidak ada, tidak banyak ditangkap.

Jadi, seluruh nelayan apabila keluar ke laut mereka ingin memastikan bahawa ia balik akan mendapat hasil ikan dengan seberapa banyak yang boleh. Cara mana, bagaimana cara ialah dengan cara apa yang dibantukan oleh Kerajaan pada masa ini, Kerajaan melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh MAJUJIKAN, tabur di sana sini tukun-tukun tiruan untuk pembiakan-pembiakan ikan, diucapkan syabas dan tahniah dan semoga pada masa-masa akan datang Majuikan akan membanyakkan lagi, memperhebatkan lagi kawasan-kawasan untuk dibuang tukun-tukun tiruan ini bagi faedah nelayan-nelayan ini menangkap ikan, lain-lain cara kawasan pemeliharaan kawasan-kawasan pembiakan ikan supaya tidak dilanggar oleh pukuk-pukuk harimau dan sebagainya.

Di samping itu saya ingin menyarankan di sini supaya nelayan-nelayan tradisi ini, bot-bot nelayan tradisi ini diberikan lebih daripada satu lesen. Pada mas yang lepas nelayan tradisi di berikan hanya satu lesen sahaja, misalnya lesen pukat tunda ataupun lesen jaring ataupun lesen pukat hanyut ataupun lesen pukat malas, satu lesen sahaja. Ikan di laut ini kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bermusim juga pembiakannya. Waktu musim tengkujuh daripada bulan Oktober hingga ke bulan Mac musim udang, maka rata-ratalah nelayan-nelayan tradisi ini menarik pukat tunda tepi pantai untuk tangkapan udang. Mereka tidak keluar ke laut jauh ke tengah laut untuk memancingkah, untuk menjaringkah, untuk tangkap ikan tenggirikah dan sebagainya kerana gelombang besar.

Kemudian, pada musim-musim yang tertentu mereka beramai-ramai pula untuk menahan pukat hijau, pukat tenggiri. Habis musim pukat tenggiri pada mereka, ada pula musim ikan bawal, beramai-ramai pula mereka pergi tangkap ikan bawal. Pada waktu bulan terang pula, beramai-ramai yang pergi candat sotong misalnya—menangkap sotong dan sebagainya. Jadi kalau satu bot diberikan satu lesen sahaja, inilah yang terjadi kepada nelayan-nelayan tradisi di mana hutang-hutang mereka kepada Bank Pertanian tidak boleh mereka hendak bayar, akibatnya ramai di antara mereka yang memohon untuk menukar syarat, bot ikan kepada bot pelancong dalam konteks nelayan Mersing sahaja yang saya cakapkan ini, ramai. Kata mereka membawa pelancong pada masa ini memberikan pendapatan yang lebih, maka mereka hendak tukar daripada bot ikan kepada bot pelancong. Jabatan Perikanan kata tidak boleh tukar. Maka dengan itu hutang kian bertambah tidak berbayar, tunggakan hutang di Bank

Pertanian kian banyak Bank Pertanian mulai mengambil tindakan untuk melelong bot-bot yang berkenaan dan apabila bot-bot itu nanti dilelong maka cita-cita Kerajaan untuk membantu para nelayan supaya seorang nelayan memiliki sebuah bot akan gagal, tidak tercapai matlamat seperti yang diharapkan oleh Kerajaan.

Oleh hal yang demikian, berkait dengan rancangan perikanan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan agar bot-bot tradisi ini diberikanlah mereka tiap-tiap sebuah bot dua ataupun tiga lesen, lesen pukat tundakah di samping pukat hanyut, lesen jaring ataupun lesen-lesen yang lain tetapi bagi bot-bot besar, bot-bot yang melebihi 40 tan beratnya, jangan. Kalau pukat tunda, pukat harimau itu tetaplah dengan pukat harimaunya, kalau pukat jerut tetaplah dengan pukat jerutnya sahaja, kalau pukat tangkol tetaplah dengan tangkolnya sahaja, kalau marwami tetaplah dengan marwami sahaja. Itu cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian rancangan perikanan yang kedua, pengelakan penangkapan ikan yang berlebihan. Memang siapa yang menangkap ikan yang biasanya yang lebih sangat; ini pukat harimau, dia asyik merayap ke sana ke mari 7, 8 jam, naik pukat atas motor separuh ikan yang boleh dipasarkan, separuh lagi anak-anak ikan yang tidak laku di pasaran akibat daripada anak-anak ikan yang tidak laku dipasarkan ini kadangkala dibuang, kadangkala dihantar ke kilang-kilang baja untuk dijual dengan harga yang paling rendah sekali. Akibat daripada penangkapan yang berlebihan seumpama ini, maka sumber-sumber laut yang berkurangan. Oleh hal yang demikian, untuk mengatasi masalah ini, untuk menjaga agar sumber laut ini tidak berkurangan pada masa-masa yang akan datang, saya harapkan Kerajaan mengkaji semula tentang pemberian lesen-lesen pukat tunda ini.

\*Saya sering menerima aduan daripada penduduk-penduduk yang tinggal di pulau-pulau di dalam kawasan saya. Ada 5 buah pulau yang berpenghuni yang dekat dengan daratan lebih kurang 12 batu, dan pulau yang paling jauh daripada daratan ialah lebih kurang 42 batu. Kawasan inilah yang biasanya menjadi sasaran kepada bot-bot pukat tunda. Kadang-kadang menunda di birai-birai pulau. Tuan Yang di-Pertua faham tak makna perkataan "birai pulau"—di tepi pulau. Kalau ikut peraturan bot ini telah melanggar undang-undang, melanggar kawasan sempadan menangkap ikan. Tetapi oleh kerana bahagian penguatkuasa Jabatan Perikanan jarang-jarang sampai, maka pelanggaran kawasan sempadan penangkapan ikan oleh bot-bot pukat tunda ini dari semasa ke semasa kian berleluasa berlaku. Akibat daripada berleluasanya berlaku, maka penduduk-penduduk pulau merintih, meminta supaya Wakil Rakyat tolong bertindak. Macam mana Wakil Rakyat hendak bertindak? Mereka kata: Tidak bolehlah pukat tunda ini, sudah menghabiskan hasil ikan dekat sini, unjam habis dilanggarnya, bubu habis dikautnya; macam-macam lagi karenah. Yang mana yang tidak boleh tangkap malam, tunggu malam juga ada. Itu sebabnya beberapa kali dibawa di dalam Dewan yang mulia ini saya sering menekankan kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Pertanian, supaya menempatkan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan ini bukan hanya untuk berpusat di Lumut, malah di pulau-pulau Laut Cina Selatan. Kalau di perairan Laut Cina Selatan di negeri Johor bolehlah diletakkan di salah sebuah pulau yang banyak terdapat di perairan Mersing. Di Terengganu pun banyak terdapat pulau-pulau dekat situ, bolehlah Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan ini meronda kawasan-kawasan tersebut bagi memastikan agar tidak berlaku pelanggaran kawasan menangkap ikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara 11 seperti apa yang disuarakan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi, saya bersimpati sebenarnya dengan beliau kerana beliau memiliki dua pucuk jala maka beliau terpaksa mendapatkan lesen kerana dua pucuk jala yang digunakan oleh beliau sekali-sekala untuk menjala ikan di lubuk, untuk menjala ikan di parit dan sekali-sekala menjala ikan di sungai. Tetapi saya tidak jala, saya ada banyak bentuk mata kail, berbagai-bagai jenis, kalau tidak percaya datang ke rumah saya, boleh dikatakan tiap-tiap minggu saya pergi memancing ikan. Kalau hendak pergi memancing udang galah tidak boleh gunakan 2 mata kail. Kalau gunakan 2 mata kail akibatnya anak isteri di rumah akan kelaparan, udang dapat dua tiga ekor. Memancing udang galah sekurang-kurangnya mahu ada 5 ataupun 7 mata kail. Kalau ini juga hendak dilesenkan, Tuan Yang di-Pertua, susahlah sedikit. Ramailah penduduk-penduduk di kawasan pilihanraya saya yang terpaksa memohon lesen kerana mereka sekali-sekala hendak pergi memancing udang galah, kerana sekali-sekala mereka hendak pergi memancing ikan di laut, sekali-sekala hendak main-main laut. Saya mintalah kaji semula perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V—vesel penangkapan ikan asing juga saya setuju—tahniah, terima kasih dan syabas diucapkan atas usaha Kerajaan untuk mengenenakan tindakan hukuman kepada vesel-vesel asing yang datang menceroboh di dalam kawasan perairan kita. Memang selalu pada masa-masa yang lepas, nelayan-nelayan asing ini datang menangkap ikan di dalam perairan kita. Kalau dia datang sekali-sekala tangkap dan menunda ikan, menangkap ikan dengan menggunakan pukat jerut, pukat tangkul dengan tidak menyakitkan hati penduduk-penduduk tempatan, penduduk tempatan tidaklah bisng sangat. Ini

kadang-kadang mereka datang menangkap ikan di dalam kawasan perairan kita, dia berlagak macam samseng, mereka berlagak macam gangster pula. Jadi hukuman yang berat seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini memang wajar, saya sokong, dengan syarat Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan bertindak dengan wajar juga, dengan penuh tanggungjawab juga, dengan penuh dedikasi, dengan penuh jujur, ikhlas dan amanah. Kalau tidak, seperti apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Ulu Muda tadi, "Mana hendak, engkau bayar \$1 juta ataupun aku beri engkau \$50,000." Orang itu kata, "Okaylah, \$50,000.".....pass. Akibatnya hasrat Kerajaan untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini ataupun hasrat Kerajaan untuk mengelakkan pelanggaran-pelanggaran peraturan tidak akan tercapai, akan gagal, malah dengan adanya peraturan-peraturan seumpama ini bukan sahaja kita hendak mengurangkan nelayan-nelayan tempatan atau asing untuk mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan, malah ini membanyakkan lagi masa-masa yang akan datang pelanggaran-pelanggaran ini dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada Bahagian VI—Kesalahan-kesalahan. Mengenai kawasan menangkap ikan, mengikut undang-undang yang ada, Tuan Yang di-Pertua, saya membahagikan kepada 3 kawasan menangkap ikan:

- (1) Kawasan antarabangsa;
- (2) Kawasan antara negeri;
- (3) Kawasan antara jenis tangkapan ikan.

Kawasan antarabangsa itu 12 batu ke atas, ini mengikut peraturan yang ada, kalau tidak silap saya; kalau saya silap minta betulkan, kawasan yang boleh semua jenis bot boleh tangkap ikan. Di antara 5 hingga 12 batu untuk

bot yang melebihi 40 tan; di antara 0 hingga 5 batu daripada pantai ialah kawasan yang dikhaskan kepada bot-bot tradisi. Kadangkalanya nelayan yang memiliki bot 40 tan ke atas ada yang menangkap ikan di dalam kawasan lingkungan 5 batu daripada pantai, melanggar peraturan. Kadangkadang nelayan melanggar kawasan sempadan negeri, macam Sungai Endau, keluar sahaja muara Sungai Endau sudah masuk negeri Pahang. Pegawai Perikanan Pahang pun siap menunggu di kuala Sungai Endau dengan botnya, keluar sahaja tangkap terus.

Jadi kawasan-kawasan ini kalau kita hendak kuatkuasakan, mintalah ada Pegawai-pegawai Penguatkuasa sentiasa. Kalau tidak, tidak payahlah diadakan kawasan-kawasan antara negeri ini ataupun kawasan-kawasan antara jenis tangkapan ikan kerana pelanggaran-pelanggaran daripada nelayan-nelayan tetap ada, senantiasanya ada dan banyak terdapat, tidak boleh kita hendak sekat mereka. Ada pula itu kalau kita kata: Tidak usah, awak tidak boleh tangkap dekat birai pulau ini. Ini awak sudah melanggar, ini kawasan tradisi, awak pukut tangkul, awak pukut jerut tidak boleh, awak mesti tangkap ikan 5 batu daripada pulau. Tetapi kalau saya tidak tangkap ikan dekat sini, pukut jerut tidak boleh tangkap ikan jauh di tengah laut sana, dalam sangat, tidak boleh. Dia terpaksa hampir dengan pulau, ikan pun banyak, ikan batu. Kalau kita, dengan izin, argue dengan dia, dia kata ikan ini sebenarnya siapa punya? Itu satu.

Yang kedua, kata mereka kalau kita ikut dengan kawasan sempadan negeri, ini misal kata, bot pukut tunda itu sudah turun daripada negeri Johor, tunda hala ke negeri Pahang mengejar ikan, sama ke sempadan negeri Pahang, ikan lari masuk ke dalam negeri Pahang. Bot ini sudah tidak boleh pergi ke sana, kalau pergi

menyeberang sempadan ke Pahang, ini salah. Jadi seolah-olah ikan itu boleh kata, "ta ta" kepada bot ini tadi, "Engkau sudah tidak boleh tangkap aku, kerana kalau engkau masuk kemari, \$50,000 denda maksimumnya".

Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula ataupun kalau boleh dimansuhkan kawasan-kawasan sempadan tangkap ikan kerana benda ini banyak sangat memeningkan kepala. Penduduk-penduduk yang tinggal di pulau minta kawasan sempadan menangkap ikan ini dikuatkuasakan betul-betul. Mereka yang tinggal di darat kata tidak patut. Kerajaan pun dalam dilemma, saya tahu benda ini. Menteri Pertanian pun, saya rasa tahu benda ini, pegawai-pegawai Kerajaan bahagian penguatkuasa pun tahu, memang serba salah. Yang mana satu hendak diikuti. Hendak ikut cakap mereka yang tinggal di pulau, nelayan-nelayan darat nanti yang marah. Hendak ikut kata nelayan darat, nelayan pulau pula menjerit kerana mereka yang tinggal di pulau kata, "kebajikan kami di pulau-pulau ini mesti dipelihara oleh Kerajaan kerana sumber pendapatan utama kami untuk meneruskan penghidupan anak-anak kami di pulau dan generasi kami pada masa akan datang di pulau ini hanya semata-mata bergantung kepada hasil laut iaitu menangkap ikan, menjadi nelayan. Kalau tidak kami berpindah beramai-ramai ke darat dan kemungkinan besar pulau-pulau ini nanti boleh dijadikan kawasan-kawasan pendaratan anasir-anasir yang boleh menggugat kedaulatan negara kita". Jadi hendak tak hendak kita terpaksa bertolak ansur dengan mereka yang tinggal di pulau-pulau ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penalty ataupun denda seperti yang termaktub di dalam seksyen 25 (b) dan 31, juga saya merayulah kepada Kerajaan supaya denda maksima

sebanyak \$50,000 kepada nelayan-nelayan tempatan yang melakukan kesalahan ditimbangkanlah semula, kalau boleh dikurangkan ataupun dikekalkan denda yang lama sahaja. Hujah yang pertama seperti ini, ini bukan hendak menuduh, bukan hendak apa, kemungkinan-kemungkinan itu ada, kita ini manusia biasa, kemungkinan itu ada. Mana awak hendak bayar \$5,000 atau \$7,000 atau awak dibawa ke mahkamah didenda sebanyak maksimumnya \$50,000. Ini menggalakkan mereka melakukan kesalahan-kesalahan pada masa-masa yang akan datang. Aku sudah bayar, kata dia ini, sebulan berapa ribu, berapa ribu, oleh kerana aku sudah bayar, mereka takkan tangkap aku, maka bermaharajalelalah aku menangkap ikan di mana-mana jua pun. Ada tidak kemungkinan seumpama itu, Tuan Yang di-Pertua? Saya berkata demikian kerana pada masa-masa yang lepas saya ada menerima aduan, saya ingat kalau tidak salah saya dua tahun yang lalu, ada menerima aduan daripada seorang nelayan yang kena tangkap.

Dia mengatakan kepada saya bahawa pada ketika dia ditangkap, dia bersama-sama tiga orang rakannya dan mereka ini melakukan kesalahan yang sama, kesalahan melanggar kawasan sempadan menangkap ikan. Apabila dibawa ke satu tempat, maka hukuman daripada tiga kesalahan yang dianggap sama oleh mereka yang membuat pengaduan ini, hukuman ada tiga jenis pula. Satu didenda \$800; yang seorang tidak dikenakan apa-apa, yang seorang itu ditahan botnya, tidak taulah sama ada didenda atau tidak itu wallahu'alambis-sawab.

Jadi dipersoalkan kepada saya bagaimana kesalahan yang sama dilakukan oleh mereka bertiga ini dan hukumannya berbeza-beza. Perkara ini menguatkan lagi kemungkinan ataupun probability apa yang

disuarakan oleh sahabat saya daripada Ulu Muda tadi. Berdasarkan kepada perkara itu, saya mohon agar denda sebanyak ini dapat ditimbang semula oleh Kerajaan.

Yang ketiganya, mengenai perkara-perkara kesalahan, saya baca dalam Rang Undang-undang ini, saya dapati tidak ada dalam peruntukan di mana kalau nelayan itu dibicarakan di atas satu-satu kesalahan yang mereka lakukan, dibicarakan di mahkamah dan nelayan ini pula menang dalam perbicaraan tersebut, maka nelayan itu tidak boleh membuat apa-apa tuntutan kepada Kerajaan. Ini perkara yang pernah berlaku pada masa-masa yang lalu. Saya keluar menangkap ikan, melanggar kawasan menangkap ikan, maka ditahan oleh pihak Penguatkuasa Bahagian Perikanan. Dia tanya, "awak mengaku salah ataupun tidak?". Saya cakap, "tidak mengaku salah". Kalau mengaku salah pada masa itu juga saya didenda dan saya bayar denda, esok hari bolehlah saya keluar semula menangkap ikan. Tetapi kalau saya cakap saya tidak mengaku salah, bot saya ditahan, saya tidak boleh keluar menangkap ikan selagi kes saya tidak dibicarakan di mahkamah. Kedapatan sebuah bot di Sungai Endau sampai reput, kesnya masih belum dibicarakan sehingga tuan bot sudah goal, kesnya masih belum dibicarakan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa "goal" itu Yang Berhormat?

**Tuan Khadri bin Sabran:** Sudah pergi ke dunia akhirat, alam barzah. Jadi bot yang ditahan ini, ada tekongnya, ada awak-awaknya. Tekong ini, awak-awak ini perlu makan. Untuk memberi makan anak, isteri di rumah. Kalau bot ini terus menerus ditahan untuk menanti hari perbicaraan, mereka kehilangan pekerjaan. Saya selaku tuan bot yang ditahan juga memerlukan sumber kewangan untuk membayar hutang

Bank Pertanian kalau terus menerus ditahan sebelum perbicaraan dijalankan. Jika sekiranya semasa perbicaraan itu keputusan Hakim itu, "awak tidak bersalah", adakah saya boleh menuntut ganti rugi daripada Kerajaan di atas penahanan bot saya itu di atas kerugian yang telah saya alami. Perkara ini tidak dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Oleh hal yang demikian, saya mohon kepada Kerajaan, supaya di dalam kita menguatkuasakan hendak menangkap nelayan yang melakukan kesalahan, denda mereka yang melakukan kesalahan, kita memberikan sedikit kepada nelayan, kalau mereka betul, mereka bolehlah diberi pampasan dibayar ganti rugi yang dialami oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hanya setakat itulah sahaja yang dapat saya berikan dan akhirnya saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan apa yang telah disuarakan tadi mana-mana yang didapati ada lojiknya untuk dipertimbangkan semula, maka saya mengharap agar Kerajaan mempertimbangkan semula beberapa peruntukan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.20 ptg.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berserta dengan rakan-rakan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perikanan yang telah dibentangkan oleh Menteri tempoh hari. Di atas fasal-fasal yang termaktub di dalam Bill ini bahawa bagi pihak saya ada di antara yang sungguh saya menyokong dan memberi tahniah dan ada di antara perkara-perkara yang patut sebut di sini ialah mengenai keselesaan rakyat

khasnya nelayan-nelayan dalam segi penerimaan undang-undang yang kita buat ini.

Saya sendiri dalam kawasan saya pun ada nelayan-nelayan seperti Pulau Duyung, Pulau Ketam dan termasuk kawasan baru ini iaitu Seberang Takir maka amat wajarlah sekiranya saya memberi sedikit sebanyak pendapat-pendapat saya mengenai perkara-perkara perikanan ini.

Saya percaya hasrat Kerajaan mengadakan sesuatu undang-undang ataupun Akta ialah berhasrat untuk memperbaiki dan menolong kepada rakyat khasnya nelayan-nelayan supaya sentiasa nelayan-nelayan itu mendapat nikmat yang boleh disebut dan dikenang pertolongan-pertolongan daripada pihak Kerajaan yang sentiasa memberi pandangan-pandangan yang sempurna kepada mereka.

Dalam perkara nelayan-nelayan, rasa saya patutlah bagi pihak Kerajaan membuat dan meneliti sesuatu undang-undang mengenai nelayan-nelayan ini dengan penuh teliti yang paling halus sekali kerana nelayan-nelayan ini ialah terdiri dari rakyat-rakyat yang miskin. Dengan adanya kemiskinan-kemiskinan itu mempunyai hati-hati kecil yang sensitif yang selalu mengintai-intai dan melihat apakah rancangan-rancangan Kerajaan dibuat atas mereka untuk kepentingan-kepentingan mereka. Ada kalanya sesuatu undang-undang ataupun Akta yang kita buat kadang-kadang menjadi terkejut bagi nelayan-nelayan menerima dan mendengarnya. Sebab yang dirasakan oleh nelayan-nelayan, kita kedatangan orang-orang atasan tidak merasai sedih dan susah payah bagi mereka. Seperti dalam Akta mengenai denda yang dikenakan kepada nelayan-nelayan yang tidak patuh dikenakan sehingga sampai denda \$50,000. Ini sepiantas lalu menjadi terkejut kepada nelayan-nelayan.

Saya pagi ini menerima beberapa telefon daripada kawasan saya sendiri apabila dia baca suratkhobar, melihat apa yang tertulis di dalam suratkhobar bahawa nelayan-nelayan yang tidak patuhi undang-undang dan sebagainya akan dikenakan denda \$50,000 dan apabila hendak dibina bot-bot mestilah terpaksa meminta kebenaran. Dan apabila hendak menangkap ikan dan sebagainya itu kena minta kebenaran dan tidak boleh menggunakan pukat, simpan pukat dan sebagainya kena minta kebenaran. Jadi saya menerima telefon pagi ini, telefon yang mengatakan "Mimpikah atau suratkhobar tulis tidak betul". Ini nelayanlah telefon. "Suratkhobar tulis tidak betulkah ataupun betul ini?" Jadi perkara-perkara yang seumpama ini rasa saya patutlah bagi pihak Kerajaan meneliti dengan sehalus-halusnya kerana Kerajaan itulah rakyat, rakyat itulah Kerajaan. Apa yang dirasakan oleh rakyat itulah yang dirasakan oleh Kerajaan. Apa yang dirasakan oleh Kerajaan itulah yang dirasakan oleh rakyat. Tidak akan menjadi sempurna dalam sesebuah negara sekiranya sesuatu yang dibuat oleh Kerajaan tidak menjadi selaras, seimbang dengan perasaan atau penerimaan rakyat.

Selain daripada itu, kita sendiri elok juga kita merujuk ataupun kita melihat sebelum kita membuat sesuatu Akta ataupun undang-undang, kita merujuk kepada cara-cara Tuhan membuat atau mengatur sesuatu terhadap manusia. Misalnya, di dalam Al-Quranulkarim, Tuhan ada berfirman yang bermakna: "hendaklah kamu berunding, bermuzakarah, bermesyuarat kepada sesuatu pekerjaan", khasnya undang-undang.

Dalam segi kesesuaian dan sebagainya hendaklah ditayangkan dahulu sesuai atau tidak sesuainya. Misalnya Allah menurunkan Al-Quranulkarim dari Lohmahfuz tidaklah diturunkan terus kepada Nabi

Muhammad s.a.w. sekali gus begitu. Daripada Lohmahfuz diletakkannya ke langit pertama di Baitulizah, kemudian apabila sahaja hendak menjadi undang-undang, Jibril a.h. terlebih dahulu memberitahu Nabi Muhammad kemudian Nabi Muhammad s.a.w.....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dia minta penjelasan. Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Silakan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya ingin tahu sama ada perbahasan ini adakah perbahasan atas Rang Undang-undang Perikanan ataupun satu pelajaran agama sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjawab apa Yang Berhormat dari Bandar Kuching sebut itu. Perbahasan dalam Undang-undang Perikanan tetapi pengajaran-pengajaran kita mesti ambil. Kalau misalnya Yang Berhormat bercerita soal Bandar Kuching sahaja, jadi kalau disebut Bandar Kuching sahaja maka tidak boleh sebut fasal benda-benda lain, fasal Kuching sahajalah. Jadi perkara

kiri kanan, fasal lain dari Kuching tidak boleh sebut. Jadi ini perbandingan-perbandingan. Ini yang dikatakan kita bermesyuarat atau berbincang bertujuan supaya sesuatu perkara itu misal atau perumpamaan atau example, begitu-begitu sangat mustahak. Oleh itu bukanlah perbincangan dalam perkara hal agama, tetapi perikanan mustahak juga hal agama juga fasal hendak makan dan hendak minum.

Dalam Islam ini bukan fasal sembahyang, puasa sahaja termasuk fasal perikanan pun dalam Islam ini ada juga.....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, masa sudah cukup (*Ketawa*).

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam mengenai tiap-tiap orang.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok, 10hb April, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*